

قتیقن قیتہ

PETIKAN TITAH

"KITA tidak mahu untuk hanya jadi penonton, tetapi yang kita mahu ialah untuk bersaing sehingga ke arena global. Namun persaingan, bukanlah dengan tangan kosong, tetapi dengan ilmu, pengalaman dan kemahiran".
- Titah Sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-14.



Hujung Minggu

قلیظہ

Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانیسش ایمان
MANISNYA IMAN

"UCAPAN penghormatan kepada mereka semasa menemui-Nya (di akhirat) ialah salam".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Ahzab, ayat 44.

WAKTU SEMBAHYANG
IMSAK 4.33 SUBUH 4.43 SYURUK 6.06 DUHA 6.30 ZUHUR 12.18 ASAR 3.41 MAGHRIB 6.28 ISYAK 7.42

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 66 / BILANGAN 61

22 MEI 2021 / 1442 شوال 9

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

DYTM DINAIKKAN KE PANGKAT MEJAR TETAP

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

BERAKAS, Khamis, 20 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Kapten (Udara) Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dinaikkan ke pangkat Mejar Tetap yang berkuat kuasa mulai 20 Mei 2021.

Sehubungan itu, pengurniaan lencana pangkat tersebut disempurnakan oleh ayahanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Kapten (Udara) Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Mes Pegawai, Bolkiah Garison, di sini.

>> Muka 2

AYAHANDA Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Kapten (Udara) Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan lencana pangkat kepada Duli Yang Teramat Mulia yang dinaikkan ke pangkat Mejar Tetap, berkuat kuasa mulai 20 Mei 2021.
- Foto : Mohamad Azmi Awang Damit.



Berita Utama



INDIVIDU dari AS didapati positif COVID-19

Muka 11



RENCANA

AIDILFITRI platform eratkan silaturahmi

Muka 28

COVID-19 : 1 kes import baharu disahkan

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan
Infografik : Bahagian Pelita Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 21 Mei. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, satu kes import baharu jangkitan COVID-19 disahkan

setakat 12.00 tengah hari, yang membawa jumlah keseluruhan kes COVID-19, di negara ini menjadi 236 orang.

>> Muka 11

Sembahyang Sunat Hajat untuk Palestin, 24 Mei

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 Mei. - Bagi memohon perlindungan dan keselamatan untuk rakyat dan negara Palestin, Kementerian Hal Ehwal Ugama akan mengadakan Sembahyang Sunat Hajat dan Bacaan Doa Qunut Nazilah.

Menurut Siaran Akhbar Kementerian Hal

Ehwal Ugama (KHEU) memaklumkan, bahawa Sembahyang Sunat Hajat dan Bacaan Doa Qunut Nazilah akan diadakan pada Isnin (malam Selasa), 12 Syawal 1442 Hijrah bersamaan 24 Mei 2021 Masihi, jam 5.30 petang.

>> Muka 16

"YA Allah, hanya Engkau jua tempat kami berlindung, maka lindungilah kami, dari bahaya COVID-19, dari serangan dan jangkitannya. Jika wabak ini bersebab dari dosa-dosa manusia, maka Engkau ampunkanlah. Sesungguhnya, hanya Engkau jua Yang Maha Berhak untuk memberikan pengampunan. Aamiin Ya Rabbal Alamiin".

- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Berkenaan Jangkitan Wabak COVID-19 pada Isnin, 19 Syaaban 1441 Hijrah / 13 April 2020 Masihi di Istana Nurul Iman.

STATISTIK COVID-19

NEGERA BRUNEI DARUSSALAM

Maklumat setakat 21 MEI 2021, 12.00 tengah hari

236	124,202
Jumlah kes jangkitan	Jumlah keseluruhan ujian makmal (sejak Januari 2020)
3	18,404
Jumlah kematian	Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020)
225	8
Jumlah kes yang sembuh	Kes aktif

Ministry of Health, Brunei Darussalam | mohbrunei | www.moh.gov.bn

DYTM dinaikkan ke pangkat Mejar Tetap



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit,
Hamzah Mohidin, Muhammad Asri Haji Awang Abas,
Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

>> Muka 1

Mengiringi keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Terdahulu, keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia dijunjung oleh Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof dan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Haji Hamzah bin Haji Sahat.

Kebawah DYMM berkenan menerima Tabik Hormat Diraja dan memeriksa perbarisan kawalan kehormatan yang terdiri



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima tabik hormat daripada paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Mejar (Udara) Pengiran Muda 'Abdul Mateen sejurus selepas pengurniaan lencana pangkat (atas kiri), sementara gambar atas, baginda bersama paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Mejar (Udara) Pengiran Muda 'Abdul Mateen pada sesi bergambar kenangan.

dari anggota Tentera Darat Diraja Brunei, sebelum dijunjung berangkat ke Mes Pegawai Bolkiah Garison.

Sejurus tiba di Mes Pegawai Bolkiah Garison, baginda berkenan mengurniakan lencana pangkat kepada Duli Yang

Teramat Mulia Paduka Seri 920 Kapten (Udara) Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

>> Muka 3

WAKTU SEMBAHYANG											
MEI MASIHI	HARI	SYAWAL HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGRIB	ISYAK	
22	SABTU	9	4.33	4.43	6.06	6.30	12.18	3.41	6.28	7.42	
23	AHAD	10	4.33	4.43	6.06	6.30	12.18	3.41	6.28	7.42	
24	ISNIN	11	4.33	4.43	6.06	6.30	12.18	3.42	6.28	7.42	
25	SELASA	12	4.33	4.43	6.06	6.30	12.18	3.42	6.28	7.43	
26	RABU	13	4.33	4.43	6.06	6.30	12.18	3.42	6.28	7.43	
27	KHAMIS	14	4.33	4.43	6.06	6.30	12.18	3.43	6.29	7.43	
28	JUMAAT	15	4.33	4.43	6.06	6.30	12.19	3.43	6.29	7.44	

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI 											
SABTU				AHAD				ISNIN			
Bandar Seri Begawan											
31 25 °C				32 25 °C				32 25 °C			
Pekan Bangar											
31 25 °C				32 24 °C				32 25 °C			
Pekan Tutong											
31 25 °C				32 25 °C				33 26 °C			
Kuala Belait											
31 25 °C				31 24 °C				32 25 °C			

Wallahuallam Bissawab

Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.met.gov.bn

SIDANG PENGARANG

22 MEI 2021

LAKSANAKAN TUGAS DIAMANAHKAN SEBAGAI IBADAH

DALAM agama Islam, bekerja dan berusaha untuk memenuhi keperluan dalam kehidupan itu dianggap sebagai satu ibadah. Ibadah dalam agama Islam itu bukan sahaja terhad kepada amalan ibadah ritual semata-mata seperti sembahyang, puasa, haji dan sebagainya, malah ibadah merangkumi kerja-kerja kemasyarakatan dan sosial, mencari rezeki dan juga melibatkan kerja-kerja mengurus tadbir negara. Oleh itu, pekerjaan boleh berubah daripada adat kebiasaan kepada amal ibadah dengan bersyarat iaitu setiap pekerjaan yang dilakukan itu tidak bercanggah dengan syariat Islam.

Setiap kerja yang halal itu dilaksanakan dengan niat ikhlas kerana Allah Subhanahu Wata'ala. Pekerjaan yang dilakukan itu hendaklah dilaksanakan dengan penuh iltizam, tekun dan kemampuan yang baik. Di samping itu, setiap pekerjaan yang dilakukan itu hendaklah menjaga batas larangan yang ditetapkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan menghormati dasar-dasar akhlak. Selain itu, pekerjaan yang dilakukan itu hendaklah tidak menghalang daripada menunaikan kewajiban kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala seperti sembahyang.

Islam juga mengajar umatnya agar sentiasa berusaha mengamalkan budaya kerja yang cemerlang dengan bertunjangkan iman dan akhlak. Bagi yang menyedari hakikat ini, mereka akan sentiasa berusaha meningkatkan kualiti dan produktiviti pada setiap masa tanpa rasa jemu. Mereka sedar bahawa bekerja itu bukan sekadar tanggungjawab terhadap diri, keluarga, masyarakat dan negara malah ia merupakan amanah Allah Subhanahu Wata'ala.

Oleh yang demikian, setiap pekerjaan yang dilakukan itu hendaklah bersungguh-sungguh dan berusaha gigih kerana mengikuti pesanan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam seperti hadis yang diriwayatkan oleh Saidatina Aishah Radiallahuanha bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pernah bersabda : "Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala mencintai seorang hamba yang apabila dia bekerja, dia menyempurnakan pekerjaannya". (Hadis Riwayat Tabrani)

Dalam melaksanakan tugas juga kita dianjurkan untuk menanainya dengan tanggungjawab dengan bersikap jujur dan amanah, sekali gus tidak menyalahgunakan jawatan, kuasa dan harta. Perkara ini selaras dengan hadis riwayat Tirmidzi, Abdullah Mas'ud Radiallahuanha berkata, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, "Wajib ke atasmu jujur kerana sesungguhnya kejujuran menunjukkan kepada kebaikan dan kebaikan menunjukkan ke syurga serta seseorang selalu jujur dan memelihara kejujuran hingga ditulis dan di sisi Allah Subhanahu Wata'ala sebagai orang jujur".

Oleh itu, laksanakan tugas seharian kitani dengan niat beribadah kerana Allah Subhanahu Wata'ala agar setiap pekerjaan yang dilakukan itu mempunyai keberkatan dan mendapat reda daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua. Amiin Ya Rabbal Alamin. - **Ketua Penyuntingan (Rd)**



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima Tabik Hormat Diraja dan memeriksa perbarisan kawalan kehormatan yang terdiri daripada anggota Tentera Darat Diraja Brunei pada Majlis Pengurniaan Pangkat kepada Pegawai-pegawai Kanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) (kanan dan atas).

>> Muka 2

Di majlis yang sama, baginda juga berkenan untuk mengurniakan pangkat kepada 26 Pegawai Kanan ABDB.

Bagi memberkati majlis, bacaan Doa Selamat dipimpin oleh Ketua Jabatan Agama ABDB, Komander Haji Ainolnizam bin Haji Ibrahim, Tentera Laut Diraja

Brunei.

Sejurus selepas pengurniaan pangkat, baginda bersama paduka-paduka anakanda baginda dijunjung bagi Santap Ringan bersama Pegawai-pegawai Kanan ABDB yang dinaikkan pangkat.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, baginda dan paduka-paduka anakanda

baginda dijunjung bagi sesi bergambar ramai kenangan bersama Ahli Jawatankuasa Eksekutif Pertahanan, Pemerintah-pemerintah Angkatan Tentera, Pemerintah Angkatan Bersama dan para pegawai kanan yang dinaikkan pangkat dan juga berkenan menandatangani Lembaran Keberangkatan.

DYTM Paduka Seri 920 Mejar



(Udara) Pengiran Muda 'Abdul Mateen merupakan seorang pegawai tentera yang berkaliber tinggi serta memiliki sifat berani dan berjaya meraih beberapa pencapaian yang signifikan

semenjak DYTML lulus mengikuti kursus pegawai kadet dengan cemerlang di Royal Military Academy Sandhurst, United Kingdom (UK).

>> Muka 4



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan lencana pangkat kepada 26 Pegawai Kanan ABDB (atas sekali, atas dan atas kanan), sementara gambar kanan, baginda berkenan beramah mesra bersama para pegawai yang diraikan pada majlis tersebut.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda baginda berkenan dijunjung bagi sesi bergambar ramai kenangan bersama Ahli Jawatankuasa Eksekutif Pertahanan, Pemerintah-pemerintah Angkatan Tentera, Pemerintah Angkatan Bersama dan para pegawai kanan yang dinaikkan pangkat.

>> Muka 3

DYTM menjalani Latihan Penerbangan Single Engine Rotary Wing (SERW) di Royal Air Force (RAF) Shawbury, UK pada bulan September 2017 dan menerima lencana juruterbang RAF pada 29 Mac 2018.

Kemudian, pada 1 Julai

2018, Kebawah DYMM menganugerahkan Lencana Juruterbang Tentera Udara Diraja Brunei kepada DYTM semasa Sambutan Hari Ulang Tahun ABDB Ke-57.

Pada masa ini, DYTM telah pun lulus mencapai taraf kategori yang berkelayakan untuk

menerbangkan pesawat S70i Blackhawk pada waktu siang dan malam.

DYTM Paduka Seri 920 Mejar (Udara) Pengiran Muda 'Abdul Mateen menjadi anggota Rejimen Pasukan Khas secara rasmi pada 28 Oktober 2019. Pada tahun 2019, DYTM mengikuti

Kursus Asas Airborne Static Line dan Free Fall yang melayakkan DYTM untuk melakukan penerjunan dari pesawat.

Perkembangan kerjaya DYTM Paduka Seri 920 Mejar (Udara) Pengiran Muda 'Abdul Mateen di dalam ABDB terus melangkah maju apabila DYTM juga

mendapat keputusan cemerlang dengan mendapat markah penuh 100 peratus semasa menjalani Ujian Penilaian Kecergasan Individu Siri 1/2020 bagi Peperiksaan Kenaikan Pangkat Kapten ke Mejar bagi Special to Service (Aircrew) pada 28 Julai 2020.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda baginda menadah tangan semasa Doa Selamat dibacakan pada Santap Ringan bersama Pegawai-pegawai Kanan ABDB yang dinaikkan pangkat (kiri), sementara gambar kanan, baginda berkenan menandatangani Lembaran Keberangkatan.



PEGAWAI-PEGAWAI Kanan ABDB yang dinaikkan pangkat menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan oleh Ketua Jabatan Agama ABDB, Komander Haji Ainolnizam bin Haji Ibrahim, Tentera Laut Diraja Brunei (kiri, tengah dan kanan).

BERANGKAT KE MAJLIS TAHLIL



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Ak. Mohd. Aminol Adi Azrie Pg. Haji Nikman



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat ke Majlis Tahlil di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong. Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel (kiri dan atas).

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat ke Majlis Tahlil di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong.

Majlis Bertahlil berlangsung hari ini adalah bagi ayahanda dan bonda serta anakanda baginda, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali

Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman dan juga Al-Marhum Duli Yang

Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

>> Muka 6



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda dan adinda baginda berangkat ke Majlis Tahlil bagi ayahanda dan bonda serta anakanda baginda, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman dan juga Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.



ANTARA yang hadir pada Majlis Tahlil tersebut (kiri dan tengah), manakala gambar kanan, bacaan Tahlil dipimpin oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan yang seterusnya membacakan Doa Tahlil, diikuti dengan Doa Selamat.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menjirus Aying Asah-Asahan ke makam ayahanda dan bonda juga anakanda baginda, iaitu Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman juga Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim (kiri, kanan dan bawah kiri).



>> Muka 5

Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul

Wakeel; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah berserta kerabat diraja yang lain.

>> Muka 7



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menjirus Aying Asah-Asahan ke makam Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam ibni Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Haji Abdul Rahman; Al-Marhumah Pengiran Babu Raja Pengiran Anak Hajah Besar binti Pengiran Anak Haji Metassan; juga Allahyarham Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz (atas kanan dan atas). Manakala gambar kanan, Majlis Tahlil yang diadakan di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong.





DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menjirus Aying Asah-Asahan ke makam Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit (kiri dan kanan).

>> Muka 6

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta kerabat diraja dijunjung oleh Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera

Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar; Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat

Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; dan Timbalan Menteri Hal Ehwal

Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar.

>> Muka 8



DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan menjirus Aying Asah-Asahan ke makam Al-Marhum DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim (kiri), manakala gambar kanan, DYTM Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan menjirus Aying Asah-Asahan ke makam Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.



DYTM Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan menjirus Aying Asah-Asahan ke makam Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit dan Al-Marhum DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim (kiri dan kanan).



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan menjirus Aying Asah-Asahan ke makam Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit (kiri dan kanan).

>> Muka 7

Pada majlis berkenaan, bacaan Tahlil dipimpin oleh Mufti

Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned yang juga

seterusnya membacakan Doa Tahlil dan diikuti dengan Doa Selamat.

Majlis kemudian diikuti dengan

Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menjiruskan Aying Asah-Asahan ke makam ayahanda dan bonda serta

anakanda baginda, diikuti oleh paduka-paduka anakanda dan adinda baginda.

>> Muka 9



DYT M Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan menjirus Aying Asah-Asahan ke makam Al-Marhum DYT M Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim (kiri), sementara gambar kanan, DYT M Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel berkenan menjirus Aying Asah-Asahan ke makam Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.



DYT M Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel berkenan menjirus Aying Asah-Asahan ke makam Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit dan Al-Marhum DYT M Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim (kiri dan kanan).



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah berkenan menjirus Aying Asah-Asahan ke makam Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit (kiri dan kanan).



DYTM Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah berkenan menjirus Aying Asah-Asahan ke makam Al-Marhum DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim (kiri), sementara gambar kanan, DYTM Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah berkenan menjirus Aying Asah-Asahan ke makam Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

>> Muka 8

Selain itu, Kebawah DYMM dan paduka-paduka anakanda serta adinda baginda juga menjiruskan Aying Asah-Asahan ke makam Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak

Haji Mohamed Alam ibni Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Haji Abdul Rahman; Al-Marhumah Pengiran Babu Raja Pengiran Anak Hajah Besar binti Pengiran Anak Haji Metassan; serta

Allahyarham Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz.

Hampir 400 jemputan hadir ke majlis tersebut yang terdiri daripada Yang Amat Mulia

Pengiran-Pengiran Yang Berhormat Menteri Kabinet, Majlis-Majlis Timbalan-timbalan Menteri, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pengiran-

Cheteria, Menteri-Ahli-Ahli Mesyuarat, Menteri, Pengiran-

Pengiran Pehin-Pehin Manteri-Manteri Bertauliah, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap.

>> Muka 10



DYTM Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah berkenan menjirus Aying Asah-Asahan ke makam Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit dan Al-Marhum DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim (kiri dan kanan).



>> Muka 9

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah berkenan menjirus Aying Asah-Asahan ke makam Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien; Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit dan juga Al-Marhum DYT M Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim (atas kiri, atas dan kiri). Manakala gambar bawah, antara yang hadir pada Majlis Bertahlil berkenaan.



92 PEGAWAI ABDB NAIK PANGKAT

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) menyempurnakan Majlis Kenaikan Pangkat bagi seramai 92 Pegawai ABDB yang diraikan (atas dan bawah).

YANG Berhormat Menteri Pertahanan Kedua (depan, tengah) bersama Pemerintah-pemerintah Angkatan Tentera dan Pemerintah Angkatan Bersenjata antara yang hadir pada Majlis Kenaikan Pangkat seramai 92 Pegawai ABDB, di Mes Pegawai, Berakas Garison.

BERAKAS, Jumaat, 21 Mei. - Atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, seramai 92 Pegawai Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) diperkenalkan untuk dinaikkan pangkat.

Majlis Kenaikan Pangkat pegawai-pegawai berkenaan berlangsung di Mes Pegawai, Berakas Garison, di sini.

Hadir bagi menyempurnakan majlis tersebut ialah Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Haji Hamzah bin Haji Sahat.

Pegawai-pegawai yang dinaikkan pangkat terdiri daripada 41 pegawai yang dinaikkan ke pangkat Mejar / Leftenan Komander (TLDB) Tetap; 12 pegawai dinaikkan ke pangkat Pemangku Mejar / Leftenan Komander (TLDB); dan 39 pegawai dinaikkan ke pangkat Pemangku Kapten / Leftenan (TLDB).

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Pemerintah-pemerintah Angkatan Tentera; Pemerintah Angkatan Bersenjata; Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap; Komandan-komandan; Pegawai-pegawai Kementerian Pertahanan dan ABDB serta keluarga para pegawai yang dinaikkan pangkat.



INDIVIDU DARI AS DIDAPATI POSITIF COVID-19

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Masri Osman

negara ini dari Amerika Syarikat pada 15 Mac 2021.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar menjelaskan demikian, pada Sidang Media yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

"Kedua-dua ujian RT-PCR SARS-CoV-2 yang beliau lakukan sebelum tiba ke negara ini dan ujian ulangan semasa dalam tempoh kuarantin adalah negatif. Kes ini berada di dalam keadaan yang sihat di sepanjang masa berada di Negara Brunei Darussalam dan tidak pernah menghidap sebarang tanda-tanda jangkitan," ujar Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan telah melakukan beberapa ujian lanjut terhadap kes tersebut untuk memastikan bila kes tersebut dijangkiti dan ujian-ujian lanjut yang dilakukan mendapati kes ini mempunyai nilai *antibody* IgG yang tinggi, manakala IgM adalah negatif.

Yang Berhormat menambah, keadaan ini menunjukkan bahawa kes ini adalah kes jangkitan yang lama dan besar kemungkinan kes ini dijangkiti sebelum tiba ke

Negara Brunei Darussalam.

Sementara itu, tambah Yang Berhormat, ujian RT-PCR SARS-CoV-2 ulangan juga dilakukan semalam kepada kes ini, di mana keputusannya ialah negatif.

"Kajian saintifik telah mendapati seorang yang pernah dijangkiti SARS-CoV-2 berkemungkinan masih mempunyai sisa virus yang tidak hidup (*non-viable*) di dalam saluran pernafasannya sehingga setahun selepas dijangkiti dan oleh itu, kadangkala masih mempunyai keputusan ujian yang positif walaupun telah lama dijangkiti. Walau bagaimanapun, kes-kes yang lama seperti kes ini tidak boleh menjangkiti orang lain," jelas Yang Berhormat.

Dengan pengesanan kes ini, kata Yang Berhormat lagi, jumlah keseluruhan kes COVID-19 yang dikesan di Negara Brunei Darussalam ialah sebanyak 236 orang dan kes terbaharu ini adalah diklasifikasikan sebagai kes import.

Yang Berhormat, seterusnya menjelaskan, walaupun kes ini telah dikenal pasti sebagai kes jangkitan lama, namun Kementerian Kesihatan tetap

■ **KEMENTERIAN Kesihatan ingin mengesahkan bahawa seorang individu telah dimasukkan ke Pusat Pengasingan Kebangsaan setelah ujian awal (*preliminary test*) individu berkenaan didapati positif bagi SARS-CoV-2 pada Khamis, 20 Mei 2021.**

■ **KEMENTERIAN Kesihatan telah melakukan beberapa ujian lanjut terhadap kes tersebut untuk memastikan bila kes tersebut dijangkiti dan ujian-ujian lanjut yang dilakukan telah mendapati kes ini mempunyai nilai *antibody* IgG yang tinggi manakala IgM adalah negatif.**

■ **DENGAN pengesanan kes ini, jumlah keseluruhan kes COVID-19 yang dikesan di Negara Brunei Darussalam ialah sebanyak 236 orang dan kes terbaharu ini adalah diklasifikasikan sebagai kes import.**

melaksanakan pengesanan kontak (*contact tracing*) dan menjalankan ujian SARS-CoV-2 terhadap kontak-kontak bagi kes ini untuk memastikan tidak ada jangkitan aktif berlaku dalam kalangan masyarakat di negara ini.

"Setakat ini, lebih 200 kontak telah dikenal pasti, di mana 14 daripadanya telah tampil untuk menjalani ujian SARS-CoV-2 semalam dan hasil ujian-ujian tersebut menunjukkan kesemua mereka adalah negatif bagi virus SARS-CoV-2. Manakala kontak selebihnya telah diarahkan untuk

menjalani ujian SARS-CoV-2 secepat mungkin," jelas Yang Berhormat.

Dalam pada itu, tambah Yang Berhormat lagi, sesiapa yang mempunyai sebarang kontak dengan kes berkenaan dalam masa 14 hari yang lalu adalah dinasihatkan untuk mendapatkan ujian SARS-CoV-2 di tempat-tempat berikut, Kompleks Sukan, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha; Pusat Kesihatan Berakas; SARI Centre, Hospital Suri Seri Begawan; dan Pusat Kesihatan Seria.



YANG Berhormat Menteri Kesihatan pada Sidang Media tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 21 Mei. - Kementerian Kesihatan ingin mengesahkan bahawa seorang individu dimasukkan ke Pusat Pengasingan Kebangsaan setelah ujian awal (*preliminary test*) individu berkenaan didapati positif bagi SARS-CoV-2, pada Khamis, 20 Mei 2021.

Ini berikutan dengan penyebaran mesej tular melalui media sosial semalam berkenaan dengan seorang individu yang disyaki positif bagi jangkitan COVID-19, di sebuah bangunan apartmen, di Daerah Belait.

Individu berkenaan tiba ke

COVID-19 : 1 kes import baharu disahkan

>> Muka 1

Melalui Siaran Akhbar mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD) menyatakan dua kes sembuh, manakala sebanyak lapan kes aktif masih dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan, di mana mereka semua dalam keadaan yang baik. Ini bermakna, jumlah kes yang sembuh setakat ini adalah sebanyak 225 orang.

Sebanyak 95 kes import disahkan sejak kes jangkitan tempatan terakhir dilaporkan, pada 6 Mei 2020.

Pada ketika ini, NBD mencatatkan 380 hari tanpa kes jangkitan tempatan COVID-19.

Pada hari ini, seramai 460 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori, di pusat-pusat pemantauan yang ditetapkan oleh kerajaan, iaitu mereka yang tiba ke negara ini, setelah melakukan perjalanan dari luar negara. Setakat ini, seramai 18,404 orang menamatkan pengasingan diri mandatori, di kemudahan-kemudahan berkenaan.

Dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 289 sampel diuji bagi virus SARS-CoV-2, yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 menjadi 124,202 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 (waktu pejabat) atau melalui aplikasi BruHealth.

Dapatkan suntikan vaksin, cegah penularan COVID-19

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 21 Mei. - Orang ramai adalah digalakkan untuk mendapatkan suntikan Vaksin COVID-19 di pusat-pusat vaksinasi di seluruh negara bagi sama-sama mencegah penularan wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar menjelaskan demikian pada Sidang Media mengenai mesej tular berkenaan dengan seorang individu yang disyaki positif COVID-19 yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Berikutan dengan Kes 236, jelas Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan ingin menegaskan mengenai betapa pentingnya orang ramai dan pengurus-pengurus premis untuk terus melaksanakan

langkah-langkah berjaga-jaga, seperti mengasingkan diri daripada orang lain apabila mengalami tanda-tanda jangkitan; mengimbas Kod QR juga membuat pemeriksaan suhu badan apabila masuk ke bangunan-bangunan; dan mengelakkan dari meninggalkan Negara Brunei Darussalam melalui jalan-jalan yang tidak dibenarkan.

"Keengganan untuk melakukan sepertimana nasihat Kementerian Kesihatan akan menyukarkan tugas-tugas *contact tracing* sekiranya ada keperluan untuk mengesan kontak-kontak bagi kes-kes yang disyaki menghidap COVID-19.

"la bukan saja akan melambatkan pihak Kementerian Kesihatan mengambil tindakan, tetapi juga akan memudahkan wabak ini menular dengan cepat di kalangan masyarakat di Negara Brunei Darussalam," terang Yang

Berhormat.

Sementara itu, kata Yang Berhormat lagi, sesiapa yang mengalami tanda-tanda jangkitan seperti demam panas, batuk, selesema dan sakit sendi (*flu-like symptoms*) adalah dinasihatkan untuk segera berjumpa doktor untuk mendapatkan rawatan dan bagi menjalani ujian *swab*.

Menurut Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan akan terus memantau situasi wabak di dalam negara juga peringkat serantau dan global juga melaksanakan penilaian risiko secara berterusan.

Tambah Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan akan memaklumkan kepada orang ramai mengenai sebarang perubahan mengenai situasi ini, jika perlu, dari semasa ke semasa.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

Amalkan langkah berjaga-jaga

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 21 Mei. - Tindakan orang ramai untuk tampil menerima suntikan vaksin adalah sangat menggalakkan, di mana ia menunjukkan bahawa kita membuat keputusan dengan baik dan mengetahui akan vaksin tersebut dalam menilai risiko juga kelebihan-kelebihannya.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar menjelaskan, vaksin akan mengawal dan melindungi kita daripada jatuh sakit (sakit yang teruk dan sebagainya), namun ia tidak mencegah kita daripada dijangkiti virus. Jika seseorang yang divaksin dijangkiti, ia tidak seterusnya mereka yang tidak divaksin.

Yang Berhormat pada Sidang Media juga mengongsikan, bahawa kita sudah menerima vaksin sejak sebulan lebih yang lalu dan pada masa ini, sudah mencapai 5 peratus daripada penduduk yang telah menerima vaksin dan berharap akan dapat mencapai 70 peratus daripada penduduk menjelang akhir tahun nanti.

Tambah Yang Berhormat, ini kerana tidak semua yang dapat menerima vaksin, justeru untuk melindungi mereka itu, kita perlu bertindak.

Jelas Yang Berhormat lagi, vaksin diberikan secara percuma kepada semua, termasuk kepada sesiapa sahaja yang bermastautin di negara ini.

Yang Berhormat juga mengingatkan kepada semua

COVID-19 : Pelajar NBD di Kaherah, 2 sembuh

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 21 Mei. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar memaklumkan mengenai situasi pandemik COVID-19 pelajar-pelajar Negara Brunei Darussalam (NBD) yang menetap di Kaherah, Republik Arab Mesir bahawa dua kes telah sembuh dari COVID-19.

"Manakala seramai 15 pelajar telah menjalani ujian *swab* di mana seorang daripadanya disahkan positif COVID-19," ujar Yang Berhormat semasa Sidang Media yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

Yang Berhormat, seterusnya menjelaskan, para pelajar tersebut adalah dalam keadaan yang baik dan Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Republik Arab Mesir akan terus memantau perkembangan kesihatan mereka.

untuk terus mengamalkan langkah-langkah berjaga-jaga, mengimbas Kod QR, jangan keluar rumah jika demam dan yang penting jika ada maklumat mengenai sesiapa yang melalui jalan-jalan tikus hendaklah terus menghubungi juga melaporkan kepada pihak-pihak berkuasa secepat mungkin.



DOA KESYUKURAN SEMPENA WTISD 2021

YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi (depan, tiga dari kiri) pada Majlis Doa Kesyukuran sempena Memperingati Hari Telekomunikasi dan Masyarakat Berinformasi Sedunia (WTISD) 2021, yang diadakan oleh Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI). Turut hadir, Yang Mulia Timbalan Menteri Tenaga (depan, dua dari kiri).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 Mei. - Bersempena Memperingati Hari Telekomunikasi dan Masyarakat Berinformasi Sedunia (WTISD) 2021, Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) mengadakan Majlis Doa Kesyukuran, bertempat di Surau Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Hadir pada majlis tersebut, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Motalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Sunat Hajat dan Asar Berjemaah, diimamkan oleh Awang Haji Mohd. Ashraf bin Haji Bujang, diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Kesyukuran.

WTISD disambut setiap tahun pada 17 Mei, untuk menandakan penubuhan Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa (ITU) pada tahun 1865 ketika Konvensyen Telegraf Antarabangsa pertama ditandatangani di Paris, Perancis.

Tujuan WTISD diadakan adalah untuk meningkatkan kesedaran mengenai internet dan ICT dan



bagaimana ia dapat memberi manfaat kepada masyarakat dan ekonomi juga merapatkan jurang digital.

Tahun ini adalah Tahun Ke-52 WTISD diraikan sejak tahun 1969. Tema untuk tahun ini adalah 'Accelerating Digital Transformation in Challenging Times', menekankan peranan utama teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) juga ketidaksamaan digital di antara dan dalam negara.

Bersempena dengan Sambutan WTISD, AITI menganjurkan Pertandingan Foto Instagram yang dibuka bagi penyertaan oleh semua Penduduk Negara Brunei Darussalam dengan usia minimum 15 tahun. Tarikh tutup penyertaan

adalah pada Isnin, 31 Mei 2021.

Untuk maklumat lebih lanjut mengenai peredaran ini, peserta yang berminat boleh mencarinya di www.aiti.gov.bn.

Turut hadir, Timbalan Menteri Tenaga, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Matsatejo bin Sokiaw selaku Pengerusi AITI; Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof; dan Pemangku Ketua Eksekutif AITI; serta Anggota Lembaga AITI, Awang Ir. Haji Jailani bin Haji Buntar.

Tetamu undangan lain termasuk Pegawai-pegawai Kanan dari Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan wakil daripada

Siaran Akhbar dan Foto : Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam

penyedia-penyedia perkhidmatan Federation Brunei (IFB) dan telekomunikasi, InfoCom industri ICT.

2 pelajar positif COVID-19 disahkan sembuh

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BERAKAS, Khamis, 20 Mei. - Dengan merujuk pada Siaran Akhbar Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), pada 30 Ramadan 1442 bersamaan 13 Mei 2021 lalu mengenai situasi pandemik COVID-19 pelajar-pelajar Negara Brunei Darussalam (NBD) yang menetap di Kaherah, Republik Arab Mesir, maka kementerian berkenaan ingin memaklumkan, bahawa berdasarkan pada maklumat yang diterima daripada pihak Atasi Pelajaran dan Kebudayaan, Kedutaan Besar NBD di Republik Arab Mesir, pada 18 Mei 2021, dua daripada empat orang pelajar yang positif COVID-19 disahkan sembuh.

Manakala terdapat seorang pelajar didapati positif COVID-19, yang membawa jumlah keseluruhan kepada tiga kes aktif. Alhamdulillah, keseluruhan 28 pelajar yang berada di Kaherah, Republik Arab Mesir telah menjalani ujian swab.

Sementara itu, tiga orang pelajar tersebut tidak mengalami sebarang simptom dan pelajar-pelajar secara keseluruhannya adalah dalam keadaan yang baik.

Pada masa yang sama, para pelajar yang berada di Kaherah dan berada di Republik Arab Mesir secara amnya terus disarankan untuk sentiasa mematuhi Standard Operating Procedure (SOP) yang ditetapkan dari semasa ke semasa bagi mengelakkan jangkitan pandemik COVID-19.

Pelajar juga dinasihatkan untuk sentiasa memaklumkan keadaan kesihatan masing-masing setiap hari kepada pihak pengurusan pelajar di Republik Arab Mesir.

Para ibu bapa, penjaga dan keluarga pelajar adalah dinasihatkan untuk tidak berasa cemas dengan situasi ini. KHEU akan terus bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan pihak-pihak berkenaan dalam memantau situasi pandemik COVID-19 di Republik Arab Mesir, seterusnya mendapatkan nasihat yang bersesuaian dengan keadaan semasa.

Sebarang pertanyaan lanjut mengenai perkara ini boleh dirujuk ke Bahagian Sumber Tenaga Manusia dan Biasiswa, di Tingkat 14, Blok 2J, Jabatan Pengajian Islam atau menerusi telefon +673 2231064 atau e-mel ke biasiswa@jpi.edu.bn.

■ **DUA** daripada empat orang pelajar Brunei yang menetap di Kaherah, Republik Arab Mesir, yang positif COVID-19 disahkan sembuh.

■ **TERDAPAT** seorang pelajar didapati positif COVID-19, yang membawa jumlah keseluruhan kepada tiga kes aktif.

■ **KESELURUHAN** 28 pelajar yang berada di Kaherah, Republik Arab Mesir telah menjalani ujian swab.

■ **PARA** pelajar yang berada di Kaherah dan yang berada di Republik Arab Mesir secara amnya terus disarankan untuk sentiasa mematuhi Standard Operating Procedure (SOP) yang ditetapkan dari semasa ke semasa bagi mengelakkan jangkitan pandemik COVID-19.

■ **PELAJAR** juga dinasihatkan untuk sentiasa memaklumkan keadaan kesihatan masing-masing setiap hari kepada pihak pengurusan pelajar di Republik Arab Mesir.

COVID-19 : 1 kes sembuh

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan
Infografik : Bahagian Pelita Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 Mei. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, tidak ada kes baharu jangkitan COVID-19 disahkan setakat 12.00 tengah hari, yang membawa

jumlah keseluruhan kes COVID-19, di negara ini menjadi 235 orang.

Melalui Siaran Akhbar mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD) menyatakan satu kes sembuh,


manakala sebanyak sembilan kes aktif masih dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan. Ini bermakna, jumlah kes yang sembuh setakat ini adalah sebanyak 223 orang.

Sebanyak 94 kes import disahkan sejak kes jangkitan tempatan terakhir dilaporkan, pada 6 Mei 2020. Pada ketika ini, NBD mencatatkan 379 hari tanpa kes jangkitan tempatan COVID-19.

Pada hari ini, seramai 479 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori, di pusat-pusat pemantauan yang ditetapkan oleh kerajaan, iaitu mereka yang tiba ke negara ini, setelah melakukan perjalanan dari luar negara. Setakat ini, seramai 18,380 orang menamatkan pengasingan diri mandatori, di kemudahan-kemudahan berkenaan.

Dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 168 sampel diuji bagi virus SARS-CoV-2, yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 menjadi 123,913 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 (waktu pejabat) atau melalui aplikasi BruHealth.



UTB-MIROS TANDATANGANI MOU TINGKAT KESELAMATAN JALAN RAYA

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 21 Mei. - Universiti Teknologi Brunei (UTB) dan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS), sebuah agensi di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia menandatangani Memorandum

Persefahaman (MoU) untuk menjalinkan hubungan dan kerjasama dalam bidang keselamatan jalan raya. MOU ini selaras dengan visi UTB untuk menjadikan 'Global University Impacting Society'.

Dalam keadaan situasi pandemik COVID-19, penandatanganan MoU tersebut diadakan secara maya yang dihoskan oleh MIROS sempena Minggu Keselamatan Jalan Raya ASEAN 2021 (ARSW 2021).

Menandatangani bagi pihak UTB, Naib Canselor UTB, Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman, sementara MIROS diwakili oleh Ketua Pengarah dan Profesor Adun, Yang Berusaha Ir. Ts. Dr. Khairil Anwar bin Abu Kassim. Kedua-duanya disertai oleh Pengarah Pusat Penyelidikan Pengangkutan (CfTR) dari UTB, Dr. Tan Soon Jiann dan Ketua Unit Operasi dan Pengurusan Data Kerosakan, Pejabat Ketua Pengarah dari MIROS, Ts. Ahmad Noor Syukri bin Zainal Abidin sebagai saksi penandatanganan.

"UTB melalui Pusat Penyelidikan Pengangkutan (CfTR) adalah anggota aktif Majlis Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) di Negara Brunei Darussalam (NBD)," kata Naib Canselor UTB.

Beliau berharap agar kolaborasi UTB-MIROS akan menghasilkan program dan projek yang akan bermanfaat bagi peningkatan keupayaan pengamal keselamatan jalan raya di NBD dan memberikan hasil penyelidikan yang akan menyokong pembentukan dasar dan inisiatif baharu untuk

■ Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Teknologi Brunei

meningkatkan keselamatan jalan raya di negara, dengan itu juga menyokong visi 'Pelan Strategik Keselamatan Jalan Raya Brunei Darussalam 2025' mengenai 'Sifar Kemalangan Jalan Raya'.

MoU tersebut sebagai langkah membuka jalan untuk penyelidikan dan pembangunan di bidang keselamatan jalan raya dan keselamatan jalan raya di antara kedua-dua pihak.

Aktiviti kerjasama di bawah MoU akan merangkumi pendidikan dan latihan, penempatan staf juga para pelajar, kerjasama dalam projek penyelidikan dan pembangunan yang melibatkan audit keselamatan jalan raya juga data kemalangan,

dan inisiatif / aktiviti lain dengan tujuan meningkatkan keselamatan lalu lintas jalan raya.

Penandatanganan secara maya diadakan semasa Minggu Keselamatan Jalan Raya ASEAN 2021 anjuran MIROS dengan kapasitinya sebagai Pusat Keselamatan Jalan Raya ASEAN. Program selama tujuh hari itu dijalankan secara maya, yang dihasrat akan dapat memberi peluang kepada masyarakat untuk menitikberatkan pergerakan global ke arah menerapkan had laju 30 kilometer / sejam dalam usaha untuk mengurangkan kematian di jalan raya dan kemalangan jalan raya.

Pelantikan Pengarah IPA baharu

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 Mei. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan ini, Jabatan Perdana Menteri (JPM) memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perkenan bagi pelantikan Pemangku Penolong Naib Canselor di Universiti Teknologi Brunei (UTB), Dr. Hajah Noor Maya binti Haji Md. Salleh dilantik menjadi Pengarah Institut Perkhidmatan Awam (IPA), IPA, JPM.

Tarikh pelantikan pegawai berkenaan berkuat kuasa mulai Khamis, 7 Syawal 1442 bersamaan 20 Mei 2021.

COVID-19 : 10 kes aktif jalani rawatan

**■ Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan
Infografik : Bahagian Pelita Brunei**

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 Mei. - Kementerian Kesihatan memaklumkan kepada orang ramai bahawa alhamdulillah tidak ada kes baharu disahkan setakat 12.00 tengah hari ini, menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD) masih kekal seramai 235 orang.

Melalui Siaran Akhbar mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, Kementerian Kesihatan juga memaklumkan bahawa setakat ini, NBD mencatatkan 378 hari kes sifar, iaitu bagi kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19 sejak laporan terakhir dicatatkan, pada 6 Mei 2020.


Dalam pada itu, setakat ini, sebanyak 94 kes import dicatatkan, iaitu sejak kes terakhir jangkitan tempatan berkenaan dilaporkan.

Menurut Kementerian Kesihatan lagi, 10 kes aktif masih menjalani rawatan di Pusat Pengasingan Kebangsaan menjadikan jumlah keseluruhan kes yang sembuh setakat ini masih kekal seramai 222 orang.

Kementerian Kesihatan turut memaklumkan mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, di mana seramai 495 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori, sementara seramai 18,298 orang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak Mac 2020.

Seterusnya, dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 102 sampel ujian virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dan ini membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 ialah sebanyak 123,745 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.



Kebenaran kemasukan warganegara asing ditangguhkan lagi

■ Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 Mei. - Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dan merujuk pada Siaran Media Jabatan Perdana Menteri (JPM) bertarikh 6 Mei 2021, JPM ingin memaklumkan mengenai perkara-perkara berikut.

Penangguhan kebenaran kemasukan warganegara asing melalui pos-pos kawalan darat dan laut, termasuk perjalanan transit melintasi Negara Brunei

Darussalam (NBD) adalah dilanjutkan selama 14 hari lagi, iaitu dari 22 Mei hingga 4 Jun 2021, kecuali bagi kemasukan atau perjalanan transit yang telah diberikan kebenaran oleh Kerajaan NBD.

Sementara itu, bagi kemasukan dan perjalanan transit melalui NBD hanya boleh dipertimbangkan bagi kenderaan-kenderaan yang mempunyai Permit Lintas Batas dan Penyata Kebenaran Transit yang dikeluarkan oleh Kerajaan NBD dengan jaminan atau sokongan daripada pihak berkuasa negara yang berkenaan dengan dikenakan syarat dan prosedur kemasukan yang sedia ada bagi tujuan seperti, atas urusan

■ PENANGGUHAN kebenaran kemasukan warganegara asing melalui pos-pos kawalan darat dan laut, termasuk perjalanan transit melintasi Negara Brunei Darussalam (NBD) adalah dilanjutkan selama 14 hari lagi.

■ BAGI kemasukan dan perjalanan transit melalui NBD hanya boleh dipertimbangkan bagi kenderaan-kenderaan yang mempunyai Permit Lintas Batas dan Penyata Kebenaran Transit yang dikeluarkan oleh Kerajaan NBD dengan jaminan atau sokongan daripada pihak berkuasa negara yang berkenaan dengan dikenakan syarat dan prosedur kemasukan yang sedia ada.

■ PENANGGUHAN sementara kebenaran bagi pengambilan dan penghantaran barangan milik individu di lokasi-lokasi khusus, di perkarangan sempadan (checkpoints) yang dibuat oleh runners berdaftar di NBD juga adalah dilanjutkan selama 14 hari sehingga 4 Jun 2021.

rasmi kerajaan; persekolahan; perkhidmatan - perkhidmatan kecemasan (seperti ambulans, polis dan tentera); dan Transport Operators yang berdaftar di luar negara dengan Permit Lintas Batas yang dikeluarkan oleh Kerajaan NBD bagi penghantaran bekalan import yang penting.

Selain itu, penangguhan sementara kebenaran bagi pengambilan dan penghantaran barangan milik individu di lokasi-lokasi khusus, di perkarangan sempadan (checkpoints) yang dibuat oleh runners berdaftar di NBD juga adalah dilanjutkan selama 14 hari sehingga 4 Jun 2021.

Manakala penangguhan sementara kebenaran bagi keluar dan masuk negeri secara ulang alik (commuters) melalui pos-pos kawalan darat mahupun laut bagi tujuan pekerjaan adalah juga dilanjutkan selama 14 hari hingga 4 Jun 2021.

Syarat-syarat bagi pertimbangan keluar masuk yang dinyatakan di atas adalah tertakluk kepada penelitian Jawatankuasa Pandu Hal Ehwal Rentas Sempadan dari semasa ke semasa.

Bagi sebarang maklumat lanjut dan terperinci, bolehlah menghubungi Travel Hotline melalui talian 120 semasa waktu bekerja ataupun melalui e-mel ke travelapplication@jpm.gov.bn.

PENYERAHAN POSTER SEMPENA SAMBUTAN HUT JUBLI INTAN ABDB

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



PENGERUSI Tertinggi Sambutan Hari Ulang Tahun Jubli Intan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Timbalan Pemerintah Tentera Darat Diraja Brunei (TDDDB), Kolonel Azman bin Haji Bangkol hadir pada Majlis Penyerahan Poster Sambutan Hari Ulang Tahun (HUT) Jubli Intan ABDB dan seterusnya menerima Poster Rasmi daripada Jurucakap Kementerian Pertahanan, Leftenan Kolonel (U) Don Giovanni bin Abdul Rahman (kiri dan kanan).

TANAH JAMBU, Khamis, 20 Mei. - Majlis Penyerahan Poster Sambutan Hari Ulang Tahun (HUT) Jubli Intan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) diadakan di Dewan Auditorium Akademi Pertahanan, ABDB.

Pemulaan acara tersebut diberkati dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Kapten Muhd. Farid bin Muhd. Raffi, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada

Pengerusi Tertinggi Sambutan Hari Ulang Tahun Jubli Intan ABDB, Timbalan Pemerintah Tentera Darat Diraja Brunei (TDDDB), Kolonel Azman bin Haji Bangkol selaku tetamu kehormat.

Dalam ucapannya, beliau antara lain, menjelaskan tema sambutan pada tahun ini, iaitu 'Bersama Menjayakan Wawasan Negara' adalah bertepatan dengan peranan ABDB, memainkan peranan

penting dalam memperkasa keselamatan dan kedaulatan Negara Brunei Darussalam, mendukung kemajuan juga pembangunan negara secara holistik, dengan memastikan persekitaran yang aman dan damai melalui pertahanan dan sekuriti yang jitu.

"Sebagai tonggak pertahanan dan keselamatan negara, ejen dan pemangkin terhadap perpaduan

serta integrasi di antara agensi-agensi keselamatan negara dalam sama-sama mendukung serta menanai Whole of Nation Approach bagi memantapkan kestabilan dan keamanan negara serta pada masa yang sama menyumbang kepada kesejahteraan serantau dan antarabangsa," tegasnya.

Dalam merealisasikan aspirasi ini, terangnya, ABDB akan

terus memperkembangkan dan mempertingkatkan kapasiti juga kemampuan warganya, melalui peningkatan kemahiran profesionalisme yang lebih berkualiti, sekali gus memartabatkan kewibawaan ABDB.

Bersandarkan tema ini juga, tambahnya, ABDB akan terus mempersiapkan diri dari semua aspek pertahanan lebih-lebih lagi dalam mempertingkatkan hubungan diplomasi pertahanan agar ia senantiasa relevan seiring dengan wawasan negara.

Seterusnya, acara diikuti dengan Penyerahan Poster Rasmi daripada Jurucakap Kementerian Pertahanan, Leftenan Kolonel (U) Don Giovanni bin Abdul Rahman kepada tetamu kehormat.

Kemudian, sebanyak 500 keping poster diserahkan oleh Pengerusi Tertinggi Sambutan Jubli Intan ABDB kepada Pegawai-pegawai Perhubungan Awam dan wakil-wakil dari kementerian-kementerian, jabatan-jabatan kerajaan juga wakil-wakil daripada unit-unit ABDB.

Penyerahan poster-poster ini menandakan pembarigian rasmi Sambutan HUT Jubli Intan ABDB, yang akan diadakan pada 31 Mei 2021 nanti, bertempat di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin, di ibu negara.

Pesakit tidak dilupakan : Aidilfitri disambut bersama

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 Mei. - Sebagai sikap pemedulian dan memberi perhatian juga sokongan yang berterusan terhadap mereka yang sedang menjalani rawatan, Bahagian Pengurusan dan Pentadbiran Hospital Raja Isteri

Pengiran Anak Saleha (RIPAS) mengadakan Majlis Penyampaian Cenderahati Raya bagi pesakit-pesakit sempena Sambutan Aidilfitri, Tahun 1442H / 2021M.

Hadir selaku tetamu kehormat, Pemangku Ketua Pegawai

Eksekutif Tingkat Khas, Awang Abdol Hazis bin Haji Ahad.

Sebanyak 243 bungkusan Aidilfitri diberikan kepada pesakit-pesakit di Wad 12; Wad 14; Wad 18; Wad 19; Wad 21; Wad 22; Wad 26; Wad 27; Wad 30; Unit Pediatrik Akut; dan Unit High Dependency.

Syarikat Royal Brunei Culinary juga turut serta dalam memberikan

sumbangan bungkusan Aidilfitri kepada pesakit-pesakit di wad Hospital RIPAS.

Majlis antaranya bertujuan untuk memberikan pemedulian dan perhatian berterusan terhadap mereka yang sedang menerima rawatan di hospital dan tidak berkesempatan untuk meraikan

Sambutan Aidilfitri di rumah sendiri.

Turut hadir pada majlis tersebut, pegawai - pegawai kanan, pegawai dan kakitangan Hospital RIPAS dan pegawai bersama kakitangan daripada Syarikat Royal Brunei Culinary.



PEMANGKU Ketua Pegawai Eksekutif Tingkat Khas, Awang Abdol Hazis bin Haji Ahad pada Majlis Penyampaian Cenderahati Raya bagi pesakit-pesakit sempena Sambutan Aidilfitri, Tahun 1442H / 2021M (atas dan bawah).





MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Membangun Potensi Belia'. Tarikh Tutup : 26 Mei 2021
2. 'Kekalkan Budi Bahasa Di Alam Maya'. Tarikh Tutup : 2 Jun 2021
3. 'Teknologi Mempereratkan Silaturahmi'. Tarikh Tutup : 9 Jun 2021

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



BERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Qasas, ayat 73 :

Tafsirnya : "Dan antara rahmat-Nya, Dia menjadikan untuk kamu malam dan siang supaya kamu dapat beristirahat padanya (waktu malam) dan dapat mencari rezeki daripada limpah kurniannya (pada waktu siang) dan mudah-mudahan kamu bersyukur".

Ayat tersebut menjelaskan bahawa Allah Subhanahu Wata'ala dengan kuasa dan rahmat-Nya telah mengurniakan nikmat yang begitu banyak dan tidak terhitung banyaknya. Di antara nikmat tersebut ialah dengan menciptakan siang dan malam secara silih berganti untuk para makhluk-Nya agar mereka dapat beristirahat pada waktu malam dan pada waktu siang pula untuk mengurus

BEKERJA DAN BERUSAHA

kehidupan seperti bekerja dan berusaha mencari rezeki bagi menyara kehidupan dirinya dan juga tanggungannya.

Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala telah menjamin dan menetapkan rezeki setiap makhluk di muka bumi ini. Sungguhpun demikian, ia perlu disertakan dengan usaha dan ikhtiar, bukannya hanya dengan menunggu, enggan bekerja dan enggan berusaha dengan sematamata beralasan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Perlu diingat, bahawa setiap rezeki dan setiap kejayaan itu perlu diusahakan untuk kita mendapatkannya dan ia tidak akan datang bergolek sendiri tanpa ada sebarang ikhtiar, sebarang kesungguhan dan juga perlu disertai dengan berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Agama Islam melarang umatnya meminta-minta kepada orang lain sedangkan ia masih bertenaga, berupaya dan mampu untuk bekerja. Dalam agama kita, sifat meminta-minta itu dianggap sebagai perbuatan yang keji dan tercela.

Sesungguhnya orang yang berusaha mencari rezeki yang halal agar dapat menjauhkan dirinya daripada sifat meminta-minta, maka Allah Subhanahu Wata'ala akan mengurniakan ganjaran iaitu dibangkitkan pada hari kiamat kelak dengan wajahnya bagaikan bulan purnama. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Barang siapa mencari rezeki halal untuk menjaga diri daripada meminta-minta dan dengan tujuan memenuhi nafkah keluarga serta supaya dapat membantu tetangganya, nescaya dia akan dibangkitkan oleh Allah pada hari kiamat dengan wajahnya bagaikan bulan purnama". (Hadis Riwayat Imam Ahmad)

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis Baginda menjelaskan bahawa antara keutamaan dan kemuliaan yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala bagi orang-orang yang penat dan letih bekerja mencari nafkah demi untuk memenuhi keperluan dirinya, keperluan keluarganya ataupun untuk keperluan orang yang berada di bawah tanggungannya ialah

Allah Subhanahu Wata'ala menghapuskan kesalahan mereka. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "Tidaklah seorang Muslim yang tertimpa musibah, keletihan, penyakit, keresahan, kesedihan, gangguan dan kegundahan bahkan duri yang melukainya sekalipun, melainkan Allah akan menghapus kesalahannya". (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Dalam agama Islam, bekerja dan berusaha untuk memenuhi keperluan dalam kehidupan itu dianggap sebagai satu ibadah. Terdapat beberapa syarat yang membolehkan sesuatu pekerjaan itu boleh berubah daripada adat kebiasaan kepada amalan ibadah di sisi Allah Subhanahu Wata'ala, iaitu :

Pertama : Setiap kerja yang dilakukan itu mestilah tidak bercanggah dengan syariat Islam.

Kedua : Setiap kerja yang halal itu mestilah dilaksanakan dengan niat yang ikhlas kerana Allah Subhanahu Wata'ala.

Ketiga : Setiap kerja itu mestilah dilaksanakan dengan penuh iltizam, teguh dan dengan kemampuan yang terbaik.

Keempat : Menjaga batas larangan yang telah ditetapkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan menghormati dasar-dasar akhlak dengan tidak melakukan sebarang penipuan, kezaliman, pengkhianatan, termasuklah penyalahgunaan harta, kuasa dan seumpamanya.

Kelima : Setiap pekerjaan yang dilakukan itu tidak menghalang seseorang itu daripada menunaikan kewajiban ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala seperti bersembahyang.

Secara umumnya, sebilangan besar daripada masa sehari-hari kita adalah berada di tempat kerja, di mana secara langsung ataupun tidak kita adalah terdedah kepada pelbagai risiko yang membahayakan.

Sesungguhnya tempat kerja yang kurang selamat dan terdapat padanya punca bahaya yang tidak terkawal boleh mengakibatkan kemalangan dan kemudahan, boleh menjejaskan kehidupan kita dan keluarga dari segi sosial

mahupun kewangan.

Oleh yang demikian, dalam pekerjaan kita sehari-hari, kita hendaklah sentiasa bekerja dengan cara yang selamat dan sihat. Ini bertepatan dengan hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam agar kita menjauhi daripada sebarang bentuk kemudaratan ataupun memudaratkan orang lain. Daripada Abu Said Sa'ad bin Sinan Al-Khudri Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : **Maksudnya :** "Tidak boleh melakukan perbuatan yang memudaratkan diri sendiri dan orang lain". (Hadis Riwayat Imam Ibnu Majah)

Bersempena dengan Hari Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja Antarabangsa yang disambut pada 28 April setiap tahun, marilah kita sama-sama sentiasa mengamalkan budaya keselamatan di tempat kerja dengan mematuhi Perintah Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja, 2009 dan peraturan-peraturan berkaitan.

Selain itu, kita juga perlu mengamalkan sikap berhati-hati ketika menjalankan tugas, jangan pula disebabkan oleh kelalaian dan kecuaiannya kita, ia mengakibatkan kemalangan pada diri kita sendiri dan juga kepada orang lain apatah lagi kemalangan yang menyebabkan kehilangan nyawa. Oleh itu, sama-samalah kita mempertingkatkan usaha dengan langkah-langkah keselamatan dan berwaspada dalam melakukan pekerjaan sehari-hari.

Sama-samalah kita berusaha dan membudayakan cara bekerja dengan selamat dan sihat. Di samping itu, sama-samalah kita berdoa semoga apa jua usaha dan pekerjaan yang kita lakukan dikurniakan rezeki yang halal lagi baik, mendapat ganjaran daripada Allah Subhanahu Wata'ala dan terhindar dari memperoleh hasil pendapatan yang tidak halal. Amin Ya Rabbal Alamin.

Tafsirnya : "Maka makanlah yang halal lagi baik daripada rezeki yang Allah telah kurniakan kepada kamu (wahai orang-orang yang beriman) dan syukurilah nikmat Allah itu jika benar kamu hanya beribadat kepada-Nya". (Surah An-Nahl, ayat 114)

Suntik semangat terus berjuang



KOMANDER Pengiran Mohd. Faren bin Pengiran Mohd. Noor semasa ditemu bual.



KOLONEL Norsuriati binti Haji Sharbini ketika ditemu bual.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BERAKAS, Khamis, 20 Mei. - Berbangga menjadi wanita pertama yang mencipta sejarah dikurniakan pangkat Kolonel, Kolonel Norsuriati binti Haji Sharbini berharap dengan pencapaian yang diperoleh akan dapat menyuntik semangat yang lain untuk lebih gigih berusaha juga menyumbang bakti kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam.

Beliau juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia atas kepercayaan dan pengurniaan pangkat yang diberikan.

"Pengurniaan pangkat Kolonel merupakan perkara penting dalam bidang pertahanan, di mana buat pertama kalinya pengurniaan pangkat ini diberikan kepada

wanita. Saya berharap, ia akan dapat melakar lagi sejarah bagi wanita-wanita lain yang ingin berkhidmat bersama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB)," ujarnya semasa temu bual bersama media selepas Majlis Kenaikan Pangkat, yang berlangsung di Mes Pegawai Bolkiah Garrison.

Beliau, juga seterusnya, merakamkan setinggi-tinggi penghargaan bagi kedua-dua ibu bapa juga tampuk kepimpinan ABDB yang memberi kepercayaan dan peluang kepada wanita-wanita untuk berjuang gigih setaraf dengan lelaki dalam bidang ini.

Tambahnya, perkara ini merupakan sesuatu yang dinanti-nantikan oleh semua wanita dan ia menunjukkan bahawa wanita juga mempunyai kedudukan untuk berganding bahu dengan lelaki untuk bekerja keras, berusaha gigih, seterusnya berpegang teguh pada ugama dan sebagainya.

Beliau berharap dengan pencapaian yang diperoleh ini juga akan menjadi aspirasi kepada yang lain.

Sementara itu, Komander Pengiran Mohd. Faren bin Pengiran Mohd. Noor juga turut menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang

بانچي فندودوق دان قرومهن
BANI FUNDODUK
dan **PERUMAHAN 2021**

جباتن فرانتجن اېكونومي دان ستاتيستيك
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Penyenaraian Tempat Kediaman
20 Januari 2021 - 21 Februari 2021

Pengendalian e-Census
20 April 2021 - 21 Jun 2021

Temuduga Bersemuka
20 Julai 2021 - 2 Ogos 2021

Imbas Kod QR untuk maklumat lanjut

www.brucensus.gov.bn | support.brucensus@jpes.gov.bn | @statistics.jpes

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas pengurniaan pangkat yang diberikan dan berasa bangga atas pencapaian ini.

Dengan pencapaian yang diperoleh ini tambahannya, beliau akan terus berjuang dalam menjalankan amanah ini.

Sembahyang Sunat Hajat untuk Palestin, 24 Mei

■ Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

>> Muka 1

Sembahyang Sunat Hajat dan Bacaan Doa Qunut Nazilah akan diadakan di Masjid-masjid, Surau-surau dan Balai Ibadat seluruh negara dengan tumpuan utama di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong bagi Daerah Brunei dan Muara; Masjid Muhammad Jamalul Alam bagi Daerah Belait; Masjid Hassanil Bolkiah, Pekan Tutong bagi Daerah Tutong; dan Masjid Utama Muhammad Salleh, Pekan Temburong bagi Daerah Temburong.

Atur cara majlis pada hari itu nanti, Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah; Sembahyang Sunat Hajat; Bacaan Surah Yaa Siin; Bacaan Doa Khas; dan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

Dalam sama-sama mengawal dan membendung penularan wabak COVID-19 di negara ini, para jemaah dan jemaah yang hadir adalah dinasihatkan untuk

mematuhi garis panduan menghadiri majlis, iaitu Mengimbas Kod QR; Digalakkan berwuduk sebelum ke masjid; Dikehendaki memakai sungkup muka (*face mask*); Dikehendaki membawa tikar sembahyang bersaiz besar; Hendaklah membuat pemeriksaan suhu badan; Digalakkan mensanitasi tangan menggunakan *hand sanitizer* (pensanitasi tangan); Sentiasa melaksanakan penjarakan sosial; dan Tidak digalakkan untuk bersalam-salaman.

Perhatian bahawa hanya individu yang mempunyai kod berwarna hijau dan kuning sahaja yang dibenarkan menghadiri majlis.

Manakala individu yang mempunyai simptom-simptom, seperti demam panas, batuk, selesema, masalah pernafasan dan sebagainya adalah tidak dibenarkan menghadiri majlis tersebut.

AITI AKAN MENGADAKAN SESI KONSULTASI AWAM

BANDAR SERI BEGAWAN,

Jumaat, 21 Mei. - Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) sebagai Pejabat Data Interim membangunkan undang-undang baharu untuk perlindungan kepada maklumat peribadi seseorang individu yang akan digunakan untuk sektor swasta, di Negara Brunei Darussalam (meliputi kedua-dua organisasi komersial mahupun bukan komersial). Akta Data Perlindungan baharu tersebut akan membantu perniagaan untuk memastikan bahawa data peribadi selamat dan dilindungi daripada salah guna. AITI sedang mengamati amalan terbaik global dan menjalankan perundingan untuk memastikan pelaksanaannya disesuaikan mengikut konteks tempatan.

Tujuan undang-undang ini adalah untuk meningkatkan kepercayaan di antara individu-individu bersama organisasi-organisasi dalam memilih individu

■ Siaran Akhbar : Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam

yang boleh dipercayai untuk menjaga data peribadi dan keperluan data perniagaan.

Undang-undang tersebut juga akan menetapkan tanggungjawab perniagaan berkenaan dengan pengumpulan, penggunaan, pendedaran atau pemrosesan data peribadi individu lain; hak individu berhubung dengan pemrosesan data peribadi mereka dan pelbagai perkara berkaitan dengan pentadbiran dan penguat kuasa undang-undang.

Sehubungan itu, AITI mengeluarkan Kertas Konsultasi Awam (Public Consultation Paper - PCP) pada Khamis, 20 Mei 2021 untuk mendapatkan maklum balas mengenai Akta Data Perlindungan yang dicadangkan. PCP boleh dimuat turun dari <http://bit.ly/pdpaiti>. Maklum balas akan diterima pada jam 5.00 petang, Rabu, 16 Jun 2021.

AITI akan mengadakan dua Sesi Konsultasi Awam pada Selasa, 25 Mei dan Khamis, 27 Mei 2021, dari jam 2.00 petang hingga 4.00 petang, di Dewan Amar Pahlawan, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi untuk berkongsi konsep utama yang berkaitan dengan rancangan undang-undang. Pihak yang berminat boleh memilih untuk menghadiri salah satu daripada dua sesi tersebut melalui Webinar atau secara langsung.

Untuk mendaftar bagi sesi secara langsung, sila layari ke laman <http://bit.ly/livepdp>, manakala bagi Webinar, <http://bit.ly/virtualpdp>. Sesi dibuka untuk agensi kerajaan, semua ahli perniagaan dan individu-individu yang berminat. Tempat duduk adalah terhad. Untuk sebarang pertanyaan boleh e-mel ke pdp@aiti.gov.bn.

Sambut Aidilfitri penuh kesederhanaan, syukuri kemenangan

■ Berita dan Foto : Ihsan Keluarga Pg. Haji Md. Tahir Pg. Ibrahim

BERAKAS, Khamis, 20 Mei. - Walaupun wujud keterbatasan pergerakan dalam merayakan Aidilfitri, namun kita masih beruntung kerana Sambutan Aidilfitri, pada tahun ini, lebih meriah jika kita bandingkan dengan Aidilfitri pada tahun lepas, di mana begitu banyak keterbatasan yang terpaksa kita lalui dan hadapi.

Pada tahun ini, semua orang rata-rata berasa teruja dan begitu bersemangat untuk merayakan Aidilfitri mengikut normal baharu.

Bagi mereka, apa dugaan yang dihadapi sekalipun, nostalgia Aidilfitri yang dianggap sebagai hari kemenangan bagi umat Islam perlu diteruskan.

Namun, dalam kesibukan kita membuat persiapan kehadiran Syawal menyambut Aidilfitri perlu diingat, di mana merayakan Aidilfitri bukanlah semata-mata untuk kita bersuka ria, tetapi ia merupakan satu ibadah dan rasa syukur kita selepas berjaya menjalankan ibadah puasa selama sebulan, seterusnya kehadiran Syawal itu juga merupakan peluang yang besar bagi kita berkunjung-kunjungan dan bermaaf-maafan sesama kita dan selain itu juga, kita justeru perlu ingat untuk sentiasa menyambut Aidilfitri dalam suasana bersederhana dan bukan untuk bermegah-megah yang akhirnya menjurus pada pembaziran.

Kehadiran tetamu yang tidak diundang, iaitu pandemik COVID-19 yang masih menyerang dunia memang begitu banyak menjejaskan pelbagai aktiviti seharian, perayaan dan juga kedudukan ekonomi, apatah lagi sesetengah negara yang terpaksa akur untuk lebih mendiadakan diri di

dalam rumah, malahan ada sesetengah negara Islam pula tidak dapat merayakan hari kemenangan seperti sebelumnya disebabkan COVID-19.

Namun, di negara kita, Negara Brunei Darussalam, kita seharusnya berasa bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana melindungi negara kita dari 'tetamu tak diundang' ini, bahkan pada tahun ini, kita dapat merayakan Sambutan Aidilfitri dengan kesempurnaan bersama keluarga, rakan-rakan dan saudara mara kita dengan kunjung mengunjungi seperti biasanya, namun tetap dalam keadaan berjaga-jaga, berwaspada dengan mematuhi SOP yang diarahkan oleh Kementerian Kesihatan.

Rasa syukur dan kegembiraan kita di negara ini merayakan Aidilfitri walaupun dalam normal baharu dapat dirasakan seluruh rakyat juga penduduk di negara ini tanpa mengira bangsa dan agama juga inilah nikmat yang paling besar dan berharga Allah berikan kepada kita selaku rakyat juga penduduk di Negara Brunei Darussalam.

Menyentuh mengenai dengan Sambutan Aidilfitri di suasana normal baharu ini, Pengiran Abd. Aziz bin Pengiran Haji Md. Tahir salah seorang ahli keluarga, yang berasal dari Kampung Lambak 'A', semasa ditemu bual melahirkan rasa syukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana pada tahun ini, sambutan Aidilfitri sudah dapat dirasakan sepenuhnya walaupun dalam normal baharu jika dibandingkan pada tahun sebelumnya ketika COVID-19 masih melanda negara ini.

Walau bagaimanapun, tegas beliau, kita masih perlu beringat



KEHADIRAN Syawal itu merupakan peluang yang besar bagi kita berkunjung-kunjungan dan bermaaf-maafan sesama kita.

untuk sentiasa menjalankan tanggungjawab kita mematuhi arahan-arahan yang dikenakan oleh Kementerian Kesihatan dalam sama-sama menjaga diri kita, keluarga dan orang di sekeliling dalam mengelakkan wabak COVID-19 tersebut.

Selain kita berjimat cermat dalam berbelanja merayakan hari lebaran ini, tegas beliau lagi, apa yang penting ialah kerendahan diri dan hati kita dalam bersyukur kepada-Nya kerana telah memberikan rahmat dan peluang untuk kita sama-sama merayakan Aidilfitri dalam normal baharu, walaupun kehadiran hanya terdiri daripada beberapa ahli keluarga terdekat sahaja, namun keceriaan masih tetap dinikmati.

Sementara, menurut Dayang

Fatimah binti A. Haji Abdul Kadir dari Perumahan Kampung Rimba, Aidilfitri tahun ini tetap diraikan walaupun dalam suasana normal baharu, apa yang penting adalah ketulusan hati kita menyambut kehadiran Bulan Syawal yang penuh bermakna ini.

"Walaupun negara kini sudah berada dalam situasi normal baharu, bagi saya, Syawal perlu diraikan, namun tanggungjawab kita dalam melaksanakan arahan dari Kementerian Kesihatan, dalam kita jaga kita dan keluarga daripada wabak yang merbahaya tersebut tetap harus kita laksanakan dan jangan diabaikan.

"Namun, di sebalik semua itu juga, terdapat rahmat di sebaliknya, seperti kita masih dapat merayakan Aidilfitri, namun

tetap dalam kesederhanaan, melatih diri kita mematuhi arahan yang diberikan. Bahkan, kita begitu beruntung di bumi bertuah ini kerana masih diberi peluang untuk merayakan Aidilfitri bersama ahli keluarga untuk kunjung-mengunjungi dan menerima para tetamu, jika dibandingkan dengan negara lain yang terpaksa meraiikannya dalam suasana yang terhad dan ada pula yang tidak dapat langsung merayakan bersama keluarga mereka, begitu besar rahmat yang Allah kurniakan kepada kita dan Negara Brunei Darussalam ini, oleh itu ambillah peluang yang amat berharga ini dan sambutlah Aidilfitri dengan rasa keinsafan, kesyukuran dan dalam bersederhana," ujar beliau.

Perkhidmatan fotografi tetap diperlukan

Oleh : Aimi Sani
Foto : Ihsan Md. Mu'az
Haji Rosman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 Mei. - Foto raya keluarga, mungkin ada segelintir masyarakat menganggapnya sebagai perkara biasa sahaja, namun ada sesetengah masyarakat beranggapan ia merupakan momen yang paling berharga kerana dapat mengabadikan detik tersebut dalam sebuah foto bersama keluarga tersayang.

Kenangan sememangnya tidak boleh dibeli di mana-mana dan pada zaman ini ia lebih mudah untuk mencipta kenangan pada zaman serba canggih ini. Paling mudah dan cepat adalah merakamkan gambar dengan menggunakan telefon pintar kerana rata-rata kita mempunyai telefon pintar canggih yang berteknologi tinggi.

Namun ada juga yang mengupah jurugambar profesional untuk mengabadikan kenangan mereka bersama keluarga melalui sesi fotografi. Dalam zaman yang serba canggih dan berteknologi tinggi ini, banyak jurugambar yang memanfaatkan peluang ini dengan menawarkan pakej perkhidmatan menggambar dari rumah ke rumah, lokasi pilihan mereka sendiri mahupun di studio.

Awang Md. Mu'az bin Haji Rosman, 29 tahun dari Muash Rosman Photography ketika ditemui berkata, beliau menerima tempahan daripada individu persendirian untuk perkhidmatan fotografi dan videografi bagi majlis-majlis keramaian di rumah-rumah, seperti majlis perkahwinan, sambutan hari jadi dan ada juga perkhidmatan untuk korporat dan *commercial advertisement*.

Menurutnya, setakat ini, sambutan orang ramai sangat menggalakkan dan sentiasa diperlukan setiap masa pada hari-hari kebiasaan mahupun semasa Sambutan Aidilfitri ini.

"Selain studio fotografi, lokasi tumpuan awam turut menjadi pilihan dan ada juga yang memilih untuk membuatnya di rumah mengikut keselesaan masing-masing," ujarnya.

Awang Md. Mu'az yang mula berjinak-jinak dengan bidang fotografi seawal umur 19 tahun berkata pada mulanya dia berminat untuk setakat menangkap gambar-gambar *candid* semasa di sekolah menengah.

Dalam pada itu, beliau turut menyertai satu bengkel fotografi dan dari sana minatnya semakin bertambah untuk menjadikan fotografi sebagai kerjaya. Berkat dorongan daripada ahli keluarga



FOTO dapat dijadikan sebagai kenangan bagi mengabadikan detik berharga bersama keluarga.

dan rakan-rakan yang sentiasa menyokong dan melihat prestasi beliau dalam bidang ini membuahkan hasil, fotografi kini telah menjadi bidang kerjayanya sepenuh masa.

"Saya mengikuti abang saya yang suka menangkap gambar dan memperkenalkan saya kepada rakan-rakannya yang ada turut sama menceburi bidang ini. Selain itu juga, ada mengikuti kursus-kursus yang ditawarkan oleh orang-orang tempatan mahupun dari luar negara. Dari

situ, saya banyak menimba ilmu dan kemahiran untuk dipraktikkan, di samping menambah baik kualiti fotografi saya.

"Setakat ini, saya banyak juga menerima tawaran kerja korporat untuk iklan komersial. Antara pengalaman yang tidak dapat saya lupakan ialah tawaran kerja korporat untuk mengambil video jam tangan mewah jenama Avantist di Paris, France," tambahnya lagi.

Beliau dalam pada itu turut menyarankan kepada para belia

yang masih mencari pekerjaan di luar sana untuk tidak mudah berputus asa dalam mencari pekerjaan dan sentiasa bersikap positif dalam menangani cabaran mencari pekerjaan.

"Cari platform yang sesuai dengan minat dan bidang untuk meraih peluang dengan mencungkil bakat tersendiri, yang paling utama adalah doa dan keberkatan daripada ibu bapa sebagai dorongan untuk berkarya dan berjaya," saran beliau lagi.

Pekerja asing didapati menyalahgunakan jawatan

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Buruh



BAHAGIAN Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh (LED) menjalankan Operasi Selongkar 89/2021 bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Perintah Pekerjaan 2009 dipatuhi oleh para majikan.

■ **SEORANG** pekerja asing didapati menyalahgunakan jawatan sebagai pekerja domestik (amah) dipercayai bekerja sendiri dengan membuat perniagaan jualan kuih-muih secara dalam talian dan didapati juga tinggal berasingan dari rumah majikan.

■ **HASIL** operasi ke sebuah lagi rumah sewa mendapati seorang pekerja asing menyalahgunakan jawatan sebagai pekerja domestik (amah) dan dipercayai bekerja sebagai amah pinjam dan tinggal berasingan dari rumah majikan.

■ **HASIL** operasi kedai runcit di Kampung Terunjing mendapati majikan menempatkan kerja seramai dua orang pekerja asing sebagai juruwang, di mana jawatan sebenar mereka adalah sebagai Buruh Kedai.

■ **JABATAN** Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja menurut kehendak Perintah Pekerjaan 2009, seperti penyediaan kontrak pekerjaan, pembayaran gaji tepat pada waktunya dan memberikan tempat tinggal yang bersih.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 Mei. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang (Law Enforcement Division - LED), Jabatan Buruh menjalankan Operasi Selongkar 89/2021

pada 8 Mei 2021, bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Perintah Pekerjaan 2009 dipatuhi oleh para majikan. Pegawai Penguatkuasa

dari Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh menjalankan pemeriksaan di dua buah rumah sewa kawasan, di Kampung Serusop dan sebuah kedai runcit di Kampung Terunjing, bermula jam 9.00 malam.

Hasil operasi di salah sebuah rumah sewa berkenaan mendapati seorang pekerja asing menyalahgunakan jawatan sebagai pekerja domestik (amah) dipercayai bekerja sendiri dengan membuat perniagaan jualan kuih-muih secara dalam talian dan didapati juga tinggal berasingan dari rumah majikan.

Jabatan Buruh akan mengambil tindakan denda kompaun ke atas majikan, iaitu kesalahan jawatan, di bawah Bab 112 (2), Perintah Pekerjaan 2009 dan jika sabit kesalahan, didenda kompaun sebanyak BND600 bagi kesalahan pertama dan BND900 bagi kesalahan kedua.

Seterusnya, hasil operasi ke sebuah lagi rumah sewa mendapati seorang pekerja asing menyalahgunakan jawatan sebagai pekerja domestik (amah) dan dipercayai bekerja sebagai amah pinjam dan tinggal berasingan dari rumah majikan.

Jabatan Buruh juga akan mengambil tindakan denda kompaun ke atas majikan, iaitu kesalahan jawatan di bawah Bab 112 (2), Perintah Pekerjaan 2009 dan jika sabit kesalahan, didenda kompaun sebanyak BND600 bagi kesalahan pertama dan BND900 bagi kesalahan kedua.

Akhir sekali, hasil operasi kedai runcit di Kampung Terunjing mendapati majikan menempatkan kerja seramai dua orang pekerja asing sebagai juruwang, di mana jawatan sebenar mereka adalah sebagai Buruh Kedai. Majikan tersebut melakukan kesalahan jawatan di bawah Bab 112 (2),

DAPATKAN VAKSIN SINOPHARM BAGI PENUNTUT MELANJUTKAN PENGGAJIAN

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 21 Mei. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai, terutama sekali penuntut-penuntut yang akan melanjutkan pengajian ke luar negeri bahawa mereka yang ingin mendapatkan Vaksin COVID-19, iaitu Vaksin Sinopharm boleh mendapatkannya di Pusat Pemeriksaan Kesihatan Berakas semasa waktu pejabat.

Mereka yang hendak mendapatkan Vaksin COVID-19 Sinopharm hendaklah membuat tempahan terlebih dahulu melalui aplikasi QueUP.

Bagi maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau hubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 (waktu pejabat) atau melalui aplikasi BruHealth.

فجائيت سوروهنجاي فر خدمتن عوام
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI 1 BRUNEI DARUSSALAM

**Apa boleh kami bantu?
Hubungi kami.**

How can we help you today?
Here's how to get in touch with us.

+673 7371961

query@spa.gov.bn

PLSC
RECRUITMENT

Perintah Pekerjaan 2009 dan jika sabit kesalahan, didenda kompaun sebanyak BND600 bagi kesalahan pertama dan BND900 bagi kesalahan kedua.

Sehubungan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja menurut kehendak Perintah Pekerjaan 2009, seperti penyediaan kontrak pekerjaan, pembayaran gaji tepat pada

waktunya dan menyediakan tempat tinggal yang bersih.

Di samping itu juga, dinasihatkan kepada majikan untuk tidak menyalahgunakan Lesen Pekerja Asing dan melanggar akta, di bawah Perintah Pekerjaan 2009. Untuk maklumat lebih lanjut, bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh melalui talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).



SESI bergambar ramai bersama kakitangan-kakitangan yang berjaya menamatkan Kursus Intuition Knowledge Service (IKS) secara dalam talian tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 Mei. - Bank Baiduri mengadakan penyampaian sijil kepada kakitangan-kakitangan yang menamatkan Kursus Intuition Knowledge Service (IKS) secara dalam talian, yang berlangsung di Ruang Komuniti Baiduri, Ibu Pejabat Baiduri, baru baru ini, di sini. Ia merupakan sebagai salah satu penghargaan pihak bank kepada kakitangan-kakitangan untuk terus maju dalam pembelajaran.

Tambahan, pihak bank juga akan mengiktirafkan kakitangan yang mencapai Sijil Anti-Money Laundering (ICA Certificate in Anti-Money Laundering) dan Program Pengamal Perancangan Kewangan (FP3P).

Lebih daripada 100 kakitangan daripada pelbagai bahagian mengikuti kursus dalam talian dari

Ogos hingga Disember 2020, yang merangkumi pelbagai aspek, dari perbankan dan kewangan untuk meningkatkan prestasi di tempat kerja juga memahami pasaran kewangan.

Ketua Pegawai Eksekutif, Ti Eng Hui menyampaikan sijil-sijil tersebut kepada kakitangan-kakitangan yang berjaya menamatkan kursus dalam talian tersebut.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan Perniagaan) Baiduri Bank, Pengiran Azaleen bin Pengiran Dato Haji Mustapha menyampaikan sijil kepada 12 kakitangan yang berjaya menamatkan FP3P.

Platform talian IKS menyediakan pelbagai kursus yang menarik dan menawarkan pembelajaran yang fleksibel melalui kandungan yang

kaya dengan media yang merangkumi video, senario, kajian kes dan simulasi.

Kursus tersebut mempunyai tutorial bersaiz kecil yang dapat diakses melalui pelbagai peranti, seperti tablet dan telefon pintar menjadikan perjalanan pembelajaran lebih mudah dan peserta kursus boleh belajar mengikut rentak mereka tersendiri.

Seluruh platform tersebut disediakan melalui rakan kongsi di dalam e-Learning Intuition, penyedia penyelesaian pembelajaran yang diiktiraf di dunia dengan rekod prestasi yang terbukti melayani Fortune 500 syarikat, di seluruh dunia dengan lokasi, di New York, London, Hong Kong dan Singapura.

Intuition merupakan salah satu daripada beberapa rakan kongsi

PENYAMPAIAN SIJIL KURSUS IKS

Siaran Akhbar dan Foto : Bank Baiduri

antarabangsa yang diusahakan oleh pihak bank dalam komitmennya untuk menanamkan minda pembelajaran yang berterusan.

Pihak bank juga bekerjasama dengan Moody's Analytics, sebuah penyedia penyelesaian kecerdasan dan pembelajaran kewangan yang terkemuka untuk menyediakan kursus perbankan profesional dalam Kredit Korporat dan perdagangan.

Dalam tempoh enam bulan, pihak Bank Baiduri juga mengadakan IKS Challenge, di mana pihak bank mengiktiraf kakitangannya yang berusaha gigih untuk menyelesaikan kursus mereka dan memenuhi sekurang-kurangnya 30 jam pembelajaran dalam talian di platform IKS.

Ketua Sumber Manusia Kumpulan dan Pentadbiran, Veronica Chong berkata, "Cabaran ini bertujuan untuk mempromosikan budaya pengembangan profesional berterusan yang diarahkan sendiri dan memotivasikan kakitangan kami untuk membangunkan diri di dalam bidang kepakaran khusus dan meningkatkan pengetahuan perbankan umum untuk menjadi setanding dengan standard perbankan antarabangsa.

"Ini juga memberikan karyawan kami tujuan tambahan untuk diperjuangkan, sementara memiliki

akses yang lebih besar peluang pembelajaran yang fleksibel. Kami ingin mengiktiraf usaha mereka dan memberi penghargaan atas prestasi mereka," lanjutnya lagi.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif, Ti Eng Hui mengulas mengenai penggunaan program pembelajaran akan diteruskan dan dijadikan sebagai salah satu bahagian daripada strategi digital HR.

Dia berkata, "Kami telah menggabungkan penyelesaian digital dan platform pembelajaran dalam talian dalam usaha kami untuk meningkatkan model operasi HR kami. Melalui dorongan berterusan untuk meningkatkan kemahiran dan berdaya maju, kami berharap dapat menanam budaya pembelajaran dan pengembangan diri juga membina tenaga kerja yang sangat kompeten.

"Inisiatif digital kami yang lain, termasuk pelaksanaan SAP Success Factors, baru-baru ini, penyedia sistem pengurusan modal insan terkemuka di dunia yang meliputi proses teras sumber manusia dan pengurusan bakat".

Untuk maklumat lebih lanjut, awda boleh kunjungi Laman Sesawang www.baiduri.com atau ikuti akaun media sosial Bank Baiduri atau hubungi Talian Bantuan Pelanggan 24 jam menerusi talian +673 2449666.

Peluang menyaksikan Gerhana Bulan Penuh, 26 Mei ini

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Awang Hazarry Haji Ali Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 Mei. - Satu lagi fenomena astronomi Gerhana Bulan Penuh yang jarang terjadi akan dapat disaksikan oleh penduduk di negara ini yang bakal berlaku pada petang Rabu, 26 Mei ini.

Fenomena tersebut adalah merupakan Gerhana Bulan Penuh yang pertama kali berlaku di negara ini sejak Julai 2018 lalu.

Setiausaha Agung Persatuan Astronomi Negara Brunei Darussalam (PABD), Awang Hazarry bin Haji Ali Ahmad semasa ditemui menerangkan, gerhana bulan berlaku apabila bulan merentasi tepat di belakang bumi dan berada dalam bayang-bayang bumi yang paling gelap, iaitu Umbra.

Jelasnya, kejadian alam semula jadi yang jarang dan hanya berlaku apabila matahari, bumi dan bulan adalah sejajar pada satu garis dengan bumi berada tepat di tengah-tengah.

"Fenomena alam ini akan turut diamati oleh sebahagian besar kawasan dunia, iaitu Timur Asia, Australia, Pasifik, Amerika Utara dan Selatan.

"Di Negara Brunei Darussalam, bulan akan dijangka mula diceraip sejurus ia terbit dalam keadaan

gerhana separa pada jam 6.23 petang," katanya.

Menurut Awang Hazarry, jika keadaan cuaca tidak berawan, orang ramai boleh menyaksikan lebih sebahagian permukaan bulan purnama mula berkeadaan gelap.

Pada pukul 7.11 malam, tambahnya, iaitu ketika fasa gerhana penuh bermula, keseluruhan rupa bulan akan kelihatan kelam dan dijangka berwarna merah kerana terselindung oleh bayangan Umbra.

Julat waktu fasa gerhana penuh kali ini jelasnya, agak pendek, iaitu selama 14 minit 30 saat kerana laluan bulan merentasi bayang bumi di penjuru sempadan Umbra.

"Puncak gerhana akan berlaku pada jam 7.19 malam apabila bulan berada paling dalam kawasan Umbra.

"Bulan akan mula keluar dari Umbra pada pukul 7.26 malam. Secara perlahan, objek Samawi ini akan mula memantulkan cahaya matahari dengan sebahagian permukaan bulan masih berkeadaan gelap," jelasnya lagi.

Kejadian gerhana kali ini juga sangat menarik kerana bulan akan berada lebih dekat (perigee) dengan bumi, iaitu dikenali sebagai Supermoon atau Bulan Penuh

Perigee.

Ia merupakan gerhana bulan penuh di saat purnama yang paling besar pada tahun ini. Pada jarak paling dekat, iaitu sejauh 357,500 kilometer, purnama yang dalam keadaan gerhana akan kelihatan lebih besar berbanding bulan-bulan penuh yang lain.

Gerhana dijangka berakhir apabila keseluruhan bulan keluar daripada bayang bumi (Umbra) pada jam 8.52 malam.

Pada waktu yang sama, purnama akan kelihatan mula bersinar terang seperti pada kebiasaannya.

Gerhana bulan adalah selamat untuk dilihat dengan menggunakan mata kasar. Tempat yang sesuai untuk mencerap fenomena ini adalah di kawasan yang ufuk sebelah timur yang tidak terhalang kerana kedudukan bulan adalah sangat rendah di langit Timur dari negara ini.


PABD dengan kerjasama Jabatan Daerah Temburong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kelab Astronomi Kolej IGS akan mengadakan Cerapan Gerhana Bulan Penuh dan Supermoon pada petang Rabu, 26 Mei 2021, bertempat di Pekan Bangar (di hadapan Kompleks Perniagaan Bumiputra), Daerah Temburong, bermula jam 5.00 petang hingga 9.30 malam.

Beberapa buah teleskop dan binokular akan disediakan oleh pihak penganjur untuk kemudahan orang ramai mencerap fenomena tersebut dan masuk adalah percuma.

Di dalam Islam, fenomena gerhana merupakan salah satu tanda kebesaran dan kekuasaan Allah Subhanahu Wata'ala dan agama Islam menganjurkan

umatnya untuk melaksanakan Sembahyang Sunat Gerhana dan memperbanyakkan zikir dan doa kepada Allah Subhanahu Wata'ala semasa berlakunya gerhana berkenaan.

Fenomena gerhana bulan yang akan datang boleh disaksikan di negara ini pada 19 November 2021, namun ia adalah hanya gerhana separa.



PENDUDUK di negara ini berpeluang menyaksikan fenomena Gerhana Bulan Penuh pada petang Rabu, 26 Mei 2021 ini.



AWANG Mohd. Fadillah bin Haji Abu Bakar sebagai salah seorang tukang masak yang memberikan perkhidmatan Live Cook, di Warong Karmas Kuetiew Abam Kitchen (atas), manakala gambar kanan, keenakan makanan yang disajikan pasti membuka selera para tetamu lebih-lebih lagi jika ia dihidangkan panas-panas.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 Mei. - Kemeriahan Suasana Aidilfitri turut diserikan dengan tradisi rumah terbuka bagi tetamu yang hadir untuk mengeratkan hubungan silaturahmi di antara satu sama yang lain.

Pelbagai juadah juga hidangan disediakan bagi para tetamu dan jempunan yang berkunjung.

Trend menggunakan perkhidmatan Live Cook atau memasak secara langsung masih menjadi pilihan di kebanyakan rumah yang mengadakan acara rumah terbuka, berbanding memasak sendiri mahupun

menggunakan perkhidmatan katering.

Keenakan makanan yang disajikan pasti membuka selera para tetamu lebih-lebih lagi jika ia dihidangkan panas-panas.

Menurut Awang Mohd. Fadillah bin Haji Abu Bakar sebagai salah seorang tukang masak yang memberikan perkhidmatan Live Cook, di Warong Karmas Kuetiew Abam Kitchen sebagai sumber rezeki sememangnya mendapat keuntungan yang memuaskan tambahan lagi semasa Aidilfitri dan Bulan Ramadan lalu.

Di samping itu, jelasnya, ia

sedikit sebanyak juga dapat menambah ilmu mereka dalam bidang katering. Antara menu yang disediakan ialah Kuetiau goreng, mi goreng, mi hoon goreng, nasi goreng, soto dan minuman tong.

Tambahnya, pelanggan boleh memilih menu dengan harga yang ditetapkan dan tempahan hendaklah dibuat tiga hari sebelum.

Bellau juga mengongsikan, antara cabaran yang dihadapi dalam perkhidmatan Live Cook, iaitu harga-harga bahan atau barang yang digunakan kini melonjak tinggi daripada harga sebelum, namun, ia bukan menjadi penghalang baginya untuk menjalankan perniagaan ini.

Untuk mengetahui lebih lanjut atau membuat sebarang tempahan, orang ramai boleh mengikuti laman media sosial di Instagram @kuetiew_abam_panas_panas dan Facebook Warong Kuetiew Abam Kitchen.

Antara kelebihan menggunakan perkhidmatan Live Cook adalah akan memudahkan tuan rumah melayan para tetamu yang hadir kerana tidak lagi sibuk untuk

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Ihsan Warong Karmas Kuetiew Abam Kitchen

bersusah payah menyiapkan juadah makanan untuk dihidangkan.

Selain itu, kelebihan perkhidmatan Live Cook juga bagi mengelakkan daripada

pembaziran kerana ia hanya dimasak untuk para tetamu yang memesan makanan yang diinginkan, di samping mengikut jumlah keramaian tetamu yang dihidangkan.



Lencongan sementara di Jalan Tanjong Maya

JALAN-jalan yang terlibat dengan kerja-kerja pembinaan dan kerja-kerja meninggikan jalan raya (kanan dan bawah).

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kerja Raya

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 Mei. - Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan ingin memaklumkan kepada orang ramai, terutama para pengguna jalan raya mengenai lencongan sementara di Jalan Tanjong Maya - Lamunin, Kampung Penapar, yang mula digunakan pada 19 Mei 2021 hingga kerja-kerja selesai.

Penutupan jalan berkenaan (rujuk peta) akan bermula dari jalan



lencongan 2 (berdekatan dengan simpang Jalan Penapar Ukong), seterusnya jalan lencongan 1 (berdekatan dengan simpang Jalan

Kampung Penapar). Lencongan tersebut adalah disebabkan kerja-kerja pembinaan 9.5 meter panjang *overcrossing* kalbat kekotak sedalam 3.1 meter di jalan tersebut.

Selain itu, dua buah lokasi bagi penutupan separuh jalan juga akan dilaksanakan pada 21 Mei 2021 hingga kerja-kerja selesai bagi kerja-kerja meninggikan jalan raya di Jalan Tanjong Maya (berdekatan Jambatan Sungai Damit) dan Jalan Bangungos (rujuk peta).

Sehubungan itu, jabatan tersebut ingin menasihatkan para pengguna jalan raya agar sentiasa berhati-hati apabila melalui jalan berkenaan, di samping mematuhi papan tanda amaran jalan raya dan mematuhi had laju yang ditetapkan demi menjaga keselamatan diri juga menghindari perkara-perkara yang tidak diinginkan berlaku.

Sebarang aduan, orang ramai



Bersama tingkatkan stok bekalan darah

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 Mei. - Kementerian Kesihatan melalui Pusat Pendermaan Darah, Jabatan Perkhidmatan Makmal, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) pada masa ini sedang mengalami stok bekalan darah yang rendah dan memerlukan semua jenis darah dengan segera bagi kegunaan pemindahan darah pesakit-pesakit di semua hospital kerajaan.

Bantuan orang ramai dalam sama-sama meningkatkan stok bekalan darah di Pusat Pendermaan Darah adalah sangat-sangat diharapkan dan dihargai.

Orang ramai yang ingin menderma darah, bolehlah mengunjungi Pusat Pendermaan Darah di Hospital RIPAS atau mana-mana Tabung Darah yang berdekatan.

Waktu pendaftaran menderma darah di Pusat Pendermaan Darah di Hospital RIPAS dan Tabung-tabung Darah di kesemua hospital daerah adalah seperti berikut :

Pada Isnin hingga Khamis dan Sabtu, jam 8.15 pagi hingga 11.45 pagi dan 1.30 petang hingga 4.00 petang.

Orang ramai juga dibolehkan untuk menggunakan tempat letak kereta berbayar, di Blok 10 Hospital RIPAS secara percuma selama dua jam.

Orang ramai diingatkan untuk membawa tiket letak kereta semasa menderma darah.

Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan, melalui Pusat Pendermaan Darah, Jabatan Perkhidmatan Makmal akan mengadakan Kempen Derma Darah, pada Sabtu, 22 Mei 2021, jam 9.00 pagi hingga 1.00 petang di Traders Inn, Jalan Gadong.

Kempen Derma Darah tersebut adalah dibukakan kepada penyertaan orang ramai.

Untuk maklumat lanjut atau membuat tempahan bagi mengadakan Kempen Derma Darah, sila hubungi Pusat Pendermaan Darah menerusi talian +673 2242424 sambung 5745 / 6001 / 6002 atau e-mel kepada bloodbank@moh.gov.bn dan ikuti Pusat Pendermaan Darah di Instagram dan Facebook @bloodbank.ripas.

boleh menghubungi pihak jabatan ini melalui Talian Darussalam 123 atau Livechat +673 8333123,

Facebook : *Jabatan Kerja Raya, Brunei Darussalam* dan e-mel : pro@pwd.gov.bn.

BELANJA BERHEMAH, ELAKKAN PEMBAZIRAN

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Hamzah Mohidin

SALAMBIGAR, Rabu, 19 Mei. - Setiap kali menjelang Sambutan Aidilfitri, pastinya orang ramai akan memikirkan tentang cara-cara untuk berjimat cermat, khususnya ketika berbelanja untuk membeli barang keperluan Aidilfitri apatah lagi perbelanjaan selepas berakhirnya bulan Syawal.

Sebagaimana yang kita ketahui, Aidilfitri disyariatkan kepada umat Islam untuk menyambutnya dengan penuh rasa syukur dan gembira atas nikmat kurnia daripada Allah Subhanahu Wata'ala yang dianugerahkan kepada hamba-Nya kerana berjaya melakukan ibadat puasa dan sebagainya pada bulan keberkatan Ramadan.

Pada Sambutan Aidilfitri ini, kita dapat berkumpul bersama ahli keluarga, menziarahi sanak saudara, menghadiri rumah terbuka dan peluang tersebut dizahirkan dengan saling bermaaf-maafan.

Namun perlu diingat, dalam kita

meraikan Aidilfitri, tidaklah perlu berlebih-lebihan untuk berbelanja hingga membawa pada pembaziran. Allah Subhanahu Wata'ala mengingatkan kita bahawa orang yang membazir itu adalah bersaudara bersama syaitan.

Bila tibanya Aidilfitri, pelbagai jenis makanan tradisi disediakan dan dihidangkan juga sangat sinonim dengan Sambutan Aidilfitri, seperti ketupat, rendang, ayam goreng, mi goreng, sate dan banyak lagi.

Kita perlu merancang agar tidak berbelanja melebihi daripada kemampuan dan bersyukur dengan rezeki yang diberikan oleh Allah. Jangan sampai menyediakan makanan Aidilfitri yang terlalu banyak hingga boleh menyebabkan berlakunya pembaziran.

Raikan Aidilfitri secara sederhana, jauhilah pembaziran dan janganlah menyambut Aidilfitri dengan perkara yang tidak

berfaedah. Tidak menjadi masalah untuk membuat persiapan Aidilfitri sekiranya sudah dirancang dan mampu untuk berbelanja.

Sediakan bajet khas untuk keperluan Aidilfitri bersama ahli keluarga dengan membuat simpanan awal dan secukupnya juga pastikan keperluan dan perbelanjaan Aidilfitri mengikut keutamaan. Sediakan senarai barang sebelum membeli dan pastikan kita mengikutinya ketika membeli-belah.

Walaupun Aidilfitri hanya setahun sekali, tidak semestinya diraikan dengan berbelanja mewah. Hayati keindahan perayaan Aidilfitri itu sendiri dengan meraikan perjuangan kita semasa Bulan Ramadan, di mana perlu menahan lapar dan dahaga.

Bersederhana menyambut Aidilfitri adalah satu amalan yang mulia dan dituntut oleh seluruh golongan umat Islam. Elakkan daripada berhutang untuk kesenangan menyambut Aidilfitri.

Kita sentiasa menghayati Sambutan Aidilfitri ini dengan tujuan untuk merapatkan silaturahim dalam kalangan keluarga, jiran, sahabat dan seluruh masyarakat.

JANGAN sampai menyediakan makanan Aidilfitri yang terlalu banyak hingga boleh menyebabkan berlakunya pembaziran.

MEMPERKENALKAN LAMAMEDIA SOSIAL BAHARU PELITA BRUNEI



Pelita Brunei



pelitabrunei



pelitabrunei

Jangan lupa untuk *like* dan *follow* laman media sosial kami



Kadar bayaran ujian RT-PCR SARS-CoV-2 diselaraskan BND50

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 21 Mei. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai dengan penelitian semula kadar bayaran ujian RT-PCR SARS-CoV-2, khususnya bagi warga tempatan dan warga asing yang hendak membuat perjalanan ke luar negara, maka bermula pada Sabtu, 9 Syawal 1442H bersamaan 22 Mei 2021M, kadar bayaran ujian RT-PCR SARS-CoV-2 adalah diselaraskan kepada caj sebanyak

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BND50 sahaja.

Sehubungan itu, warga tempatan dan warga asing yang hendak meninggalkan Negara Brunei Darussalam dan di mana negara yang dituju menghendaki mereka mendapatkan ujian RT-PCR SARS-CoV-2 sebelum memasuki negara berkenaan boleh mendapatkan ujian tersebut di tempat-tempat berikut, iaitu Kompleks Sukan, Hospital Raja

Isteri Pengiran Anak Saleha; Pusat Kesihatan Berakas; SARI Centre, Hospital Suri Seri Begawan; dan Pusat Kesihatan Seria.

Bagi maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 (waktu pejabat) atau melalui aplikasi BruHealth.

DARI MAHKAMAH

Aktiviti dadah : Sebutan semula kes 2 Jun

Oleh : Nooratini Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 Mei. - Kes terhadap enam warga tempatan yang terlibat dalam aktiviti dadah semasa Operasi Musang King yang dijalankan oleh Biro Kawalan Narkotik (BKN) dilanjutkan tahanan reman hingga 2 Jun 2021.

Enam defendan, terdiri daripada Jakaria bin Ahad (Defendan Pertama - D1); Siti Izzatul Munirah binti Ahmad (Defendan Kedua - D2); Mohammad Isamuddin bin Ahmad (Defendan Ketiga - D3); Ahmad bin Haji Tamit (Defendan Keempat - D4); Maskunah binti Wahab (Defendan Kelima - D5); dan Mohammad Saifuddin bin Ahmad (Defendan Keenam - D6) dibicarakan menerusi *video conference*, di hadapan Ketua Majistret Dayangku Norismayanti binti Haji Ismail, di Mahkamah Majistret di ibu negara.

Mahkamah turut memerintahkan sebutan semula kes ini akan diperdengarkan lagi pada 2 Jun 2021, jam 2.15 petang.

Keenam-enam mereka didakwa, di bawah Seksyen 3A Akta Penyalahgunaan Dadah (APD), Penggal 27, iaitu atas kesalahan memiliki dadah bagi tujuan mengedar dadah Kelas 'A' yang melebihi daripada 100 gram membawa pada hukuman gantung hingga mati.

D1 dan D2 turut didakwa, di bawah Seksyen 3 Perintah Mendapatkan Kembali Aset Jenayah, 2012, iaitu atas Kesalahan Membersihkan Wang Haram, yang boleh membawa denda tidak melebihi BND500,000 dan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya.


Pendakwaan tertuduh dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Muhammad Qamarul Affyian Abdul Rahman, sementara Roy Prabhakaran dan DC Haji Daud Ismail mewakili bagi pihak defendan.

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia

Sila muat turun
PenggunaBijak



جائزہ فرانشیز ایکونومی دان سٹاتسٹیک
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
SABUTAN PERANGKAPAN DAN HAL E-LURAL PENGANGKUTAN
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI



MAKLUMAN IKLAN JAWATAN KOSONG

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN ATAU DENGAN MENGIMBAS KOD QR DI BAWAH.




Lihat Senarai Iklan Jawatan Kosong

PSC **RECRUITMENT**

+673 7371961 | PSC.BN | PSC.BN | query@spa.gov.bn

BIL.	JAWATAN & KOD IKLAN	JABATAN / KEMENTERIAN	KEKOSONGAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN
1	PEGAWAI PELAJARAN G.13 (BAHAGIAN II) 2021/0020/25	KEMENTERIAN PENDIDIKAN	02	7(A)	31 MEI 2021
2	PEGAWAI PENYELIDIK KANAN C.3-4 EB.5 (BAHAGIAN III) 2021/0020/18	DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN	01		
3	PENGARAH SUPERSCALE C (BAHAGIAN I) 2021/0018/05	BAHAGIAN PEMBANGUNAN BELIA DAN SUKAN, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN	01	38(A)	31 MEI 2021
4	JURUTERA KERJA B.3 (BAHAGIAN II) 2021/0018/04	JABATAN-JABATAN KERAJAAN	09		
5	PEGAWAI KERJA KANAN B.3 (BAHAGIAN II) 2021/0020/03	JABATAN-JABATAN KERAJAAN	01		

MAKLUMAT LEBIH LANJUT BERKAITAN DENGAN BIDANG DAN TUGAS TANGGUNGJAWAB BOLEHLAH MELAYARI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN DAN DENGAN MENGIKUTI AKAUN MEDIA SOSIAL INSTAGRAM DAN TELEGRAM DI @PSC.BN



PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM BRUNEI DARUSSALAM

IKLAN JAWATAN-JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGIKLANAN JAWATAN MENURUT PERATURAN 7(a) - GAJI HARI

IKLAN ADALAH DIBUKAKAN KEPADA ORANG RAMAI

**TARIKH IKLAN : 5 MEI 2021
TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 26 MEI 2021
BILANGAN IKLAN (02)SPA / 2 / 2007 / 21**

PERATURAN 7(a) - GAJI HARI

(A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

(B) Pemohon mempunyai pengetahuan kersmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.

(C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.

(D) Cara permohonan - Rujuk di

ruang PEMBERITAHUAN.

IKLAN JAWATAN KOSONG UNTUK PENGAMBILAN SECARA BERGAJI HARI

GH1. PEGAWAI KERJA KEMENTERIAN PERTAHANAN B.2 EB.3

KEKOSONGAN = EMPAT (04)

KELAYAKAN MINIMUM :

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Pengurusan dan Pentadbiran atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

2. Mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja penyelidikan dan menyediakan kertas-kertas kerja adalah keutamaan.

3. Berkebolehan menggunakan komputer adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB :

1. Menyelidik dan mengumpul bahan-bahan rencana untuk dijadikan bahan rujukan;

2. Menyediakan dan menyempurnakan tugas / kertas kerja / laporan / persuratan menurut yang ditetapkan / diarahkan; dan

3. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diarahkan oleh Pegawai atasan dari semasa ke semasa.

IKLAN JAWATAN-JAWATAN

KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGIKLANAN JAWATAN MENURUT PERATURAN 7(a) - GAJI HARI

**IKLAN ADALAH DIBUKAKAN KEPADA ORANG RAMAI
TARIKH IKLAN : 5 MEI 2021
TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 26 MEI 2021
BILANGAN IKLAN (03)SPA / 2 / 2007 / 21**

PERATURAN 7(a) - GAJI HARI

(A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

(B) Pemohon mempunyai pengetahuan kersmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.

(C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.

(D) Cara permohonan - Rujuk di ruang PEMBERITAHUAN.

IKLAN JAWATAN KOSONG UNTUK PENGAMBILAN SECARA BERGAJI HARI

**GH2. PEGAWAI KAJI SELIDIK KEMENTERIAN PERTAHANAN B.2 EB.3
KEKOSONGAN = DUA (02)**

KELAYAKAN MINIMUM :

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Pentadbiran Awam / Sains Kemusiaan / Sains Politik / Sains Sosial atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

2. Mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja penyelidikan dan menyediakan kertas-kertas kerja adalah keutamaan.

3. Berkebolehan menggunakan komputer adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB :

1. Menyelidik dan mengumpul bahan-bahan rencana untuk dijadikan bahan rujukan;

2. Menyediakan dan menyempurnakan tugas / kertas kerja / laporan / persuratan menurut yang ditetapkan / diarahkan; dan

3. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diarahkan oleh Pegawai atasan dari semasa ke semasa.

**NOTA :
DIBUKAKAN KEPADA ORANG RAMAI**

Tarikh Tutup Permohonan : **26 Mei 2021**

Pemohon hendaklah melengkapkan borang SPA 1 dan menyerahkan dokumen-dokumen yang diperlukan ke alamat berikut :

PUSTAKA DAN PUSAT MAKLUMAT KEMENTERIAN PERTAHANAN, BLOK 232 BOLKIAH GARRISON BB3510, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PEMBERITAHUAN :

1. Penggunaan Borang SPA/1 a. Semua permohonan hendaklah dengan mengisikan borang SPA/1.

b. b Borang SPA/1 boleh didapati di laman sesawang Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (www.spa.gov.bn) klik "Muat Turun" kemudian pilih Borang SPA/1 dan dikembalikan ke tempat penghantaran borang permohonan yang disebutkan bersama-sama dengan salinan sijil-sijil, surat-surat akuan yang lengkap dan diakui sah.

c. Sijil-sijil Akademik asal (asli) hendaklah dibawa semasa menghadapkan permohonan borang SPA/1 untuk pengesahan.

d. Pemohon hendaklah menyertakan satu keping gambar terkini berukuran pasport.

2. Semua kelulusan, sijil-sijil kecekapan, peperiksaan yang dikendalikan oleh badan-badan profesional yang dihadapkan bersama borang permohonan hendaklah diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (selepas ini dipanggil Kerajaan).

3. Permohonan yang lewat tidak akan dilayan.

PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN) DI PELITA BRUNEI

IKLAN dalam salinan cetak (*hard copy*) atau salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan TIDAK kurang dari dua (2) minggu sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca juga menggunakan Microsoft Word dengan Font ARIAL saiz 12.

Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh dijangka terbit, kekerapan terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Persuratan mengenai iklan berkenaan bolehlah dihantar dalam salinan cetak (*hard copy*) dan dialamatkan ke :

MEJA IKLAN, SEKSYEN KANDUNGAN KHAS, BAHAGIAN PELITA BRUNEI, JABATAN PENERANGAN, JABATAN PERDANA MENTERI, LAPANGAN TERBANG LAMA BERAKAS, BB3510, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

SALINAN LIUT (SOFT COPY) BOLEH DIHANTAR MELALUI E-MEL KE iklan.pb@information.gov.bn.

FAKSIMILE MENERUSI +673 238 1004

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

UNTUK MEMASTIKAN IKLAN-IKLAN YANG DIHANTAR SUDAH DITERIMA, BOLEHLAH MENGHUBUNGI MENERUSI TALIAN : +673 238 2891 ATAU +637 238 3400 SAMBUNGAN 217.



**MAHKAMAH TINGGI
NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM**

DI DALAM MAHKAMAH TINGGI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
DI BANDAR SERI BEGAWAN

KES NO. BCY / CP / 496 / 2017

**BANK ISLAM BRUNEI
DARUSSALAM BERHAD**
- Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

**MAS SUNARYA BINTI
MUHAMMAD SHARIFF**
(BYIC No.00-251890)
- Penghutang Penghakiman /
Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN
PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan
bertarikh **21 Januari 2021**.

Notis adalah dengan ini
diberikan bahawa satu
perjumpaan pertama bagi
pemiutang-pemiutang mengenai
perkara di atas akan diadakan di
Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi, **Tingkat 1, Bilik (R1-1)**
Mahkamah Besar pada **7 Jun
2021, jam 9.30 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu
mengundi dalam perjumpaan itu,
bukti kamu mestilah diserahkan-
simpan kepada saya tidak lewat
daripada 24 jam sebelum waktu
yang telah ditetapkan bagi
perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan
digunakan dalam perjumpaan itu,
mestilah diserahkan-simpan kepada
saya tidak lewat daripada 24
jam sebelum waktu yang
telah ditetapkan bagi perjumpaan
ini.

Pemeriksaan awam terhadap
penghutang telah ditetapkan pada
**7 Jun 2021, jam 9.30 Pagi di
Mahkamah Besar**.

Mana-mana pihak pemiutang
yang telah memberikan bukti,
atau wakilnya yang diberi kuasa
secara bertulis, boleh menyoal
penghutang semasa pemeriksaan
awam penghutang mengenai
dengan hal ehwalnya dan juga
sebab-sebab kegagalannya.

Bertarikh : 24 Februari 2021

**MUHD MUZAKKIR
BIN HAJI ZAKARIA**
Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

KES NO. BCY / CP / 254 / 2020

BIBD AT-TAMWIL BERHAD
- Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

**SHAHRL HISHAM BIN
MUHAMMAD**
(BPIC No.30-206607)
- Penghutang Penghakiman /
Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN
PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan
bertarikh **14 November 2020**.

Notis adalah dengan ini
diberikan bahawa satu
perjumpaan pertama bagi
pemiutang-pemiutang mengenai
perkara di atas akan diadakan di
Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi, **Tingkat 1, Bilik (R1-1)**
Mahkamah Besar pada **7 Jun**

2021, jam 10.00 Pagi.

Bagi membolehkan kamu
mengundi dalam perjumpaan itu,
bukti kamu mestilah diserahkan-
simpan kepada saya tidak lewat
daripada 24 jam sebelum waktu
yang telah ditetapkan bagi
perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan
digunakan dalam perjumpaan itu,
mestilah diserahkan-simpan kepada
saya tidak lewat daripada 24 jam
sebelum waktu yang telah
ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap
penghutang telah ditetapkan pada
**7 Jun 2021, jam 10.00 Pagi di
Mahkamah Besar**.

Mana-mana pihak pemiutang
yang telah memberikan bukti,
atau wakilnya yang diberi kuasa
secara bertulis, boleh menyoal
penghutang semasa pemeriksaan
awam penghutang mengenai
dengan hal ehwalnya dan juga
sebab-sebab kegagalannya.

Bertarikh : 24 Februari 2021

**MUHD MUZAKKIR
BIN HAJI ZAKARIA**
Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

KES NO. BCY / CP / 258 / 2020

**BANK ISLAM BRUNEI
DARUSSALAM BERHAD**
- Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

**MALAI NADHIRAH BINTI
SHEIKH MANSOR**
(BYIC No.01-048966)
- Penghutang Penghakiman /
Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN
PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan
bertarikh **17 Disember 2020**.

Notis adalah dengan ini
diberikan bahawa satu
perjumpaan pertama bagi
pemiutang-pemiutang mengenai
perkara di atas akan diadakan di
Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi, **Tingkat 1, Bilik (R1-7)**
Mahkamah Besar pada **8 Jun
2021, jam 9.00 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu
mengundi dalam perjumpaan itu,
bukti kamu mestilah diserahkan-
simpan kepada saya tidak lewat
daripada 24 jam sebelum waktu
yang telah ditetapkan bagi
perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan
digunakan dalam perjumpaan itu,
mestilah diserahkan-simpan kepada
saya tidak lewat daripada 24 jam
sebelum waktu yang telah
ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap
penghutang telah ditetapkan pada
**8 Jun 2021, jam 9.00 Pagi di
Mahkamah Besar**.

Mana-mana pihak pemiutang
yang telah memberikan bukti,
atau wakilnya yang diberi kuasa
secara bertulis, boleh menyoal
penghutang semasa pemeriksaan
awam penghutang mengenai
dengan hal ehwalnya dan juga
sebab-sebab kegagalannya.

Bertarikh : 3 Februari 2021

**HJH NORMAZDINA
BINTI HAJI MD. MASKUB**
Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

KES NO. BCY / CP / 476 / 2019

BIBD AT-TAMWIL BERHAD
- Pemiutang Penghakiman /

Pemetisyen

HAJAH ERNI BINTI HAJI MUSA
(RBAF No. 278664)
- Penghutang Penghakima /
Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN
PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan
bertarikh **15 Oktober 2020**.

Notis adalah diberikan bahawa
perjumpaan pertama bagi
pemiutang-pemiutang dalam
perkara di atas akan diadakan di
Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi, **Tingkat 1, Bilik (R1-1)**
Mahkamah Besar pada **8 Jun
2021, jam 10.45 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu
mengundi dalam perjumpaan itu,
bukti kamu mestilah diserahkan-
simpan kepada saya tidak lewat
daripada 24 jam sebelum waktu
yang telah ditetapkan bagi
perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan
digunakan dalam perjumpaan
itu, mestilah diserahkan-simpan
kepada saya tidak lewat daripada
24 jam sebelum waktu yang
telah ditetapkan bagi perjumpaan
ini.

Pemeriksaan awam terhadap
penghutang telah ditetapkan pada
**8 Jun 2021, jam 10.45 Pagi di
Mahkamah Besar**.

Mana-mana pihak pemiutang
yang telah memberikan bukti, atau
wakilnya yang diberi kuasa secara
bertulis, boleh menyoal
penghutang semasa pemeriksaan
awam penghutang mengenai
dengan hal ehwalnya dan juga
sebab-sebab kegagalannya.

Bertarikh : 16 Mac 2021

**MUHD MUZAKKIR
BIN HAJI ZAKARIA**
Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

KES NO. BCY / CP / 303 / 2000

**PERBADANAN TABUNG
AMANAH ISLAM BRUNEI**
- Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

**MOH ANUAR BIN ABDULLAH
@
AWANG JIMAT ANAK GARAI**
(BYIC No.00-065304)
- Penghutang Penghakiman /
Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN
PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan
bertarikh **18 Januari 2021**.

Notis adalah dengan ini
diberikan bahawa satu
perjumpaan pertama bagi
pemiutang-pemiutang mengenai
perkara di atas akan diadakan di
Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi, **Tingkat 1, Bilik (R1-1)**
Mahkamah Besar pada **8 Jun
2021, jam 9.30 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu
mengundi dalam perjumpaan itu,
bukti kamu mestilah diserahkan-
simpan kepada saya tidak lewat
daripada 24 jam sebelum waktu
yang telah ditetapkan bagi
perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan
digunakan dalam perjumpaan itu,
mestilah diserahkan-simpan kepada
saya tidak lewat daripada 24 jam
sebelum waktu yang telah
ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap
penghutang telah ditetapkan pada

**8 Jun 2021, jam 9.30 Pagi di
Mahkamah Besar**.

Mana-mana pihak pemiutang
yang telah memberikan bukti, atau
wakilnya yang diberi kuasa secara
bertulis, boleh menyoal
penghutang semasa pemeriksaan
awam penghutang mengenai
dengan hal ehwalnya dan juga
sebab-sebab kegagalannya.

Bertarikh : 1 Mac 2021

**MUHD MUZAKKIR
BIN HAJI ZAKARIA**
Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

KES NO. BCY / CP / 338 / 2020

**BAIDURI FINANCE BERHAD
(previously filed by HSBC
Finance (B))**
- Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

**DAYANG NORDIYANA BINTI
A. RAHMAN**
(BYIC No.00-268903)
- Penghutang Penghakiman /
Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN
PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan
bertarikh **25 Februari 2021..**

Notis adalah dengan ini
diberikan bahawa satu
perjumpaan pertama bagi
pemiutang-pemiutang mengenai
perkara di atas akan diadakan di
Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi, **Tingkat 1, Bilik (R1-1)**
Mahkamah Besar pada **9 Jun
2021, jam 10.00 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu
mengundi dalam perjumpaan itu,
bukti kamu mestilah diserahkan-
simpan kepada saya tidak lewat
daripada 24 jam sebelum waktu
yang telah ditetapkan bagi
perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan
digunakan dalam perjumpaan itu,
mestilah diserahkan-simpan kepada
saya tidak lewat daripada 24 jam
sebelum waktu yang telah
ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap
penghutang telah ditetapkan pada
**9 Jun 2021, jam 10.00 Pagi di
Mahkamah Besar**.

Mana-mana pihak pemiutang
yang telah memberikan bukti, atau
wakilnya yang diberi kuasa secara
bertulis, boleh menyoal
penghutang semasa pemeriksaan
awam penghutang mengenai
dengan hal ehwalnya dan juga
sebab-sebab kegagalannya.

Bertarikh : 16 Mac 2021

**MUHD MUZAKKIR
BIN HAJI ZAKARIA**
Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

KES NO. BCY / CP / 442 / 2018

**BANK ISLAM BRUNEI
DARUSSALAM BERHAD**
- Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

**MOHAMMAD NOR AZIZOL
ZULHEZAN BIN KIFLI**
(BYIC No.01-046033)
- Penghutang Penghakiman /
Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN
PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan
bertarikh **18 Februari 2021**.
Notis adalah dengan ini

diberikan bahawa satu
perjumpaan pertama bagi
pemiutang-pemiutang mengenai
perkara di atas akan diadakan di
Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi, **Tingkat 1, Bilik (R1-7)**
Mahkamah Besar pada **9 Jun
2021, jam 9.30 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu
mengundi dalam perjumpaan itu,
bukti kamu mestilah diserahkan-
simpan kepada saya tidak lewat
daripada 24 jam sebelum waktu
yang telah ditetapkan bagi
perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan
digunakan dalam perjumpaan itu,
mestilah diserahkan-simpan kepada
saya tidak lewat daripada 24 jam
sebelum waktu yang telah
ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap
penghutang telah ditetapkan pada
**9 Jun 2021, jam 9.30 Pagi di
Mahkamah Besar**.

Mana-mana pihak pemiutang
yang telah memberikan bukti, atau
wakilnya yang diberi kuasa secara
bertulis, boleh menyoal
penghutang semasa pemeriksaan
awam penghutang mengenai
dengan hal ehwalnya dan juga
sebab-sebab kegagalannya.

Bertarikh : 16 Mac 2021

**MUHD MUZAKKIR
BIN HAJI ZAKARIA**
Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

KES NO. BCY / CP / 484 / 2019

BIBD AT-TAMWIL BERHAD
- Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

**HAJAH NOORULHAFIZAH
BINTI ABD. KADIR**
(RBAF No. 278664)
- Penghutang Penghakima /
Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN
PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan
bertarikh **23 Julai 2020**.

Notis adalah diberikan bahawa
perjumpaan pertama bagi
pemiutang-pemiutang dalam
perkara di atas akan diadakan di
Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi, **Tingkat 1, Bilik (R1-1)**
Mahkamah Besar pada **10 Jun
2021, jam 9.30 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu
mengundi dalam perjumpaan itu,
bukti kamu mestilah diserahkan-
simpan kepada saya tidak lewat
daripada 24 jam sebelum waktu
yang telah ditetapkan bagi
perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan
digunakan dalam perjumpaan itu,
mestilah diserahkan-simpan kepada
saya tidak lewat daripada 24 jam
sebelum waktu yang telah
ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap
penghutang telah ditetapkan pada
**10 Jun 2021, jam 9.30 Pagi di
Mahkamah Besar**.

Mana-mana pihak pemiutang
yang telah memberikan bukti, atau
wakilnya yang diberi kuasa secara
bertulis, boleh menyoal
penghutang semasa pemeriksaan
awam penghutang mengenai
dengan hal ehwalnya dan juga
sebab-sebab kegagalannya.

Bertarikh : 16 Mac 2021

**MUHD MUZAKKIR
BIN HAJI ZAKARIA**
Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi
Mahkamah Besar



JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

BILANGAN TAWARAN :
JKR / DOR / SRM 01 / 2021

NAMA PROJEK :
PROGRAM PENINGKATAN
DAN PEMBAIKAN
INFRASTRUKTUR JAMBATAN -
PAKEJ 3, KERJA-KERJA
ANALISA JAMBATAN
YANG SEDIA ADA,
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

TARIKH TUTUP
DILANJUTKAN :
25 Mei 2021
tidak lewat dari
jam 2:00 Petang.



KEMENTERIAN KESIHATAN

PEMBATALAN
IKLAN TAWARAN
KEMENTERIAN KESIHATAN
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

BIL. TAWARAN :
KK / 111 / 2021 / JPR (TC)
KETERANGAN :
THE PROVISION OF
CATERING SERVICES FOR
DEPARTMENT OF RENAL
SERVICES FOR A PERIOD OF
FIVE (5) YEARS



LEMBAGA BANDARAN KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

KENYATAAN BAGI
MENDAPATKAN TAWARAN
SEBUT HARGA

BILANGAN RUJUKAN :
JBBSB / SH / 2021-2022 / 02 /
BK

TAJUK SEBUT HARGA :
PEMBELIAN BARANG-
BARANG AM [MINYAK 2T
(1 LTRS), RACUN RUMPUT
(4 LTRS), MINYAK HELEX
(4 LTRS)]

BILANGAN RUJUKAN :
JBBSB / SH / 2021-2022 / 03 /
BK

TAJUK SEBUT HARGA :
PEMBELIAN BARANG-



BARANG AM [TRAFFIC CONE,
KERETA SURONG,
BATU PENGASAH]

BILANGAN RUJUKAN :
JBBSB / SH / 2021-2022 / 04 /
BK

TAJUK SEBUT HARGA :
PEMBELIAN BARANG-
BARANG AM [PLASTIK
SAMPAH WARNA ORANGE]

BILANGAN RUJUKAN :

JBBSB / SH / 2021-2022 / 05 /
BK

TAJUK SEBUT HARGA :
PEMBELIAN BARANG-
BARANG AM [AIR FRESHER
(300ML), BERUS TANDAS,
GLASS SURFACE CLEANER
500ML, HAND CLEANER
FLORE BOISSOM (20 LTRS
PER GALAN)]

BILANGAN RUJUKAN :
JBBSB / SH / 2021-2022 / 06 /
BK

TAJUK SEBUT HARGA :
PEMBELIAN BARANG-
BARANG AM [SKOP PAPAT
KECIL (4 LTRS), CANGKUL /
WOODEN HANDLE]

BAYARAN YURAN
SEBUT HARGA :
BND5.00
(bagi setiap sebut harga dan
tidak akan dikembalikan)

HARI, TARIKH DAN
JAM TUTUP :
Khamis , 3 Jun 2021
Jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

BIL. TAWARAN :
KHEU / BDP / 164 / 032 / 2021

TAJUK :
TERM CONTRACT 12 MONTHS
FOR GRASS CUTTING AND
GROUND MAINTENANCE
WORKS AT TANAH
PERKUBURAN ISLAM
TUTONG ZONE 'A' AT
SELECTED AREA, JALAN
TUTONG, DAERAH TUTONG,
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

KELAS :
I & II



KATEGORI :
KPB12 SAHAJA

YURAN :
TIDAK DIKENAKAN BAYARAN

Tarikh Tutup :
Rabu, 2 Jun 2021, 2.00 Petang



UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

Syarat-Syarat Tawaran :

1. UNISSA / SB0009 / 2021 /
2022 -
MENCETAK DAN
MENGHANTAR SIJIL-SIJIL
DAN FOLDER-FOLDER BAGI
KEPERLUAN ACARA-ACARA
DI SEPANJANG HAFL
AL-TAKHARRUJ KE-11
UNIVERSITI ISLAM SULTAN
SHARIF ALI (UNISSA) TAHUN
2021

2. UNISSA / SB0010 / 2021 /
2022 -
MEMBEKAL DAN
MENGHANTAR BUKU-BUKU
OXFORD UNIVERSITY
PUBLICATIONS BAGI
KEGUNAAN PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI ISLAM
SULTAN SHARIF ALI (UNISSA)

3. UNISSA / SB0011 / 2021 /
2022 -
MEMBEKAL DAN
MENGHANTAR BUKU-BUKU

RUJUKAN FAKULTI
PERTANIAN BAGI KEGUNAAN
PERPUSTAKAAN UNIVERSITI
ISLAM SULTAN SHARIF ALI
(UNISSA)

4. UNISSA / SB0012 / 2021 /
2022 -
MEMBEKAL DAN
MENGHANTAR BOOKCHECK
ON COUNTER WORKSTATION
BAGI KEGUNAAN
PERPUSTAKAAN KAMPUS
SINAUT UNIVERSITI ISLAM
SULTAN SHARIF ALI
(UNISSA)

5. UNISSA / SB0013 / 2021 /
2022 -
SUPPLY, DELIVERY,
INSTALLATION, TESTING,
COMMISSIONING AND
MAINTENANCE OF CLOSED
CIRCUIT TELEVISION (CCTV
UNIVERSITI ISLAM SULTAN
SHARIF ALI (UNISSA)

6. UNISSA / SB0014 / 2021 /
2022 -
SUPPLY, DELIVERY,
INSTALLATION, TESTING,
COMMISSIONING AND
MAINTENANCE OF AUDIO
VISUAL FOR SINAUT CAMPUS
UNIVERSITI ISLAM SULTAN



SHARIF ALI (UNISSA)

7. UNISSA / SB0015 / 2021 /
2022 -
MENCETAK DAN
MENGHANTAR BUKU PUSAT
PENYELIDIKAN DAN
PENERBITAN UNIVERSITI
ISLAM SULTAN SHARIF ALI
(UNISSA)

BAYARAN YURAN TAWARAN :
BND10.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)

TARIKH TUTUP TAWARAN :
Rabu, 2 Jun 2021
Jam 2.00 Petang



JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

TAWARAN BILANGAN
JDBM / Q / 26 / 2021

KERJA-KERJA PEMASANGAN
METER AIR UNTUK SEMUA
UNIT GERAI BERTEMPAT
GERAI KAMPUNG MENTIRI,
MUKIM MENTIRI,
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

BAYARAN YURAN TAWARAN :
BND10.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)

TARIKH TUTUP TAWARAN :
Selasa, 25 Mei 2021,
jam 2.00 Petang



UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

UNIVERSITI Islam Sultan
Sharif Ali mempelawa
pemohon-pemohon tempatan
yang berkelayakan dan
bersesuaian untuk memohon
jawatan-jawatan akademik
seperti berikut :

JAWATAN :
PENSYARAH (PT1A)
TANGGA GAJI : PT1A
(BND3,190.00 - BND4,240.00)

BIDANG : BAHASA ARAB
SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

a) Mestilah terdiri daripada rakyat
Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan dan
Yang Di-Pertuan Negara Brunei
Darussalam.

b) Mempunyai pengetahuan
tentang kerassman Agama Islam,
Adat Istiadat Negara, Adat
Resam dan Kebudayaan
Orang-Orang Melayu Brunei dan
Perkembangan Sosial, Ekonomi
dan Politik Negara Brunei
Darussalam.

BAGI TANGGA GAJI PT1A

i. Sebagai keperluan utama,
mestilah mempunyai Ijazah
Sarjana Muda (sekurang-

kurangnya kelas dua atas) DAN
Ijazah Sarjana (peringkat
distinction sebagai kelebihan)
DAN Ijazah Falsafah Kedoktoran
(PhD) atau yang sebanding dari
universiti / pusat pengajian
universiti yang diiktiraf oleh
Kerajaan Kebawah Duli Yang
Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam dan
terkemuka sebagai kelebihan.

ii. Bagi yang tidak mempunyai
Ijazah Sarjana, keperluan adalah
tertakluk kepada tahap Ijazah
Sarjana Muda (kelas pertama
sebagai kelebihan) dari universiti
/ fakulti universiti / pusat
pengajian universiti yang diiktiraf
oleh Kerajaan dan terkemuka
sebagai kelebihan di mana calon
menjalani kursus Ijazah Falsafah
Kedoktoran (PhD) dan kualiti
pencapaian Ijazah Falsafah
Kedoktoran (PhD). Mempunyai
kelulusan yang relevan dan
bersesuaian. Mempunyai minat
untuk mengajar dan membuat
penyelidikan. Berumur tidak
melebihi 35 tahun
adalah merupakan satu
kelebihan.

iii. Berkebolehan dalam menulis
dan bertutur bahasa Arab adalah

satu kelebihan.

KEMUDAHAN ELAUN DAN TATACARA PERMOHONAN :

ELAUN AKADEMIK :
Pensyarah - BND200.00
sebulan

Tatacara permohonan :

Borang permohonan - Form
P2 (Borang P2) bolehlah,
didapati dan diisi melalui *online*
di laman sesawang :
[http://www.unissa.edu.bn/jobapp](http://www.unissa.edu.bn/jobapplication/form-p2/)
lication/form-p2/ Setelah lengkap
mengisi borang permohonan
melalui *online*, pemohon akan
diberikan Application Reference
No. (ARN) dan pemohon
dikehendaki untuk mengem-
mel ARN tersebut ke recruitment@unissa.edu.bn

SYARAT-SYARAT LAIN :

i) Universiti berhak menolak
borang permohonan yang tidak
diisi dengan lengkap dan yang
tidak menyertakan dokumen-
dokumen yang diperlukan.
ii) Hanya pemohon-pemohon
yang memenuhi syarat-syarat
dan yang disenarai pendek
sahaja akan dipanggil untuk
menjalani sesi temu duga.
iii) Bagi pemohon-pemohon yang

terdiri daripada kakitangan yang
sedang berkhidmat dengan
Kerajaan Kebawah Duli Yang
Maha Mulia hendaklah juga
memohon melalui *online*. Salinan
hardcopy borang permohonan
juga hendaklah dihantar melalui
Ketua Jabatan masing-masing
yang mana Ketua Jabatan
hendaklah menghadapkan
permohonan tersebut berserta
dengan satu **SOKONGAN**
LAPORAN SULIT mengenai
pemohon, laporan PRESTASI
TIGA (3) TAHUN
KEBELAKANGAN, BORANG
PENGESAHAN KETUA
JABATAN dan SATU SALINAN
REKOD PERKHIDMATAN YANG
Lengkap dan TERKINI.

Jika ada sebarang pertanyaan
bolehlah menghubungi
+673 2462000 sambungan 184
semasa waktu pejabat atau e-mel
kepada
recruitment@unissa.edu.bn

Tarikh Buka Permohonan :
Rabu, 12 Mei 2021

Tarikh Tutup Permohonan :
Sabtu, 29 Mei 2021

Rujukan Iklan :
UNISSA / AKA / LOC / 004 /
2021

PERTANDINGAN VIDEO KESELAMATAN PERAHU BERAKHIR 30 JUN

Oleh : Hernie Suliana Haji Othman

Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Ihsan Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 Mei. - Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD) mengalu-alukan penyertaan orang ramai untuk menunjukkan kreativiti masing-masing melalui Pertandingan Video Keselamatan Perahu yang akan berakhir pada 30 Jun 2021.

Penganjuran Pertandingan Video Keselamatan Perahu

tersebut dibukakan kepada penduduk Negara Brunei Darussalam dengan tema 'Wear It. Safety doesn't happen by accident' dan hendaklah berdurasi selama satu minit, termasuk kredit pembukaan dan penutupan.

Video yang dihasilkan mestilah mempunyai mesej-mesej keselamatan dan langkah berjaga-jaga semasa menaiki perahu, antaranya memakai jaket

keselamatan; menaiki perahu yang berdaftar dengan MPABD; mempunyai Lesen Kelas 9 (terhad) yang sah; mempunyai slogan 'Pakai Tia' atau 'Wear It'; selain memastikan perahu berada dalam keadaan baik untuk melakukan aktiviti atau perjalanan dan tidak melebihi muatan; serta memberitahu ahli keluarga atau sahabat handai ke mana awda merancang untuk pergi.

Format yang dikehendaki ialah MPEG4, AVI dan MOV dengan resolusi minimum 1080p dan MPABD menerima penyertaan dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

Pemenang yang berjaya akan memenangi hadiah wang tunai berjumlah BND1,000 untuk juara, diikuti BND700 dan BND300, masing-masing untuk pemenang kedua dan ketiga berserta sijil.

Pertandingan tersebut diadakan sempena Hari Pelaut (Day of the Seafarer) yang disambut setiap 25 Jun bagi memberi penghormatan



PAPAN tanda peringatan kepada para penumpang untuk memakai jaket keselamatan semasa menaiki perahu.

kepada semua pelaut di seluruh dunia dan merupakan penganjuran tahunan kali kedua oleh MPABD. Orang ramai yang berminat bolehlah mendapatkan maklumat

lanjut dengan melayari laman sesawang www.mpabd.gov.bn, e-mel info@mpabd.gov.bn dan akaun media sosial [@mpa.brunei](https://www.instagram.com/mpa.brunei) di Instagram.



Penangguhan sementara Perjanjian Laluan Hijau Timbal Balik

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 Mei. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kesihatan secara berterusan mengkaji penilaian risiko daripada seluruh negara / kawasan / rantau yang terjejas akibat pandemik COVID-19.

Sehubungan ini, Negara Brunei Darussalam (NBD) akan menangguhkan buat sementara waktu Perjanjian Laluan Hijau Timbal Balik (Reciprocal Green Lane Arrangement) di antara NBD dan Republik Singapura, yang berkuat kuasa mulai Khamis, 20 Mei 2021, jam 7.00 malam hingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

Sementara itu, bagi mereka yang diberikan kebenaran awal untuk memasuki NBD, di bawah perjanjian ini boleh meneruskan perjalanannya hingga jam 7.00 malam, pada Khamis, 20 Mei 2021.

Manakala bagi mereka yang tiba dari Singapura selepas tempoh ini adalah dikehendaki untuk menjalani pengasingan diri di hotel penginapan masing-masing dengan mengikut jangka waktu ditetapkan, berdasarkan pada penilaian risiko Kementerian Kesihatan.

Sehubungan ini, orang ramai adalah dinasihatkan untuk melayari Laman Sesawang Jabatan Perdana Menteri di alamat www.pmo.gov.bn/travelportal bagi garis panduan perjalanan terkini.

KERAJAAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kesihatan secara berterusan mengkaji penilaian risiko daripada seluruh negara / kawasan / rantau yang terjejas akibat pandemik COVID-19.

NEGARA Brunei Darussalam (NBD) akan menangguhkan buat sementara waktu Perjanjian Laluan Hijau Timbal Balik (Reciprocal Green Lane Arrangement) di antara NBD dan Republik Singapura, yang berkuat kuasa mulai Khamis, 20 Mei 2021, jam 7.00 malam hingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

Peserta Pameran CF25 diberi taklimat

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 Mei. - D'Sunlit Sdn. Bhd. selaku Penyelenggara Pesta Pengguna Ke-25 (25th Consumer Fair - CF25) mengadakan taklimat kepada para peserta pameran, di Dewan Serbaguna D'Sunlit, Beribi, di sini.

Sesi taklimat tersebut dihadiri oleh wakil daripada syarikat-syarikat dan pertubuhan yang akan mempamerkan produk juga perkhidmatan mereka selama lima hari, bermula pada 26 hingga 30 Mei 2021, di Dewan 1 dan Dewan 2, BRIDEX, Jerudong.

Para peserta juga dimaklumkan mengenai perkembangan terkini, masalah logistik, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi juga perkara-perkara lain yang berkaitan bagi memastikan acara berjalan dengan lancar.

Pihak D'Sunlit juga menyediakan butiran bagi Majlis Perasmian CF25 yang akan diadakan pada hari pertama pesta tersebut diadakan.

CF25 yang akan bermula pada jam 10.00 pagi hingga 10.00 malam, kecuali pada Jumaat, pameran akan ditutup, pada jam

12.00 tengah hari hingga 2.00 petang bagi memberikan laluan untuk Sembahyang Fardu Jumaat.

CF25 akan melaksanakan penglibatan Keluarga CF dengan orang ramai dengan menampilkan Babah, Babu, Boboi dan Alai. Nantikan mereka kerana mereka akan menjadi panduan anda untuk tawaran terbaik, promosi dan aktiviti menarik yang akan diadakan di pameran tersebut.

Terdapat banyak aktiviti menarik untuk dinantikan, seperti Desa Tempatan, di mana awda boleh mengalami dan menikmati aktiviti tradisional tempatan, seperti Ten Tenunan Tenun, Pembuatan Ambuyat, Pembuatan Wajid dan banyak lagi.

Selain itu, banyak pilihan tawaran terbaik dan promosi daripada vendor yang mengambil bahagian akan tersedia pada waktu yang dipilih. Orang ramai juga dapat mengikuti 'CF in Action' dan mengetahui promosi dan tawaran produk terkini.

Juga diadakan, Grand Lucky Draw yang sangat dinanti-nantikan oleh pengunjung CF, di mana setiap orang berpeluang untuk memenangkannya.




D'SUNLIT Sdn. Bhd. selaku Penyelenggara Pesta Pengguna Ke-25 semasa mengadakan taklimat kepada para peserta pameran.

Penganjuran CF kali ini juga didukung oleh Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe) untuk melaksanakan kempenya 'Setiap Hari Tanpa Plastik'. Oleh itu, CF25 akan melancarkan beg membeli-belah mesra keluarga yang dijual di lokasi strategik sepanjang pameran lima hari itu.



SESI taklimat tersebut dihadiri oleh wakil daripada syarikat-syarikat dan pertubuhan yang akan mempamerkan produk juga perkhidmatan mereka selama lima hari, bermula pada 26 hingga 30 Mei 2021, di Dewan 1 dan Dewan 2, BRIDEX, Jerudong.



KEMUDAHAN e-Duit Raya membolehkan orang ramai memberi dan menerima duit raya secara digital.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 Mei. - Dalam era dunia moden masa kini, teknologi yang semakin canggih banyak memudahkan pelbagai urusan hanya di hujung jari awda. Hanya dari telefon bimbit, awda boleh melakukan pelbagai

Rakam kenangan bersama Kawanku Photobooth

KAWANKU PHOTOBOOTH HARI RAYA DEALS

- 2HRS \$298 & FREE**
 - 30 MINS EXTENDED TIME
 - PHOTOBOOK
- 3HRS \$398 & FREE**
 - 30 MINS EXTENDED TIME
 - PENDRIVE & SOFTCOPY
 - PHOTOBOOK
- 4HRS \$498 & FREE**
 - 30 MINS EXTENDED TIME
 - PENDRIVE & SOFTCOPY
 - PHOTOBOOK

PROMOTION VALID FROM 3rd May - 10th June 2021

Add On:
 USB Pendrive & Softcopy \$25
 Upgrade to 4R Size \$100
 Additional Hour \$100
 Premium Backdrop \$30
 Guestbook \$50
 Idle time 30mins \$30
 Photobook \$13

8929298
@KAWANKU PHOTOBOOTH

ANTARA promosi yang ditawarkan oleh Kawanku Photobooth.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin
Foto : Ihsan Instagram @kawankuphotobooth

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 Mei. - Kawanku Photobooth menyediakan perkhidmatan mesin pencetakan gambar serta-merta menggunakan kamera berkualiti tinggi dan mesin pencetakan yang cepat untuk acara keramaian, seperti majlis perkahwinan, ulang tahun, makan malam tahunan syarikat, majlis graduan, acara korporat dan banyak lagi.

Ia ditubuhkan pada tahun 2018 dan membuat pelancarannya pada 28 Oktober 2018, yang dihadiri oleh keluarga, saudara dan kawan terdekat.

Alhamdulillah, kurang daripada dua minggu ditubuhkan, Kawanku Photobooth menerima tempahan buat pertama kalinya daripada orang ramai, pada 10 November 2018, bertempat di Dewan BRIDEX 1, bagi majlis perkahwinan.

Pengasas Kawanku Photobooth, Awang Mohd. Ruzaini bin Haji Abdul Rajab menjelaskan perkara berkenaan semasa ditemu bual oleh Pelita Brunei mengenai Syarikat Kawanku Photobooth.

"Alhamdulillah, sambutan tahun ini sangat menggalakkan daripada tahun-tahun sebelumnya. Ada juga yang membuat tempahan Hari Raya bagi rumah terbuka, perkahwinan, ulang tahun dan acara korporat," tambahnya.

Mengenai tarikan *photobooth* kepada para pelanggan, beliau seterusnya menjelaskan, para pelanggan memilih untuk menggunakan *photobooth* kerana ia dapat menambah kemeriahan pada acara tersebut dengan pelbagai gaya yang ditunjukkan semasa mengambil gambar.

"Kegembiraan juga dapat dirasakan oleh para tetamu yang datang. Kelebihan daripada *photobooth* juga adalah gambar yang langsung dicetak boleh dibawa pulang oleh para tetamu untuk merakamkan kenangan-kenangan di hari acara tersebut," terangnya.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai bolehlah mengikuti akaun Instagram rasmi Kawanku Photobooth di @kawankuphotobooth atau menghubungi menerusi talian +673 8929298.

PENGUNAAN e-DUIT RAYA BERI KEMUDAHAN

transaksi, sama ada melalui *mobile banking* atau laman sesawang, iaitu daripada membayar bil dan zakat, pemindahan wang (*money transfer*) sehinggalah berinfak juga sebagainya.

Dalam kita masih lagi menyambut Aidilfitri ini, sudah menjadi kelazimannya setiap kali menjelang Aidilfitri, umat Islam akan memberi duit raya dalam paket hijau semasa tetamu berkunjung ke rumah.

Sehubungan itu, pada tahun ini, satu lagi perkhidmatan terbaharu untuk memberi kemudahan mengirim duit raya dengan gaya inovatif diperkenalkan oleh Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), iaitu e-Duit Raya yang membolehkan orang ramai memberi dan menerima duit raya secara digital.

Fungsi tersebut disatukan dalam aplikasi mudah alih BIBD NEXGEN Wallet, di mana membolehkan pelanggan menghantar dan menerima duit raya secara digital dengan mengimbas Kod QR atau memindahkan terus ke Virtual Mastercard (VMC). Dalam masa yang sama, pengirim juga boleh memuatkan mesej bersama e-Duit



LAZIMNYA setiap kali menjelang Aidilfitri, umat Islam akan memberi duit raya dalam paket hijau semasa tetamu berkunjung ke rumah.

Raya tersebut.

Dengan Sambutan Aidilfitri yang terhad kepada ahli keluarga dan rakan terdekat, pelanggan BIBD NEXGEN Wallet boleh memilih untuk mengirim duit raya kepada mana-mana penerima secara digital, iaitu sebagai langkah alternatif tanpa perlu menyerahkan paket hijau Aidilfitri kepada

mereka.

Inisiatif ini adalah sebahagian daripada komitmen BIBD untuk memenuhi Maqasid Syariah dan mencapai matlamat United Nation's Sustainable Development, di samping bertujuan untuk mengurangkan dalam penggunaan kertas dan percetakan.

Melalui e-Duit Raya ini juga, boleh mengurangkan penggunaan wang tunai, memberikan kemudahan dan kesenangan kepada pelanggan, terutama pada masa sekarang, di mana penjarakan fizikal masih sangat digalakkan untuk mencegah penyebaran COVID-19.

Justeru dengan adanya perkhidmatan ini, ia juga dapat membantu ahli keluarga, saudara mara mahupun rakan-rakan kita yang tidak dapat hadir bersama keluarga mereka untuk beraya, tetapi masih mahu mengutamakan tradisi memberi duit raya kepada ahli keluarga yang disayangi.

■ **PADA** tahun ini, satu lagi perkhidmatan terbaharu untuk memberi kemudahan mengirim duit raya dengan gaya inovatif diperkenalkan oleh Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), iaitu e-Duit Raya yang membolehkan orang ramai memberi dan menerima duit raya secara digital.

■ **INISIATIF** ini adalah sebahagian daripada komitmen BIBD untuk memenuhi Maqasid Syariah dan mencapai matlamat United Nation's Sustainable Development, di samping bertujuan untuk mengurangkan dalam penggunaan kertas dan percetakan.

■ **MELALUI** e-Duit Raya ini juga, ia boleh mengurangkan penggunaan wang tunai, memberikan kemudahan dan kesenangan kepada pelanggan, terutama pada masa sekarang, di mana penjarakan fizikal masih sangat digalakkan untuk mencegah penyebaran COVID-19.

Penutupan sebahagian jalan

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kerja Raya**

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 Mei. - Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan ingin memaklumkan kepada orang ramai, terutama kepada para pengguna jalan raya mengenai penutupan sebahagian Jalan Utama Berakas, mulai 21 Mei 2021 hingga kerja-kerja selesai dilaksanakan.

Penutupan jalan di simpang tersebut adalah disebabkan oleh kerja-kerja membaiki pulih dan menurap semula jalan berkenaan.

Sehubungan itu, JKR ingin mengingatkan kepada para pengguna jalan raya untuk sentiasa berhati-hati apabila melalui kawasan tersebut, di samping mematuhi

tanda-tanda lalu lintas dan mematuhi had laju yang dibenarkan demi mengelakkan perkara-perkara yang tidak diingini.

Sebarang aduan, orang ramai bolehlah menghubungi pihak JKR melalui Talian Darussalam, 123 atau Livechat +673 8333123, Facebook, JKR, Brunei Darussalam dan e-mel di pro@pwd.gov.bn.



PENUTUPAN sebahagian Jalan Utama Berakas, mulai 21 Mei 2021 hingga kerja-kerja selesai dilaksanakan.



TUTONG, Rabu, 19 Mei. - Ikatan persaudaraan terus dipereratkan dan diperkukuhkan lagi pada Aidilfitri ini kerana inilah masanya kita dapat berkumpul bersama sanak saudara dari yang jauh dan dekat.

Pada sambutan Aidilfitri ini juga, pelbagai juadah makanan dan aneka jenis minuman dihidangkan oleh tuan rumah bagi menyambut kedatangan sanak saudara apabila mengadakan rumah terbuka.

Kelazimannya, apabila salah sebuah keluarga mengadakan

rumah terbuka, juadah makanan dan minuman yang disajikan memang amat luar biasa banyaknya dan naluri keinginan manusia ingin mencuba juga mengambil semua makanan dan minuman yang sedia dihidangkan di depan mata.

Namun, dalam pada kita mengambil makanan dan minuman yang disajikan, kita juga mesti beringat-ingat untuk menjaga pemakanan dan minuman juga mengambil perhatian polar makan kita agar tidak memudaratkan

BERINGAT-INGAT, JAGA PEMAKANAN

kesihatan tubuh badan kita kelak.

Untuk itu, kawal diri kita untuk mengambil makanan yang berlebihan dan hadkan pengambilan makanan dengan mengambil porsi yang sedikit sahaja dan elakkan pembaziran.

Ambil makanan yang berkhasiat, seperti banyakkkan pengambilan sayur-sayuran dan buah-buahan juga elakkan pengambilan makanan daging yang berlemak.

Sementara itu, kita juga perlu mengambil minuman yang kurang manis atau minum air mineral sahaja dan elakkan mengambil minuman berkarbonat kerana ia mengandungi gula yang sangat tinggi.

Pada itu, dalam kita sama-sama merayakan Aidilfitri ini dan berkunjung ke rumah sanak saudara, kita juga harus mengambil kira situasi sewaktu pandemik ini. Oleh itu, orang ramai diingatkan untuk sentiasa mematuhi segala SOP yang ditetapkan dalam sama-sama melindungi diri kita dan orang di sekeliling kita.

■ Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim



KITA mesti beringat-ingat untuk menjaga pemakanan juga mengambil perhatian polar makan kita agar tidak memudaratkan kesihatan tubuh badan kita kelak (atas dan atas kiri).

OOTD untuk kenangan, tatapan



MENJELANGNYA Aidilfitri, pelbagai baju dengan penampilan fesyen terbaharu akan berada dalam pasaran dan sudah pastinya para muda-mudi mengambil foto Outfit Of The Day atau OOTD (atas dan bawah).

■ **SETIAP** kali menjelang Hari Raya, pelbagai baju dengan penampilan fesyen terbaharu akan berada dalam pasaran dan sudah pastinya para muda-mudi mengambil foto Outfit Of The Day atau OOTD sebagai kenangan atau untuk tatapan pengikut media sosial masing-masing, seperti di Facebook, Instagram dan TikTok.

■ **APABILA** foto-foto sudah dimuat naik, adalah menjadi trend untuk menaip hashtag #OOTD pada setiap posting.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 Mei. - Kebiasaannya para wanita akan memakai baju tradisional kebangsaan, iaitu Baju Kurung atau Baju Kebaya, manakala bagi lelaki pula boleh memilih, sama ada ingin menggayakan Baju Melayu Cekak Musang atau Teluk Belanga dengan pelbagai warna.

Namun, pada masa kini, setiap kali menjelang Aidilfitri, pelbagai baju dengan penampilan fesyen terbaharu akan berada dalam pasaran dan sudah pastinya para muda-mudi mengambil foto Outfit Of The Day atau OOTD sebagai kenangan atau untuk tatapan pengikut media sosial masing-masing, seperti di Facebook, Instagram dan TikTok.

Ada juga yang seronok untuk

mengambil foto berulang kali, kemudian memuat naik foto sehingga tiga postings pada setiap hari dan ada juga yang tiba-tiba



■ **Berita dan Foto :**
Dk. Siti Redzaimi
Pg. Haji Ahmad

membuat *come back* di akaun media sosial setelah berbulan-bulan tidak aktif semata-mata untuk memuat naik OOTD.

OOTD ditampilkan biasanya oleh mereka yang berpengaruh, seperti selebriti, *influencer*, *blogger* dan mereka yang terlalu taksu dengan dunia fesyen.

Apabila foto-foto sudah dimuat naik, adalah menjadi trend untuk menaip hashtag #OOTD pada setiap posting.

Mereka akan melakukan beberapa pose seakan model dan jarang sekali untuk melihatkan wajah dan gaya mereka meluru ke kamera, sama ada mereka ini akan *posing* secara berseorangan, bersama keluarga atau kawan-kawan.

Juga jelas kelihatan, trend tahun ini yang menjadi pilihan adalah gaya minimalis kerana ia bukan sahaja boleh dipakai semasa raya, malah boleh digayakan selepas Aidilfitri juga.

Ramai yang gemarkan baju yang boleh disuaipadankan selepas Aidilfitri memandangkan ia lebih menjimatkan, seperti Baju Kurta untuk lelaki yang boleh dipakai bila-bila masa dan sesuai untuk ke mana sahaja.

MENJADI PENDENGAR YANG BAIK DI TEMPAT KERJA

Apabila melihat rakan yang mengalami stress/tekanan, adalah menjadi tanggungjawab bersama dalam memberikan sokongan untuk memupuk sifat prihatin dan semangat setiakawan di dalam sesebuah organisasi. Tanpa adanya sokongan atau bantuan daripada orang sekeliling di tempat kerja, ia akan membuatkan prestasi dan produktiviti kerja terganggu.

Dalam memberikan sokongan dan berbicara dengan rakan sekerja, empati adalah amat penting bagi menunjukkan bahawa biskita memahami apa yang telah disampaikan. Berikut adalah contoh yang boleh digunakan untuk menunjukkan biskita prihatin akan kesejahteraan rakan sekerja:

- 1 "ADA APA-APA YANG BOLEH SAYA BANTU?"
- 2 "SAYA DISINI BERSEDIA MENDENGAR LUAHAN KITA."
- 3 "BOLEH BISKITA KONGSIKAN APA YANG MENGANGGU FIKIRAN BISKITA?"
- 4 "BISKITA BOLEH AMBIL MASA UNTUK BERKONGSI DENGAN SAYA."
- 5 "KALAU ADA KEPERLUAN, KITANI BOLEH BERBINCANG LAGI PADA MASA YANG AKAN DATANG."
- 6 "TERIMA KASIH KERANA BERKONGSI PERKARA INI DENGAN SAYA."
- 7 "SAYA DOAKAN SEMUA AKAN DIPERMUDAHKAN."

HADITH RASULLULAH YANG BERMAKSUD:

"Barangsiapa melapangkan seorang mukmin dari satu kesusahan dunia, Allah akan melapangkannya dari salah satu kesusahan di hari kiamat. Barangsiapa meringankan penderitaan seseorang, Allah akan meringankan penderitaannya di dunia dan akhirat. Barangsiapa menutupi (aib) seorang muslim, Allah akan menutupi (aib)nya di dunia dan akhirat. Allah akan menolong seorang hamba selama hamba itu mahu menolong saudaranya." (Hadith Riwayat Muslim dari Abu Hurairah).

KERJASAMA BAHAGIAN PERKHIDMATAN KAUNSELING
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
DENGAN UNIT KESEJAHTERAAN DAN KAUNSELING
KEMENTERIAN KESIHATAN



KAUNSELINGIPA@PSD.GOV.BN



KAUNSELING_IPA



BAHAGIAN
PERKHIDMATAN
KAUNSELING

Oleh : Mu'min Karim
Ilustrasi : Meja Reka Kreatif,
Bahagian Pelita Brunei

PERISTIWA tiga tahun lalu masih segar berlegar di minda Awang. Peristiwa yang menyayat hati. Sejarah hitam yang membuatkan dirinya menyesal. Jikalau boleh diundurnya waktu, pasti ia akan merubah segalanya. Buruk kepada baik. Tapi ia tahu semua itu mustahil, tak akan terjadi.

Semuanya bermula setelah ayah Awang meninggal dunia. Maka tinggalah ibunya tempat Awang berteduh, berlindung dan mengadu segala pahit manis kehidupannya. Ayah Awang merupakan seorang tokoh yang amat digalati atas jasa dan bakti yang disumbang kepada agama dan negara. Semasa ayahnya masih hidup, kehidupan Awang serba mewah dan senang. Namun setelah ayahnya tiada, semuanya berubah. Keluarga Awang hilang pengaruh sosial. Memang wajarlah Awang meratap hiba atas kepergian ayahnya, kerana ia anak tunggal yang menjadi tempat bergantung dan harapan keluarganya.

Maka masuklah hari ke-40 Majlis Tahlil khusus bagi ayah Awang. Semuanya berjalan dengan lancar dari awal hinggalah ke akhir majlis. Keluarga terdekat, sanak saudara dan sahabat karib Allahyarham hadir ke majlis tersebut bagi sama-sama mengenang budi ayah Awang. Namun tidak disangka, telah berlaku salah faham di antara isteri Awang, iaitu Faridah dengan ibu Awang di dapur. Mujurlah ketika itu hanya mereka berdua berada di sana. Apa pandangan orang jika melihat ibu mertua dengan menantu berkelahi mulut, tidakkah itu dianggap tidak menghormati ayah Awang yang baru sahaja meninggal dunia.

Faridah memang dikenali dengan sifatnya yang tidak berkenan dengan ibu mertuanya. Dia berasa cemburu apabila suaminya meluahkan masa lebih dengan ibunya, berbanding isterinya sendiri.

"Kau suka lah kan anak kesayangan kau sentiasa di sampingmu. Sehingga mengabaikan isteri dan anaknya," kata Faridah dengan nada yang menjengkelkan.

Ibu Awang yang berumur 76 itu dengan nada yang tidak bermaya menjawab, "Apa yang kau cakapkan ni Faridah? Kita sekeluarga sedang berkabung, tolonglah kau hormat ayah mertua kau yang baru meninggal itu."

Lalu Awang masuk ke dapur dan mendengar perbualan hangat di antara ibu dan isterinya. Awang yang ketika itu masih bersedih, berasa tidak berupaya untuk menengking perbuatan isterinya yang kurang ajar, apatah lagi hendak mengamuk. Tidak mahu mengeruhkan lagi keadaan, Awang mengajak isteri serta dua orang anak perempuannya pulang ke rumah. Sewaktu dalam perjalanan pulang, Faridah masih tidak berpuas hati.

"Aku perlu menjauhkan suamiku dengan orang tua itu," kata Faridah dalam hatinya.

"You tahu tak apa yang ibu you buat tadi?" tanya Faridah kepada Awang dengan nada yang manja. Awang tidak menghiraukan persoalan yang diajukan oleh isterinya, sebaliknya dia menumpukan perhatian pada jalan raya.

"Tu lah, ibu you tu. Dia perlu, cakap I tak pandai buat kerja dapurlah, tak pandai jaga anaklah. Macam-macam diejeknya. Manalah tidak I terasa hati dengan dia," kata Faridah lantang.

Namun Awang tidak berminat untuk bercakap dan berbual. Dia masih bersedih, berkabung atas pemergian ayah kesayangannya. Faridah tidak puas hati. Sejak malam itu, Faridah bertekad membuat Awang benci dan menjauhkan dirinya daripada ibunya. Rancangan itu dirancang bersama-sama dengan anak perempuan bongsunya yang remaja, yang juga tidak gemar akan neneknya. Hanya anak sulung mereka yang rapat dengan neneknya, malah merupakan satu-satunya cucu kesayangan. Disebabkan itulah Faridah kurang mencurahkan perhatian kepada anak pertamanya itu. Tapi tidak seperti Awang, ia lebih suka meluahkan masa dan perhatiannya kepada anak perempuan sulung berbanding yang bongsu. Hal ini adalah disebabkan Awang dan Faridah pernah bercerai. Awang mengasuh anak sulungnya, iaitu Aminah, manakala Faridah mengasuh anak bongsunya, iaitu Farhanah. Ini menyebabkan Aminah dan Farhanah

berjauhan, sekali gus menjadikan hubungan mereka agak kekok.

Sepanjang tempoh perceraian mereka itu, Aminah dijaga oleh neneknya apabila Awang keluar bekerja. Neneknya mencurahkan kasih sayang yang amat mendalam kepada Aminah. Segala keinginan akan ditunaikan oleh neneknya. Begitu juga dengan Farhanah yang diasuh oleh nenek sebelah ibunya. Ini menjadikan Aminah dan Farhanah agak tidak begitu rapat apabila ibu bapa mereka bersatu semula. Malah mereka saling berlainan pendapat kerana dibesarkan dalam suasana dan persekitaran yang berbeza.

Cuaca pada petang itu agak panas. Langit berwarna biru, tidak bertemankan awan. Sesuai untuk keluarga meluahkan masa beriadah. Awang dan Faridah berbual-bual sambil minum teh di halaman rumah mereka. Kawasan rumah mereka agak lapang juga, sesuai untuk bermain sukan, seperti badminton. Tetapi persekitaran rumah mereka agak sunyi. Maklumlah, anak mereka hanya dua orang, perempuan pula tu.

"You tau tak? Mak you banyak kali menyakitkan hati I," kata Faridah memecah kesunyian, sekali gus mengejutkan Awang dari lamunannya.

"Maksud you?"

"I bukan nak memburuk-burukkan ibu you. Apatah lagi merosakkan hubungan ibu dengan anak. Tapi tu lah, dia selalu menghina, menyindir I. Sakit tau hati dibuatnya".

"Hati-hati sikit bila bercakap tentang ibu I. Setahu I, ibu bukan jenis yang menyindir apatah lagi menyindir orang, apatah lagi anak menantu sendiri. Memanglah kadang-kadang percakapannya kasar, itu pun tidak disengajakannya. Tapi takkanlah sampai menghina you sampai begitu sekali?" jawab Awang seolah tidak percaya dengan kata-kata isterinya.

"Kesian bini aku, dilayan seperti orang asing oleh ibu mertua sendiri," Awang berkata dalam hati.

Sejak hari itu, Awang tidak senang hati dengan ibunya. Ia tawar hati. Sebelum ini, perjumpaan-perjumpaan hospital, Awang yang membawa ibunya, tapi Awang tidak lagi buat demikian. Berat rasa hatinya hendak berjumpa dan bersemuka dengan ibunya. Maka, bergembiralah Faridah atas kejayaannya membuat Awang membenci dan memulaukan ibunya sendiri.

Kini, ia merangka satu lagi rancangan agar Awang benci akan Aminah pula. Segala keburukan Aminah yang tidak wujud diada-adakan oleh ibunya sendiri lalu disuap ke minda Awang. Aminah tidak pandai menolong di dapurlah, Aminah tidak bergaul dengan adik bongsunya, Aminah melawan cakap ibunya dan seumpamanya. Sebaliknya, anak bongsu kesayangannya

dipuji-puji dengan segala kebaikan sehinggakan tidak ada cacat celanya. Segala kesalahan Farhanah ditutup dengan rapi.

Maka tiba bulan Syawal pertama Awang tanpa ayahnya. Pagi itu terasa sungguh lain suasananya. Pada lazimnya, Awang bersama-sama dengan ayahnya akan pergi ke masjid menunaikan Sembahyang Sunat Aidilfitri. Takbir bergema mendayu-dayu menyentuh kalbu. Seolah tangan ayahnya menyentuh tangkai hati Awang. Alangkah terkejutnya Aminah apabila ayahnya memutuskan untuk tidak berkunjung ke rumah neneknya. Hari itu merupakan Hari Raya pertama yang suram dan hiba buat Aminah. Tapi tidak bagi Faridah dan Farhanah. Mereka kini bermaharajalela dengan Awang menyebelahi mereka.

Walaupun begitu, masih terdapat sedikit rasa belas kasihan dalam hati Awang terhadap ibunya. Masih terdapat kerinduan dan kasih sayang seorang anak terhadap ibu dalam hati Awang. Tapi itulah, Awang terlalu sayangkan isteri hingga sanggup memilih isteri daripada ibu yang melahirkan dirinya. Awang seolah takut jikalau isterinya yang kini bermaharajalela akan terusik hati.

Tanpa pengetahuan ayahnya, Aminah telah berhubung dengan neneknya melalui telefon. Dengan bantuan sepupunya, Aminah dapat meluahkan masa berbual dengan nenek kesayangannya, walaupun hanya melalui telefon pada Hari Raya pertama. Alangkah sebaknya hati Aminah, begitu juga dengan neneknya.

"Kenapa dengan ayah kamu, Aminah? Apa salah nenek?" tanya neneknya dengan nada lemah dan suara yang teramat sedih.

Bukan saja sebak, malah terkejut kerana tiada angin tiada ribut, dalam sekelip mata saja Awang memutuskan hubungan dengan ibunya. Aminah dan neneknya menangis dalam talian. Sebak. Sebak. Sebak rasa hati Aminah. Rasa sebak itu turut dihidari dengan perasaan marah terhadap ayahnya yang membuta tuli. Aminah tetap mengingat neneknya dalam doanya. Ia pasrah dengan ketentuan dan jalan cerita yang ditentukan ilahi.

Hal tersebut berlarutan selama tiga tahun berturut-turut. Dalam tempoh itu juga, keberkatan dalam keluarga Awang nampak dengan jelas semakin berkurangan. Buktinya, perniagaan yang diusahakan oleh Awang semakin merosot. Tiap tahun semakin merosot. Hal ini membuatkan Awang dengan Faridah bertengkar.

"I rasa... semua ini terjadi kerana I memutuskan hubungan dengan ibu. Macam mana hendak mendapat berkat jika tiada restu dan doa dari seorang insan yang bergelar ibu?" ucap Awang dengan perasaan yang amat kecewa.

"Oh... sekarang you nak salahkan I lah? Salahkanlah mak you tu. Dialah punca

segala-galanya," jawab Faridah mempertahankan dirinya.

Fikiran Awang tersentak. Ia ingat, punca perceraian mereka dahulu adalah disebabkan isterinya tidak sefahaman dengan ibunya. Faridah mengancam bahawa ia akan balik ke rumah ibu bapanya jika Awang tetap menyebelahi ibunya. Awang diam sahaja. Ia tidak mahu Faridah pergi dari sisinya lagi. Ia tidak mahu berlaku satu lagi perceraian.

Lalu Awang mendapat satu panggilan daripada pembantu rumah ibunya yang memberitahu bahawa ibunya kini dalam keadaan sakit tenat dan jangka hayat ibunya sudah tidak lama lagi. Jantung Awang berdegup kencang.

"Siapa tu?" tanya Faridah.

Awang tidak menjawab soalan isterinya. Tanpa disedari, air mata Awang mengalir.

"Ibu... ibu sakit tenat."

"Jadi you nak pergi ke rumah ibu lah? You jangan lupa atas apa yang telah ibu you buat apa I."

Sementara itu, Aminah juga telah mendapat perkhbarannya daripada sepupunya mengenai keadaan neneknya yang sedang sakit tenat. Jantung Aminah berdegup kencang, air mata mengalir pada pipinya yang lembut itu. Cepat-cepat ia mendapatkan ayahnya.

"Pa... nenek sakit," kata Aminah sambil menangis. "Aminah mahu berjumpa dengan nenek," rayu Aminah.

Faridah memberikan pandangan yang amat tajam kepada anak sulungnya itu. Namun Aminah tidak lagi peduli, ia tetap memujuk ayahnya. Awang kini sedang berperang dengan fikirannya. Ia dilanda dilema, sama ada memilih ibunya yang kini sedang berbaring sakit tenat ataupun isterinya.

"Pa... ini saja masanya untuk Papa meminta maaf daripada nenek. Nenek akan pergi untuk selama-lamanya," rayu Aminah sambil menangis teresak-esak.

Awang mengetepikan egonya, ia pergi mengambil kunci kereta yang terletak di almari di ruang tamu rumah mereka, lalu mengajak Faridah untuk ikut sama.

"You ikut atau tak, terulang pada you. I nak pergi jumpa mama. I telah banyak buat salah. I rindu pada mama."

Namun, Faridah tetap enggan berjumpa mertuanya yang sakit tenat. Sampai tahap begitu sekali kebenciannya terhadap wanita yang melahirkan suaminya. Oleh itu, hanya Awang dan Aminah dalam kereta menuju ke rumah neneknya. Dalam perjalanan, pelbagai kenangan bermain di minda mereka berdua anak-beranak bersama neneknya. Dua-dua mengalirkan air mata. Sebak. Sebaik sahaja sampai di pekarangan rumah ibunya, orang ramai sudah berkumpul. Hati Awang semakin sedih dan sebak.



Penyesalan tak bermakna



Aidilfitri platform eratkan silaturahmi

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Jabatan Penerangan

KINI sudah lebih satu minggu umat Islam di negara ini merayakan Hari Raya Aidilfitri setelah sebulan menahan lapar dan dahaga pada siang hari pada sepanjang bulan Ramadan. Alhamdulillah, umat Islam di negara ini diberikan keizinan oleh Sang Pencipta untuk merayakan Aidilfitri pada tahun ini dengan penuh meriah setelah tahun lepas negara dilanda pandemik hingga kunjungan terpaksa dihadkan kepada keluarga terdekat sahaja.

Pada Hari Raya Aidilfitri inilah umat Islam tidak melepaskan peluang untuk meneruskan kelaziman untuk kunjung mengunjungi di antara sanak saudara dan sahabat handai bagi mengeratkan lagi silaturahmi sesama mereka. Sememangnya ketibaan Aidilfitri ini dijadikan satu platform untuk mengeratkan lagi tali persaudaraan, mana yang jauh didekatkan, mana yang dekat dipereratkan.

Mengeratkan silaturahmi ialah amalan yang dianjurkan dan amat dituntut dalam agama Islam. Orang-orang yang beriman wajib melaksanakan amalan tersebut kerana banyak ayat Al-Quran menjelaskan kepentingan memelihara silaturahmi dan ukhwa sesama manusia. Memelihara silaturahmi akan membuka pintu rahmat dan kasih sayang Allah Subhanahu Wata'ala terhadap hamba-Nya, sekali gus menyuburkan hubungan sesama manusia. Orang yang merapatkan silaturahmi juga akan mendapat banyak rezeki dan umur

yang panjang dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala. Ini pernah disabdakan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bererti :

"Siapa yang ingin rezeki dibanyakkan dan umumnya dipanjangkan hendaklah ia menghubungkan tali silaturahmi". - Diriwayatkan oleh Riwayat Al-Imam Bukhari.

Tidak dinafikan lagi jika konsep Hari Raya dapat dihayati sepenuhnya maka akan benar-benar dapat meningkatkan mahabah dan silaturahmi, bukan sahaja dalam kalangan kaum keluarga malah umat Islam seluruhnya. Semasa berkunjung ke rumah sanak saudara atau sahabat handai, sudah setentunya juga digunakan untuk memohon ampun serta kemaafan atas kesilapan lalu.

Sejak pandemik COVID-19 melanda negara pada tahun lalu, menyebabkan pihak berwajib tidak menyarankan fizikal kontak sesama kita sebagai langkah mencegah penularan wabak yang boleh mengakibatkan maut. Ini, termasuklah amalan bersalam-salaman yang sering dilakukan oleh umat Islam ketika berziarah. Namun, perkara ini tidak mencegah umat Islam untuk mempererat silaturahmi sesama mereka. Amalan bersalaman dengan berjabat tangan dan berpelukan memadai dengan memberikan isyarat salam dengan meletakkan tangan di atas dada, memberikan senyuman atau menganggukkan kepala sebagai tanda hormat dan salam. Silaturahmi juga dipereratkan dengan saling berbalas-balas

ucapan Hari Raya menggunakan teknologi semasa seperti melalui media-media sosial dan aplikasi-aplikasi terkini.

Setiap manusia tidak pernah lari daripada melakukan salah dan silap, pertelingkahan dan perbezaan pendapat. Namun, biarlah pertelingkahan dan permusuhan yang berlaku itu mendatangkan muhasabah diri kepada manusia untuk memperbaiki kesilapan masing-masing. Oleh itu, jadikanlah Aidilfitri ini sebagai satu kesempatan untuk saling bermaaf-maafan bagi meraih berkat atas usaha menjaga hubungan dan mengeratkan silaturahmi.

Sememangnya silaturahmi boleh dilakukan bila-bila masa sahaja, namun Sambutan Hari Raya Aidilfitri sering dijadikan

platform untuk saling kunjung-mengunjungi. Marilah kita sama-sama menjadikan kunjungan semasa Sambutan Hari Raya Aidilfitri ini sebagai platform untuk mengukuhkan dan merapatkan lagi hubungan silaturahmi sesama kita dengan rasa kesedaran juga keinsafan. Jika berlaku perselisihan, ambillah peluang semasa hari keraian umat Islam ini untuk mendapatkan jalan penyelesaian dan perdamaian kerana semua umat Islam itu adalah bersaudara. Marilah kita berdoa semoga hubungan silaturahmi akan sentiasa terjalin dan kita semua akan mendapat keredaan Allah Subhanahu Wata'ala di dunia dan akhirat.



JEPUN DIJANGKA LULUS PENGUNAAN VAKSIN COVID-19 MODERNA, ASTRAZENECA



TOKYO, 21 Mei. - Panel pakar kerajaan Jepun pada Khamis meluluskan dua vaksin COVID-19 yang dibangunkan syarikat farmaseutikal Amerika Syarikat Moderna Inc. dan AstraZeneca Plc yang berpangkalan di Britain, dengan Kementerian Kesihatan menjangkakan kelulusan rasmi mengenainya dibuat pada Jumaat. Menurut Agensi Berita Xinhua,

andai kelulusan rasmi diberikan kelak, berdasarkan penilaian panel pakar melalui ujian klinikal di Jepun dan di luar negara, menjadikan tiga jenis vaksin telah diluluskan di negara ini.

Sebelum ini, hanya vaksin yang dihasilkan syarikat gergasi farmaseutikal Amerika Syarikat, Pfizer digunakan di Jepun. Program vaksinasi Jepun

menerima kritikan hebat berikutan negara itu ketinggalan jauh berbanding negara maju lain.

Kempen vaksinasi di Jepun paling perlahan berbanding negara OECD sehingga mencetuskan gelombang jangkitan keempat, memetik sumber.

Perdana Menteri Yoshihide Suga berikrar untuk meningkatkan kadar pemberian vaksin sehingga satu

juta suntikan sehari dan memastikan semua warga emas divaksin menjelang akhir Julai.

Jepun mempunyai kira-kira 36 juta warga emas dan pemberian vaksin terhadap golongan ini dimulakan pada pertengahan April.

Kekurangan petugas kesihatan untuk menguruskan pemberian vaksin mungkin akan menyukarkan

usaha kerajaan memastikan semua warga emas disuntik sebelum penghujung April.

Ketua Setiausaha Kabinet Katsunobu Kato pada satu sidang media berkata Sekretariat Kabinet akan membentuk satu pasukan bagi mencari kaedah untuk menyediakan perakuan dan kebenaran bagi mereka yang telah menerima suntikan vaksin melakukan perjalanan ke luar negara. - ©BERNAMA

COVID-19 : Thailand buka lebih banyak hospital lapangan

BANGKOK, 21 Mei. - Thailand membuka hospital lapangan yang keenam di Bangkok susulan lonjakan kes COVID-19 sejak awal April.

Jurucakap Pusat Pentadbiran Situasi COVID-19 (CCSA) Dr Taweesin Visanuyothin berkata Pentadbiran Metropolitan Bangkok (BMA) membuka hospital lapangan Ratchapit 2 di Wat Si Sudaram Worawihan di Bangkok Noi.

"Ini adalah hospital lapangan pertama di kuil," katanya pada sidang media COVID-19 di sini hari ini.

Ketika jumlah kes terus melonjak di Bangkok, pihak berkuasa

berkaitan menjadikan beberapa stadium serta dewan pusat pameran sebagai hospital lapangan kerana Thailand mensyaratkan semua pesakit COVID-19 dirawat dan ditempatkan di hospital.

Sejak 24 jam lalu, Bangkok merekodkan 1,001 lagi kes jangkitan menjadikan keseluruhan kes harian baharu sebanyak 2,636 dengan 25 kematian. Secara keseluruhan seramai 119,585 orang dijangkiti virus itu dengan korban sebanyak 703.

Daripada 2,636 kes baharu, Taweesin berkata, 2,578 membabitkan penduduk tempatan

dengan 671 daripadanya banduan, 58 kes import warga tempatan, 54 pulang dari Kemboja dan masing-masing seorang dari Malaysia dan Jepun.

Berhubung kes kematian, beliau berkata, ia membabitkan 18 lelaki dan tujuh wanita berusia antara 41 dan 94 tahun termasuk 11 di Bangkok, Pathum Thai (tiga) dan Chiang Mai (dua).

"Sehingga kini 42,246 pesakit masih dirawat di hospital termasuk 1,213 berada dalam keadaan kritikal dan 405 terpaksa bergantung kepada alat bantuan pernafasan," katanya. - ©BERNAMA

450 juta dos vaksin COVID-19 sudah digunakan di China

BEIJING, 21 Mei. - Hampir 450 juta dos vaksin COVID-19 sudah digunakan di China setakat Rabu, menurut Suruhanjaya Kesihatan Kebangsaan (NHC).

Selain itu, jumlah inokulasi yang dijalankan sejak lapan hari lalu mencecah 100 juta dos.

Mengulas mengenai kluster jangkitan yang dikesan di wilayah Liaoning dan Anhui baru-baru ini, Naib Pengarah Jabatan Kawalan Penyakit NHC, Wu Liangyou

berkata, tidak akan berlaku penularan wabak dalam skala besar.

Bagaimanapun katanya, usaha mengekang wabak perlu terus dijalankan dengan bersungguh-sungguh memandangkan risiko kes import masih tinggi.

Penyelidik Pusat Pengawalan dan Pencegahan Penyakit China (CCDC), Shao Yiming pula berkata, hasil penyelidikan peringkat awal memperlihatkan vaksin China mampu memberi

perlindungan terhadap varian virus India.

Tambah beliau, sekiranya didapati tidak berkesan terhadap varian susulan mutasi seterusnya, vaksin nyahaktif China boleh diadaptasi dengan kaedah yang mudah lagi pantas.

Jelas Shao, vaksin baharu akan digunakan sebaik mendapati vaksin sedia ada tidak mampu menangani varian COVID-19. - ©BERNAMA

PBB sambut baik gencatan senjata

WASHINGTON, 21 Mei. - Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) António Guterres menyambut baik gencatan senjata antara Gaza dan Israel pada Khamis dan mendesak semua pihak agar mematuhi, lapor Agensi Anadolu.

Gencatan senjata itu berkuat kuasa pada 2 pagi Jumaat (2300GMT Khamis), dipersetujui selepas 11 hari Israel melancarkan serangan udara ke atas Semenanjung Gaza yang dikepung. Mesir bertindak sebagai perantara.

Dalam satu kenyataan media, Guterres menyeru masyarakat antarabangsa bekerjasama dengan PBB bagi "membangunkan pakej sokongan bersepadu untuk pemulihan dan

pembangunan segera dan berterusan serta menyokong rakyat Palestin dan memperkukuh institusi mereka."

"Pemimpin Israel dan Palestin mempunyai tanggungjawab untuk memulihkan keadaan secara aman dan memulakan dialog yang serius bagi mengatasi punca konflik," kata Guterres.

"PBB akan bekerjasama dengan Israel dan Palestin, rakan kongsi antarabangsa dan serantau, termasuk melalui Kuartet Timur Tengah, untuk kembali ke meja rundingan bagi mengakhiri pendudukan dan kemungkinan untuk mewujudkan penyelesaian dua negara berdasarkan garis sempadan sebelum 1967, resolusi PBB, undang-undang

antarabangsa dan perjanjian bersama," kata Guterres.

Kuartet Timur Tengah terdiri PBB, AS, Kesatuan Eropah dan Rusia.

Sementara itu, Britain pada Khamis berkata pihaknya menyambut baik gencatan senjata berkenaan.

"Mengalukan gencatan senjata di Israel dan Gaza," tulis Setiausaha Luar Dominic Raab di Twitter.

"Semua pihak harus mematuhi dan memastikan gencatan senjata itu berpanjangan dan dapat mengakhiri keganasan serta mengelakkan lebih banyak nyawa terkorban."

"UK sentiasa menyokong usaha untuk berdamai," tambahnya. - ©BERNAMA

Makmal ujian COVID-19 di Gaza kembali beroperasi

GAZA, 21 Mei. - Satu-satunya makmal ujian COVID-19 di Gaza di Pusat Rawatan Kesihatan Primer Al-Remal kembali beroperasi selepas rosak teruk akibat serangan udara Israel pada 17 Mei lalu.

Menurut kemas kini yang dimuat naik di laman web rasmi Kementerian Kesihatan Palestin pada Khamis, pasukan jurutera dan teknikal kementerian telah membaik pulih bekalan elektrik dan sambungan Internet di makmal yang mengalami kerosakan.

Usaha memerangi pandemik di wilayah yang diceroboh itu tergendala akibat kepungan dan serangan udara rejim Israel.

Sehingga 17 Mei, sebanyak 332,915 kes COVID-19 dilaporkan di Palestin dengan 3,705 kematian.

Sementara itu, sekurang-kurangnya 232 rakyat Palestin, termasuk lebih 60 kanak-kanak, dan sekurang-kurangnya 12 penduduk Israel, terbunuh sejak keganasan meletus di sempadan Gaza pada 10 Mei.

Turut dilaporkan, perjanjian gencatan senjata Israel dan Hamas dipersetujui pada 2 pagi Jumaat waktu Palestin. - ©BERNAMA

Angin kencang, ribut debu di Mongolia sebabkan penduduk hilang tempat tinggal

ULAN BATOR, 21 Mei. - Angin kencang dan ribut debu yang melanda wilayah barat Mongolia, Govi-Altai mengakibatkan 15 keluarga hilang tempat tinggal, lapor Agensi Berita Xinhua memetik Agensi Pengurusan Kecemasan Negara pada Jumaat.

Kejadian itu menyebabkan bumbung kira-kira 30 pangsapuri, sebuah sekolah dan hospital awam, rosak dan tingkap 13 kenderaan pecah.

Mogolia, sebuah negara dengan 25 hingga 40 peratus penduduknya hidup sebagai penggembala nomad, sering dilanda angin kencang, ribut debu dan ribut salji terutama pada musim bunga.

Pada pertengahan Mac, 10 orang kebanyakan penggembala nomad maut dan ratusan ribu ternakan mati akibat bencana itu. - ©BERNAMA

Hamas, Israel setuju gencatan senjata

GAZA, 21 Mei. - Perjanjian gencatan senjata antara Israel dan Hamas dipersetujui pada 2 pagi Jumaat (2300GMT Khamis) dengan Mesir bertindak sebagai perantara.

Kabinet Keselamatan Israel meluluskan syor untuk menamatkan serangan di Semenanjung Gaza yang dikepung sejak 10 Mei dan bersetuju dengan gencatan senjata, lapor Agensi Anadolu memetik laporan media.

Jurucakap Hamas Sami Abu Zuhri juga mengesahkan perkara itu. Pesawat perang Israel masih melancarkan serangan di Semenanjung Gaza sejam sebelum gencatan senjata.

Sejumlah 232 penduduk Palestin, termasuk 65 kanak-kanak dan 39 wanita, terbunuh dalam serangan Israel di Gaza sejak 10 Mei. - ©BERNAMA



Malaysia teruskan agenda Palestin diiktiraf sebagai sebuah negara

KUALA LUMPUR, 20 Mei. - Malaysia akan meneruskan agenda memastikan Palestin diiktiraf secara rasmi sebagai sebuah negara melalui pelbagai kaedah diplomasi di peringkat antarabangsa, kata Timbalan Menteri Luar Datuk Kamarudin Jaffar.

Beliau berkata usaha ke arah itu perlu dipergiatkan memandangkan ketika ini sudah timbul gerakan kesedaran di seluruh dunia yang mengangap serangan Israel ke atas Palestin sebagai satu jenayah yang amat berat.

"Di Amerika Latin, Eropah mahupun di Amerika Syarikat (AS)

sendiri, ada demonstrasi bukan hanya dalam kalangan orang Islam sahaja. Anggota parti Demokrat (AS) sendiri pun membuat kenyataan terbuka menentang pendirian Presiden (Joe) Biden yang dilihat terlalu lembut kepada Benjamin Netanyahu (Perdana Menteri Israel) dan tidak mengambil perhatian langsung kepada hak asasi manusia.

"Suasana sekarang amat kondusif untuk diperluaskan naratif baharu supaya matlamat kita tercapai," katanya dalam program Bicara Naratif bertajuk "Solidariti Malaysia Untuk Palestin" yang disiarkan RTM malam Rabu.

Menurut Kamarudin, Malaysia, Indonesia dan Brunei Darussalam akan menyuarakan pendirian bersama sekali lagi pada sidang khas Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa

Bersatu (UNGA) yang dijadualkan pada Khamis (hari ini) bagi menyelesaikan konflik berterusan Palestin-Israel.

Sebelum ini, Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin, Presiden Indonesia Joko Widodo dan Sultan Brunei Sultan Hassanah Bolkiah mengeluarkan kenyataan bersama menggesa Majlis Keselamatan PBB untuk tetap tegas mempertahankan garis sempadan "penyelesaian dua negara" berdasarkan sempadan pra-1967 dengan Baitulmaqdis Timur sebagai ibu kotanya.

Ketua Eksekutif Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) Malaysia Herizal Hazri turut menarik perhatian bahawa provokasi yang dilakukan Israel dengan menghalau rakyat Palestin dari Sheikh Jarrah dan serangan ke atas jemaah yang beribadat di

Masjid Al-Aqsa adalah satu helah Netanyahu.

Tindakan beliau itu adalah untuk mendapatkan sokongan daripada rakyat Israel selepas gagal menubuhkan Kabinet selain isu rasuah di dalam partinya, Parti Likud.

Provokasi seolah-olah sengaja dicipta untuk mendapatkan serangan balas daripada Hamas yang seterusnya menyebabkan konflik lebih besar.

"Netanyahu tidak dapat sokongan seperti mana yang dia mahukan di Israel. Jadi dengan menakutkan-nakutkan rakyat Israel dengan serangan Hamas, jadi rakyat Israel akan lebih cenderung kepada parti dia yang menampakkkan bahawa dia seolah-olah boleh menyelamatkan rakyat Israel," katanya. - ©BERNAMA

NETANYAHU TOLAK PERMINTAAN BIDEN REDAKAN KETEGANGAN DI GAZA

BAITULMAQDIS, 20 Mei. - Perdana Menteri Israel Benjamin Netanyahu pada Rabu menolak permintaan Presiden Amerika Syarikat (AS) Joe Biden untuk meredakan ketegangan di Semenanjung Gaza dan menegaskan serangan ketenteraan tetap akan diteruskan, lapor Agensi Anadolu.

"Operasi itu akan diteruskan sehingga tujuannya tercapai," menurut kenyataan pejabatnya.

Netanyahu berkata serangan itu akan dipertingkatkan lagi "untuk mengembalikan ketenangan dan keamanan" kepada Israel.

Pada Rabu, Rumah Putih berkata Biden berharap Netanyahu akan meredakan ketegangan di Semenanjung Gaza.

"Presiden memberitahu perkara itu kepada perdana menteri, berharap ketegangan dapat diredakan dalam usaha menuju gencatan senjata," kata jurucakap Karine Jean-Pierre.

Sekurang-kurangnya 227 rakyat Palestin terbunuh, termasuk 64 kanak-kanak dan 36 wanita, dan 1,620 yang lain cedera dalam serangan Israel di wilayah yang dikepung sejak 10 Mei, menurut Kementerian Kesihatan. - ©BERNAMA

3 sekeluarga terkorban dalam serangan udara di Gaza

GAZA, 20 Mei. - Tiga sekeluarga termasuk Orang Kurang Upaya (OKU) terkorban dalam serangan udara Israel pada Rabu di tengah Semenanjung Gaza, lapor Agensi Berita Xinhua.

Jurucakap Kementerian Kesihatan di Gaza, Ashraf al-Qedra, berkata pasukan penyelamat perubatan menemui mayat ketiga-tiga mangsa tertimbus di bawah runtuhannya selepas rumah mereka di pusat bandar Deir al-Balah musnah dalam serangan udara itu.

Mangsa yang terbunuh seorang lelaki OKU dan isterinya yang sedang hamil bersama anak perempuan mereka.

Pada Rabu, Kementerian Kesihatan di Gaza berkata 227 rakyat Palestin terbunuh sejak sepuluh hari lalu, termasuk 64 kanak-kanak, 38 wanita dan 17 warga emas manakala 1,620 lagi cedera. - ©BERNAMA

Tongkang karam di Mumbai, 26 maut, 49 masih hilang

NEW DELHI, 20 Mei. - Sebanyak 26 mayat dijumpai di Laut Arab selepas sebuah tongkang karam dibadai Siklon Tauktae di 35 batu nautika dari Mumbai, lapor Agensi Anadolu.

Operasi mencari dan menyelamatkan sedang dijalankan setakat ini 188 orang berjaya diselamatkan dan 49 lagi masih hilang, menurut jurucakap Tentera Laut India Komander Mehul Karnaik.

Tauktae membada barat negeri Gujarat pada lewat Isnin dengan tiupan angin mencecah 185 kilometer sejam, menyebabkan banyak kemusnahan. - ©BERNAMA

ESSCom rampas rokok seludup lebih RM13,000 di Tawau

TAWAU, 20 Mei. - Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCom) merampas 15,120 batang rokok seludup bernilai RM13,305.60 termasuk cukai, di tebing sungai kawasan Tawau Lama di sini semalam.

Komander ESSCom Datuk Hazani Ghazali berkata rampasan berkenaan dilakukan oleh sepasukan anggota bertugas dalam Op Cegah Pati (OCP) Daratan pada 2.07 petang.

"Pasukan OCP Daratan yang sedang melakukan pemeriksaan di kawasan itu menjumpai beberapa bungkus plastik hitam yang ditinggalkan di tebing sungai dan didapati plastik itu berisi rokok jenama Menara Dunia (320 bungkus), LA Menthol (500 bungkus) serta 100 bungkus LA Bold," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Beliau berkata tiada tangkapan dilakukan dan semua barang rampasan itu diserahkan kepada Pejabat Kastam Tawau untuk siasatan lanjut.

Ahmad Fuad berkat kerjasama padu pasukan keselamatan di Zon Selamat Timur Sabah (ESSZone) dapat menggagalkan taktik digunakan penyeludup untuk menyeludup barang.

Katanya, ESSCom berusaha memperkukuhkan kawalan keselamatan di sempadan di ESSZone dengan rondaan dan pemantauan melalui pelaksanaan OCP Daratan dan Laut. - ©BERNAMA

PAT2021@online dijangka mampu tarik 30,000 penonton

KANGAR, 20 Mei. - Pesta Angin Timur edisi 2021 yang akan disiarkan secara maya pada 4 dan 5 Jun nanti dijangka mampu menarik 30,000 penonton.

Menteri Besar Perlis Datuk Seri Azlan Man berkata acara tahunan anjuran bersama Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) bersama kerajaan negeri itu terpaksa disiarkan secara maya menerusi laman Facebook Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Perlis dan JKKN TV bagi membendung penularan wabak pandemik

COVID-19.

"Pelbagai aktiviti dan acara telah dibuat melibatkan 22 jenis aktiviti dan acara yang disediakan sepanjang dua hari ia diadakan," katanya kepada media di sini, hari ini.

Katanya ia akan dirasmikan oleh Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Datuk Seri Nancy Shukri bersama Azlan pada 4 Jun depan.

Dalam perkembangan lain, Azlan berkata sehingga kini tiada keperluan bagi Perlis mencadangkan kepada kerajaan pusat bagi melaksanakan Perintah

Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) walaupun terdapat kluster baharu iaitu Kluster Jalan Kampung Bakau.

"Keadaan di Perlis masih belum kritikal...saya harap rakyat terus mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh kerajaan," katanya.

Sehingga semalam, Perlis telah merekodkan enam kes baharu positif COVID-19 dengan kes terkumpul sebanyak 399 kes termasuk tiga kematian. - ©BERNAMA

Mayat pekerja Thailand maut di Israel akan dibawa pulang

BANGKOK, 20 Mei. - Mayat dua pekerja Thailand yang maut dalam serangan roket di wilayah Eshkol, selatan Israel pada Selasa akan diterbangkan ke negara asal mereka.

Sementara itu, lapan pekerja Thailand yang lain, termasuk seorang cedera parah kini dirawat di Be'er Sheva dan sebahagiannya sudah dibenarkan keluar hospital.

Jurucakap Kementerian Luar Taneer Sangrat berkata, Kedutaan Thailand di Tel Aviv sedang berhubung dengan pihak

berkuasa buruh wilayah untuk memaklumkan kepada keluarga mangsa.

"Kami sedang menguruskan untuk menghantar mayat pulang," katanya dalam satu kenyataan.

Dua pekerja terbunuh manakala lapan yang lain cedera dalam satu serangan roket di Ohad, di wilayah Eshkol, kira-kira 14 kilometer dari Gaza, dalam kejadian 2.35 petang (waktu tempatan) pada Selasa.

Mereka yang maut dikenali - Veerawat Karanborirak, 44, dari wilayah Phetchabun, dan Sikharin

Sangamram, 24, dari Buriram. Sementara mangsa yang cedera termasuk seorang wanita berusia antara 26 hingga 40 tahun.

Menteri Buruh Suchart Chomklin berkata Israel akan membayar pampasan kepada keluarga mangsa.

Perdana Menteri, Prayuth Chan o-cha turut mengucapkan takziah kepada keluarga dua pekerja Thailand itu.

Sehingga kini, terdapat kira-kira 25,000 rakyat Thailand bekerja di sektor pertanian di Israel. - ©BERNAMA

Yiwu jadi tumpuan generasi muda bina kerjaya

ZHEJIANG, 20 Mei. - Terletak di timur China, Yiwu dikenali sebagai hab memborong barang kegunaan harian termasyhur di dunia selain menjadi lokasi tumpuan generasi muda untuk membina kerjaya.

Menurut bancian kali ketujuh, jumlah penduduk bandar Yiwu mencecah 1.85 juta orang dan 30 peratus daripadanya menjalankan perniagaan sendiri.

Kadar itu turut mendahului bandar lain di seluruh China.

Yiwu menerima puluhan ribu individu yang datang menetap dan bekerja di bandar itu setiap tahun.

Peningkatan populasi yang konsisten turut memperlihatkan tarikan dan daya saing serta prospek pembangunannya mendapat pengiktirafan meluas.

Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Yiwu meningkat kepada RMB148.5 bilion (RM95.6 bilion) pada 2020 berbanding RMB61.4 bilion (RM39.5 bilion) pada 2010.

Daripada struktur populasi pula, Yiwu disifatkan sebagai bandar "sangat muda" memandangkan 75.88 peratus penduduknya terdiri dalam kalangan mereka yang berumur 15 hingga 59 tahun.

Ia berikutan kehadiran ramai generasi muda dan membina kerjaya di Yiwu.

Sementara itu, inisiatif pihak berkuasa tempatan dalam memperkasakan pembaharuan memastikan ekonomi Yiwu kekal dinamik, turut menyediakan peluang kepada pelbagai lapisan masyarakat.

Pada masa sama, pelbagai dasar keutamaan serta peningkat perindustrian juga antara faktor yang menjadikan Yiwu tumpuan ramai peniaga dan mereka yang mempunyai kemahiran. - ©BERNAMA

COVID-19 : THAILAND CATAT 3,394 KES BAHARU, 29 KEMATIAN



BANGKOK, 19 Mei. - Thailand mencatatkan 3,394 kes baharu COVID-19 termasuk 1,498 jangkitan dalam kalangan banduan, menjadikan jumlah kes setakat ini sebanyak 116,949 dalam tempoh 24 lalu.

Sebanyak 29 lagi kematian turut dilaporkan menjadikan jumlah keseluruhan korban seramai 678 orang sejak wabak mula dikesan di negara ini Januari tahun lalu.

Penolong jurucakap Pusat Pentadbiran Situasi COVID-19 (CCSA) Dr Apisamai Srirangsan berkata, dari 3,394 kes baharu itu, sebanyak 3,377 membabitkan penularan tempatan dan 17 import termasuk lima warga Thailand yang

menyelinap masuk dari Kemboja.

"Bangkok di kedudukan teratas dengan jumlah kes tertinggi iaitu 876 kes. Dalam tempoh yang sama juga lima kluster baharu dilaporkan di Bangkok menjadikan jumlah kluster setakat ini sebanyak 34," katanya semasa taklimat COVID-19 di sini hari ini.

Beliau berkata kluster baharu itu ialah dua kem pekerja binaan, pasar, kilang ais dan gudang kargo.

Apisamai berkata pihak berkuasa berkaitan telah meningkatkan pengesanan kes aktif di kem pekerja itu.

"Semua 50 daerah di Bangkok mempunyai kem pekerja binaan.

Sebilangan daerah mempunyai lebih 20 kem... ada beberapa kem menempatkan lebih 1,000 pekerja," katanya.

Mengenai kes kematian baharu, Apisamai berkata ia melibatkan 19 lelaki dan 10 wanita berusia antara 42 hingga 92 tahun dari Bangkok (14), Samut Prakan (lima), Pathum Thani (dua) dan masing-masing seorang di Chachoengsao, Lamphun, Chon Buri, Saraburi, Nakhon Pathom, Kamphaeng Phet, Nong Khai dan Nonthaburi.

Sementara itu, Apisamai berkata pihak berkuasa kesihatan telah melakukan lebih 300,000 pengesanan kes aktif di Bangkok

dan kawasan pinggir bandar.

"Daripada jumlah ini, kira-kira tiga peratus didapati positif," katanya.

Berkeanaan usaha vaksinasi, Apisamai berkata lebih 2.4 juta dos vaksin telah diberikan di Thailand sehingga kini.

"Perdana Menteri Prayuth Chan o-cha telah menjadikan usaha vaksinasi sebagai agenda negara dan mengarahkan agensi berkaitan untuk meningkatkan jumlah pemberian vaksin," katanya. - ©BERNAMA

COVID-19 : Seorang kanak-kanak rakyat Malaysia dikaitkan dengan kluster baharu di Singapura

SINGAPURA, 19 Mei. - Seorang kanak-kanak Malaysia berusia tujuh tahun adalah satu daripada dua kes baharu COVID-19 yang dikaitkan dengan kluster baharu di sini, menurut Kementerian Kesihatan republik itu.

Kali terakhir murid Sekolah Rendah Yuhua itu ke sekolah pada 14 Mei, kata kementerian dalam satu kenyataan malam tadi.

Selain itu, anggota keluarga kanak-kanak tersebut, seorang tukang masak Malaysia di Spring Court Restaurant berusia 36 tahun juga dikaitkan dengan kluster yang sama. Keputusan ujian pada 17 Mei menunjukkan positif

COVID-19.

Kes pertama kluster ini melibatkan seorang Penduduk Tetap berusia 64 tahun yang kini menganggur dan kedua-dua rakyat Malaysia itu serumah dengan wanita tersebut yang disahkan positif pada 15 Mei.

Sementara itu, dua lagi rakyat Malaysia pula dikaitkan dengan kluster Terminal 3 Lapangan Terbang Changi dengan 87 kes disahkan.

Seorang daripadanya adalah wanita Malaysia berusia 36 tahun yang pada peringkat awal disahkan positif tahap varian B.1.617, dan sedang menunggu ujian

pengesahan selanjutnya.

Semalam Singapura melaporkan 11 kes tidak berkaitan termasuk dua lagi rakyat Malaysia. Republik itu yang telah memperketat langkah-langkah keselamatan dalam masyarakat bermula 16 Mei lalu setakat ini mencatatkan jumlah jangkitan COVID-19 sebanyak 61,651.

Terdapat 220 kes masih dirawat di hospital, kebanyakannya stabil atau semakin pulih, manakala lima pesakit kritikal dan ditempatkan di unit rawatan rapi.

Singapura mencatatkan 19 kluster terbuka setakat ini. - ©BERNAMA

Penduduk di New York adakan tunjuk perasaan bantah serangan Israel terhadap Palestin di Gaza

NEW YORK, 19 Mei. - Penduduk New York City berhimpun di jalan-jalan raya di pusat bandar Manhattan sebagai membantah serangan udara Israel di Gaza, lapor Sputnik.

Ratusan penunjuk perasaan sambil mengibarkan bendera Palestin dan memakai selendang "keffiyeh", berhimpun di hadapan Konsulat Jeneral Israel di New York pada Selasa.

"Dari sungai ke laut - Palestin akan bebas," teriak seorang daripada ketua penunjuk perasaan. Mereka membawa bersama pelbagai jenis sepanduk antaranya

"Berhenti bom kanak-kanak yang tidak bersalah", "Bebaskan Palestin", "Palestine will never die", "Tamatkan semua bantuan AS kepada Israel".

Turut kelihatan kehadiran ramai anggota polis di sekitar ibu pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang terletak tidak jauh dari lokasi tunjuk perasaan.

Seorang pengawal keselamatan berkata kawalan diperketat sebagai langkah berjaga-jaga kemungkinan penunjuk perasaan akan menyerbu bangunan pertubuhan badan dunia itu.

Majlis Keselamatan PBB telah dikritik hebat, termasuk Duta Palestin untuk PBB Riyad Mansour, kerana gagal mengadakan gencatan senjata di Timur Tengah.

Selepas tiga kali mesyuarat dalam masa seminggu, Majlis Keselamatan PBB masih dilihat gagal memainkan peranannya apabila Amerika Syarikat terus menyekat sebarang pernyataan berhubung keganasan di Gaza.

Pertempuran terbaru meletus minggu lalu berikutan keganasan melampau rejim Israel terhadap penduduk Palestin di wilayah yang diduduki. - ©BERNAMA

COVID-19 : Singapura nafi laporan mengenai "varian Singapura"

SINGAPURA, 19 Mei. - Tiada "varian Singapura", kata Kementerian Kesihatan negara ini sekali gus menafikan beberapa laporan berita di India yang mengatakan terdapat varian baharu di Singapura.

"Strain yang terdapat dalam banyak kes COVID-19 sejak beberapa minggu lalu adalah varian B.1.617.2, berasal dari India. Ujian filogenetik menunjukkan varian B.1.617.2 ini dikaitkan dengan beberapa kluster Singapura.

"Laporan yang dikeluarkan itu tidak benar," kata jurucakap kementerian dalam satu kenyataan

lewat malam tadi.

Kementerian itu merujuk laporan Hindustan Times yang memetik Ketua Menteri New Delhi Arvind Kejriwal menerusi berita bertajuk "Coronavirus variant found in Singapore can be India's 3rd wave, extremely dangerous for kids, warns Arvind Kejriwal".

"Portal berita India NDTV turut mengeluarkan laporan bertajuk "Stop Singapore Flights: Arvind Kejriwal To Centre Over New Covid Strain".

Kedua-dua laporan itu diterbitkan pada 18 Mei.

Dalam satu kenyataan berasingan, Kementerian Luar

(MFA) Singapura kecewa dengan kenyataan tidak berasas Ketua Menteri New Delhi Arvind Kejriwal di Facebook dan Twitter, mengenai varian COVID-19 yang dikesan di Singapura berbahaya terutamanya kepada kanak-kanak dan boleh mencetuskan gelombang jangkitan ketiga di India.

"MFA kecewa kerana seorang tokoh politik gagal memastikan fakta sebelum membuat kenyataan itu. MFA bertemu dengan Pesuruhjaya Tinggi India P Kumaran pagi ini untuk menyuarakan kebimbangan mengenai isu itu," kata jurucakap kementerian. - ©BERNAMA

India catat rekod kematian harian COVID-19 tertinggi

NEW DELHI, 19 Mei. - India melaporkan kes kematian harian COVID-19 tertinggi pada Rabu, kata Kementerian Kesihatan negara itu.

Dengan 4,529 kematian baharu, jumlah korban di seluruh negara telah mencecah 283,248, lapor Agensi Anadolu.

Majlis Penyelidikan Perubatan India (ICMR) berkata seramai 2,008,296 penduduk menjalani saringan pada Selasa. Setakat ini, lebih 320 juta sampel telah diuji untuk COVID-19.

Pada Rabu, 267,334 kes baharu didaftarkan, di bawah angka 300,000 untuk hari ketiga berturut-turut. Jumlah kes keseluruhan pula melebihi 25.49 juta.

Sekurang-kurangnya 270 doktor telah meninggal dunia di seluruh negara dalam gelombang terbaru pandemik, kata Persatuan Perubatan India (IMA).

Sementara itu, Kementerian Luar Singapura menafikan dakwaan Ketua Menteri New Delhi, Arvind Kejriwal mengenai varian COVID-19 di negara Asia Tenggara itu.

Kejriwal pada Selasa menulis di twitter: "Bentuk baharu COVID-19 di Singapura dikatakan sangat berbahaya kepada kanak-kanak. Ia boleh muncul sebagai gelombang ketiga di India."

Beliau juga meminta kerajaan menghentikan segera perkhidmatan udara dengan Singapura. - ©BERNAMA

Gempa bermagnitud 5.8 landa Nepal

KATHMANDU, 19 Mei. - Gempa bumi berkekuatan 5.8 pada skala Richter menggegarkan daerah Lamjung di utara-tengah Nepal pada Rabu, menyebabkan sekurang-kurangnya tiga cedera, lapor Agensi Berita Xinhua.

Gegaran berlaku pada 5.42 pagi waktu tempatan dengan pusat gempa di Bhulbhule dekat dengan perbandaran Marsyang, turut dirasakan di beberapa kawasan termasuk di Kathmandu, menurut pusat gempa kebangsaan.

"Penduduk panik ekoran gegaran yang kuat. Tiga orang cedera selepas dinding rumah mereka roboh dn kini sedang menerima rawatan," kata ketua pegawai daerah Lamjung Hom Prasad Luintel.

Jumlah kerugian belum dapat dipastikan.

"Gegaran itu cukup kuat. Namun, belum ada laporan korban jiwa," kata ketua majlis perbandaran luar bandar Arjun Gurung.

Pada 2015, sekurang-kurangnya 9,000 orang maut dalam gempa kuat di Nepal. - ©BERNAMA

Siklon Tauktae ragut 37 nyawa di India, 81 masih hilang

NEW DELHI, 19 Mei. - Siklon Tauktae menyebabkan sekurang-kurangnya 37 orang terbunuh di India pada Selasa, menurut Agensi Anadolu (AA).

Seramai 12 orang dilaporkan maut di Maharashtra, lapan di Karnataka, 13 di Gujarat dan masing-masing dua di Goa dan Kerala, menurut catatan rasmi.

Tauktae mendarat pada lewat Isnin di barat negeri Gujarat dengan kelajuan angin mencecah sehingga 185 kilometer (km) sejam, menyebabkan rumah musnah dan pokok tumbang.

"Lebih 16,000 rumah rosak, dan lebih 40,000 pokok dan lebih 1,000 tiang tumbang," kata Ketua Menteri Gujarat, Vijay Rupani.

Tentera Laut India melancarkan operasi mencari dan menyelamatkan untuk mengesan 81 orang yang dilaporkan hilang selepas sebuah bot tenggelam di 35 batu nautika dari Mumbai.

Kapal tentera laut India Beas, Betwa dan Teg bergabung dengan INS Kochi dan Kolkata dalam operasi itu, seramai 180 mangsa terselamat, demikian menurut kenyataan Kementerian Pertahanan.

Dalam satu lagi operasi lain, helikopter Tentera Laut India berjaya menyelamatkan 35 kru kapal GAL Constructor.

Perdana Menteri Narendra Modi dijadual melawat Gujarat dan Diu pada Rabu.

Beliau akan melakukan tinjauan menerusi udara di Una, Diu, Jafarabad dan Mahuva sebelum mengadakan mesyuarat di Ahmedabad. - ©BERNAMA

Sukan

INFO SUKAN

TRIATHLON merupakan satu perlumbaan melibatkan pelbagai aktiviti sukan yang diadakan secara berterusan dan berurutan. Lazimnya ia melibatkan tiga jenis sukan, seperti berenang, berbasikal dan berlari. Tujuan sukan ini ialah untuk menyelesaikan keseluruhan aktiviti sepanjang yang boleh.



ePaper Pelita Brunei

WALK, RUN, CYCLE PUSAT EHSAN, 27 JUN

Oleh : Marlinawaty Hussin
Infografik : Ihsan Pusat Ehsan Al-Ameerah
Al-Hajjah Maryam

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 Mei. - Acara riadah amal Walk, Run, Cycle anjuran Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam (Pusat Ehsan) akan diadakan pada 27 Jun 2021, di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

Acara ini bertujuan untuk mengutip dana dengan sasaran sebanyak BND20,000 bagi mengisi Tabung Pusat Ehsan, di mana ia akan dimanfaatkan untuk menampung dan membiayai perbelanjaan juga perkhidmatan yang telah dan akan dirancang bagi kesejahteraan insan-insan istimewa di Pusat Ehsan.

Di samping itu, ia diadakan bagi meningkatkan kesedaran dan penglibatan orang awam dalam membantu orang-orang berkeperluan khas.

Pendaftaran masih dibukakan sehingga hari acara dijalankan. Bagaimanapun, orang ramai yang berminat untuk menyertai acara ini disarankan untuk mendaftar lebih awal kerana jumlah saiz baju adalah terhad.

Acara dibahagikan kepada dua kategori, memabitkan Fun Walk & Run sejauh 5 kilometer (km) dan aktiviti berbasikal sejauh 30km. Yuran pendaftaran bagi setiap

kategori ialah BND25.

Pusat Ehsan juga akan mengadakan acara berkenaan di keempat-empat daerah pada tahun ini.

Sehubungan itu, pingat bagi para peserta akan dibahagikan kepada empat bahagian yang melambangkan empat daerah yang terdapat di negara ini.

Peserta yang berjaya mengumpulkan keempat-empat pingat akan berpeluang untuk memenangi hadiah cabutan bertuah yang menarik.

Borang pendaftaran bagi menyertai acara ini boleh dimuat turun melalui laman sesawang www.brunel.event.

Untuk maklumat lanjut, hubungi menerusi talian +673 8738771.

Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam adalah badan bukan kerajaan dan bukan berasaskan keuntungan.

Oleh itu, kesemua perbelanjaan ditanggung sepenuhnya oleh Pusat Ehsan sendiri, iaitu sebanyak kira-kira BND50,000 sebulan.

Oleh itu, Pusat Ehsan mengharapkan sumbangan dan sokongan orang ramai untuk membantu dalam menjaga dana kewangan memandangkan pusat berkenaan tidak mengenakan bayaran kepada penuntut-penuntutnya.

Bagi menampung perbelanjaan bulanan, pusat tersebut mengadakan tiga aktiviti amal, termasuk Charity Golf, Charity Bazaar dan Charity Walk, Run Cycle.

Malaysia tuan rumah Kejohanan Skuasy Lelaki Berpasukan Dunia

KUALA LUMPUR, 21 Mei. - Malaysia akan menjadi tuan rumah Kejohanan Skuasy Lelaki Berpasukan Dunia Persekutuan Skuasy Dunia (WSF) 2021, di Pusat Skuasy Nasional Bukit Jalil pada 7-11 Dis, selepas kali terakhir menganjurkannya pada 1997.

Kejohanan dunia itu pada asalnya dijadualkan di Tauranga, New Zealand, namun terpaksa dipindahkan disebabkan sekatan perjalanan yang ketat di negara itu bagi mengekang penularan pandemik COVID-19, di mana kemasukan penumpang dari semua negara pada masa ini dikawal ketat.

Menurut pengumuman WSF di laman sesawang mereka <https://www.worldsquash.org>, ia juga merupakan kejohanan pertama diadakan di Asia sejak edisi 2007 di Chennai, India.

"Kami secara amnya kecewa kerana kami tidak dapat kembali ke New Zealand, dan saya ingin mengucapkan terima kasih kepada New Zealand atas sokongan mereka dan kerja-kerja yang telah dilakukan sebelum keputusan ini dibuat. Kami berterima kasih kepada negara-negara yang menawarkan bantuan mereka, dan terutamanya Malaysia kerana bersetuju untuk menganjurkannya walaupun pada notis yang agak singkat.

"Persatuan Raket Skuasy Malaysia (SRAM) mempunyai kedudukan yang baik dalam menganjurkan kejohanan utama skuasy, jadi kami bertuah untuk mendapatkan tuan rumah alternatif yang berupaya dan bersedia, dan kami teruja untuk bekerjasama rapat untuk menganjurkan satu kejohanan kelas terbaik sebagai menutup tahun ini," kata Presiden WSF Zena Wooldridge.

Sementara itu Presiden SRAM Gerard Monteiro, mengucapkan terima kasih kepada Zena dan WSF atas kepercayaan terhadap keupayaan mereka, dengan memberikan hak penganjuran itu kepada Malaysia.

"Kami mengalu-alukan pasukan dari seluruh dunia untuk berkumpul di Kuala Lumpur, untuk satu sambutan skuasy lengkap dengan hospitaliti Malaysia yang terkenal.

"Sebagai seorang peminat skuasy, saya percaya tidak ada persembahan sukan yang lebih baik daripada melihat pemain skuasy profesional bermain dalam kejohanan," katanya.

Kejohanan dunia itu diharapkan menjadi pengganti kepada SRAM, selepas kehilangan hak penganjuran kejohanan Berpasukan Wanita Dunia akibat pandemik.

Malaysia telah menyertai Kejohanan Skuasy Lelaki Berpasukan Dunia 18 kali sejak 1979, namun tidak pernah mencapai tempat ketiga terbaik dengan kedudukan terbaik dicapai dengan menduduki tempat kelima pada edisi 2011 dan 2005.

Malaysia menduduki tempat kesembilan pada edisi 2019 di Washington, Amerika Syarikat, yang dimenangi kuasa skuasy dunia, Mesir. - ©BERNAMA

MSBK 2021 empat pusingan bermula Ogos

KUALA LUMPUR, 20 Mei. - Litar Antarabangsa Sepang (SIC) dan Two Wheels Motor Racing (TWMR) secara bersama mengumumkan penganjuran empat pusingan Kejohanan Superbike Malaysia (MSBK) musim 2021, dalam keadaan negara menghadapi kenaikan kes harian jangkitan COVID-19.

Penganjur MSBK itu menyatakan, kejohanan tersebut dijangka diadakan pada Ogos di SIC, dengan jangkaan jumlah jangkitan kes akan stabil dalam tempoh beberapa bulan yang akan datang.

Pusingan pembukaan dijadualkan dari 6-8 Ogos, diikuti pusingan kedua pada 20-22 Ogos, manakala dua pusingan terakhir akan diadakan secara berganda dari 14-17 Okt, namun bergantung kepada kelulusan kerajaan terutamanya berkaitan prosedur operasi standard (SOP) COVID-19.

Ketua Pegawai Eksekutif SIC Azhan Shafriman Hanif berkata, penganjur adalah komited dalam mendapatkan kelulusan yang diperlukan dan akan memastikan mereka terlibat dengan perlumbaan ini patuh kepada SOP yang ditetapkan.

"Pengumuman ini membawa berita baik untuk persekitaran permotoran motosikal kita, saya percaya pelumba teruja untuk berlumba pada MSBK yang akan datang.

"Pada ketika ini, kita masih berada di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sehingga 7 Jun akibat peningkatan COVID-19. Walaupun kita mahu beraksi

semula, namun keselamatan dan kesihatan semua pihak tetap menjadi keutamaan," katanya dalam kenyataan.

Sementara itu Pengarah TWMR Ron Hogg berkata, penganjuran kejohanan itu penting bagi memastikan sistem pembangunan pelumba terus memainkan peranannya, dalam melahirkan pelumba berkelas dunia masa hadapan.

"Hanya satu pusingan perlumbaan MSBK dapat diadakan pada 2020 disebabkan pandemik itu. Walaupun kejohanan itu mungkin dapat atau tidak dapat menjemput pelumba luar negara untuk menyertainya pada masa ini, kami merasakan ada kepentingan untuk MSBK diteruskan," katanya. - ©BERNAMA

Tahukah Awda

BANGUNAN Muzium Brunei dibina pada 1968 dan siap tahun 1970. Ia dibuka rasmi pada 29 Februari 1972 oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen Elizabeth II. Bangunan ini terletak di tapak arkeologi Kota Batu lebih kurang 5 km dari Bandar Seri Begawan. Selain daripada itu, kira-kira 200 meter dari lokasi ini juga terdapatnya Makam Sultan Bolkiah, Sultan Brunei yang Ke-5.

SUMBER: Jabatan Muzium-Muzium Brunei.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

SETIAP KERJA YANG HALAL MESTILAH DILAKSANAKAN DENGAN NIAT IKHLAS KERANA ALLAH

دتر بیتکن اوله جابتن قنراغن، جابتن فردان منتري دان دجیتق اوله قرینت قلس سندیرین برحد، نگارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam